


L A P O R A N T A H U N A N



JABATAN PERDANA MENTERI

# 2016





© Hak cipta terpelihara. Tidak dibenarkan mengeluarkan ulang mana-mana bahagian isi kandungan buku ini dalam apa jua bentuk dan dengan apa cara sekalipun sama ada elektronik, fotokopi, mekanik, rakaman atau lain-lain sebelum mendapat izin bertulis dari Jabatan Perdana Menteri, Malaysia.

Diterbitkan Oleh

JABATAN PERDANA MENTERI

Blok B8, Kompleks Jabatan Perdana Menteri,  
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan,  
62502 Putrajaya,  
Malaysia.

No. Telefon : 603-8000 8000  
No. Faksimile : 603-8888 3904

 [www.facebook.com/Jab.PerdanaMenteri](https://www.facebook.com/Jab.PerdanaMenteri)

 [@jpmgov\\_](https://twitter.com/jpmgov_)

 [@jabatanperdanamenteri](https://www.instagram.com/jabatanperdanamenteri)

[www.jpm.gov.my](http://www.jpm.gov.my)


DICETAK DI MALAYSIA

eISSN 2590-4205



# KANDUNGAN

|  |  |
|--|--|
| <b>Perutusan Ketua Setiausaha Negara</b> 2<br><b>Kata-kata Aluan Timbalan Ketua Setiausaha Kanan</b> 4<br><b>Pengurusan Tertinggi</b> 6<br><b>Pengurusan Pentadbiran</b> 8<br><b>Carta Organisasi JPM</b> 11<br><b>Carta Organisasi Jabatan dan Agensi bawah JPM</b> 12          | <b>JABATAN AGENSI JPM UTAMA MENGIKUT SEKTOR</b><br><b>Acara Utama Negara</b> 97<br>- Bahagian Istiadat dan Urus Setia Persidangan Antarabangsa (BIUPA)<br>- Lawatan SPB YDP Agong<br>- Lawatan Pembesar Negara<br><b>Sektor Keagamaan</b> 109<br>- Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM)<br>- Jabatan Wakaf, Zakat dan Haji (JAWHAR)<br><b>Sektor Keselamatan</b> 121<br>- Agensi Penguatkuasaan Maritim Malaysia (APMM)<br>- Majlis Keselamatan Negara (MKN)<br>- Eastern Sabah Security Command (ESSCOM)<br><b>Pelbagai Sektor Sosial</b> 143<br>- Bahagian Pengurusan Hartanah (BPH)<br>- Bahagian Hal Ehwal Undang-Undang (BHEUU)<br>- Biro Tatanegara (BTN)<br>- Biro Pengaduan Awam (BPA)<br>- Institut Latihan Kehakiman dan Perundangan (ILKAP)<br>- Jabatan Insolvensi Malaysia (Mdi)<br>- Jabatan Perangkaan<br>- PERMATA<br>- PUSPANITA Kebangsaan<br>- TalentCorp<br><b>Sektor Pembangunan Modal Insan</b> 177<br>- Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA)<br><b>Sektor Pembangunan Sosial Ekonomi</b> 183<br>- Unit Perancang Ekonomi (EPU)<br>- FELDA<br>- SPAD |
| <b>MAKLUMAT KORPORAT</b><br><b>Hala Tuju Strategik</b> 16<br>i. VISI<br>ii. MISI<br>iii. OBJEKTIF<br>iv. DASAR KUALITI<br><b>Fungsi Pentadbiran JPM</b> 18<br><b>Piagam Pelanggan</b> 20<br><b>Jabatan / Agensi di Bawah JPM</b> 22  | <b>DIARI AKTIVITI 2016</b> 195<br>Gambar-gambar aktiviti JPM tahun 2016  |
| <b>PENCAPAIAN</b><br><b>Pengurusan Sumber Manusia</b> 28<br><b>Pengurusan Kewangan</b> 46<br><b>Khidmat Pengurusan</b> 54<br><b>Pengurusan Audit</b> 66<br><b>Pembangunan</b> 72<br><b>Pengurusan Akaun</b> 76<br><b>Unit Integriti</b> 82<br><b>Unit Komunikasi Korporat</b> 86 |  |



#### **ASSALAMUALAIKUM WARAHMATULLAHI WABARAKATUH, SALAM SEJAHTERA DAN SALAM MALAYSIA.**

Alhamdulillah syukur ke hadrat Allah S.W.T. kerana dengan limpah rahmat dan izinNya, Jabatan Perdana Menteri terus menelusuri tahun 2016 dengan cemerlang. Penerbitan Laporan Tahunan ini merupakan satu usaha yang sangat baik kerana ia merupakan dokumentasi maklumat dan sumber rujukan yang sangat penting ke arah nilai tambah kepada kualiti perkhidmatan awam di negara ini.

Di sini, ingin saya menzahirkan ucapan terima kasih di atas usaha dan komitmen warga JPM yang telah menyumbang khidmat bakti, tenaga dan tanggungjawab kepada masyarakat dan negara kita selama ini. Sesungguhnya, dugaan demi dugaan yang dihadapi oleh negara secara umum dan rakyat termasuklah kita penjawat awam warga JPM, samada secara langsung atau tidak langsung, seharusnya dijadikan iktibar dan peringatan kepada diri kita sendiri, bahawa segala kejayaan dan kesejahteraan yang dinikmati oleh kita, tidak boleh diambil secara ringan atau mudah.

Bersesuaian dengan slogan 'Merakyatkan Perkhidmatan Awam' serta amalan budaya kerja berprestasi tinggi, meningkatkan produktiviti dan

keaktiviti, maka kita perlulah terus bekerja dengan gigih dan berhemah dalam melaksanakan tugas serta tanggungjawab yang telah diamanahkan. Warga JPM perlu kekal menjadi modal insan terbaik, berinisiatif melengkapkan diri dengan ilmu pengetahuan terkini, berdaya saing dan mengamalkan nilai-nilai budaya kerja terbaik agar organisasi ini sentiasa menjadi sebuah agensi yang berwibawa dan menjadi penanda aras untuk dicontohi.

Pada tahun 2016, pelbagai kejayaan telah kita lakari, kemajuan dan kejayaan-kejayaan tidak akan dikecapi negara tanpa usaha padu penjawat awam dalam melakari agenda transformasi negara. Dalam erti kata lain, ia merupakan berkat usaha yang gigih dan komitmen kita sebagai tunjang kepada pembangunan negara. Oleh itu, saya berharap penjawat awam khususnya warga JPM perlu meneruskan momentum ini. Komitmen yang tinggi dalam melaksanakan tugas oleh pegawai dan anggota JPM menjadi pemangkin dan tunjang kepada pembangunan Negara.

Di sebalik keadaan ekonomi global yang mencabar, warga JPM perlu sentiasa berdaya saing, kreatif dan berinovasi, sentiasa mencari ruang penambahbaikan,

# RUTUSAN

**“Warga JPM mesti menjadi modal insan terbaik, berinisiatif melengkapkan diri dengan ilmu pengetahuan terkini, berdaya saing dan mengamalkan nilai-nilai budaya kerja terbaik.”**

**TAN SRI DR. ALI HAMSA  
KETUA SETIAUSAHA NEGARA**

dari semasa ke semasa demi kesejahteraan rakyat dan Negara. Pendekatan perlu diselaraskan dengan pelbagai kaedah inisiatif yang telah dilaksanakan, sebagai contoh, melalui pendekatan Strategi Lautan Biru Kebangsaan (NBOS), dan kini gagasan Transformasi Nasional 2050 atau TN50 di mana inisiatif-inisiatif TN50 yang merupakan pelan jangka panjang pembangunan negara hasil aspirasi rakyat masa kini. Inisiatif ini dijangka akan mengubah landskap pemikiran politik, ekonomi dan sosial Malaysia ke arah membentuk negara bangsa berwibawa serta berminda *'par excellence'*.

JPM sebagai sebuah Jabatan penanda aras dalam sistem penyampaian perkhidmatan sokongan dan tadbir urus terbaik sektor awam di negara ini mesti menjadi penggerak dalam arus pemodenan dan transformasi Negara. Setiap program yang dilaksanakan oleh JPM mesti berfokuskan kepada keberhasilan, berorientasikan pelanggan dan berlandaskan aspirasi *stakeholders* di samping merealisasikan serta memperkasakan elemen-elemen berteraskan Transformasi dan Inovasi sebagai membudayakan kecemerlangan agensi sektor Awam.

Dalam hubungan ini, sistem tadbir urus bagi setiap organisasi di bawah JPM perlu sentiasa ditambahbaik kerana ia berkait langsung dengan penyampaian perkhidmatan yang relevan dengan situasi semasa. Warga JPM perlu lebih fokus kepada penyampaian perkhidmatan yang lebih jitu untuk rakyat dan berperanan memastikan penyampaian perkhidmatan awam kepada rakyat di tahap terbaik. Program-program mendekati rakyat, turun padang, "jejak dan berkhidmat", untuk rakyat, menjadi agenda utama supaya perkhidmatan dapat disampaikan secara cepat dan tepat bagi mengelakkan kerugian masa dan kos kepada rakyat. Keyakinan dan harapan rakyat kepada perkhidmatan awam menjadi pemangkin kepada kejayaan organisasi dan Negara keseluruhannya.

Harapan saya, semoga JPM terus mengekalkan prestasi cemerlang dan berusaha memberikan perkhidmatan terbaik demi memartabatkan sektor perkhidmatan awam negara ke arah membina negara Malaysia yang lebih cemerlang pada masa hadapan.

Sekian, terima kasih.

**TAN SRI DR. ALI HAMSA**



#### ASSALAMUALAIKUM WARAHMATULLAHI WABARAKATUH, SALAM SEJAHTERA DAN SALAM MALAYSIA.

Syukur ke hadrat Allah S.W.T. dengan limpah rahmat dan izin-Nya, kita telah berjaya menggalas tanggungjawab yang diamanahkan sepanjang tahun 2016.

Laporan tahunan ini merupakan satu wadah dan paparan kesinambungan hasil kerja tahunan warga Jabatan Perdana Menteri yang diterbitkan sebagai dokumentasi bagi merakamkan pelbagai aktiviti, sumbangan, kejayaan dan pencapaian JPM serta bukti komitmen warga JPM. Peranan JPM sebagai peneraju penyampaian perkhidmatan tadbir urus dan memudah cara dalam memberi khidmat sokongan kepada semua *stakeholder* serta pelanggan-pelanggan Jabatan tidak dapat mengelak daripada menghadapi cabaran-cabaran pada era globalisasi di mana maklumat begitu mudah dan terlalu pantas diperolehi, jadi warga JPM sentiasa bersedia mendepani cabaran-cabaran yang selari dengan kehendak dan suasana masa kini.

JPM sentiasa komited melaksanakan transformasi, projek-projek berinovasi dan kaedah bekerja yang berdaya kreatif bagi memantapkan keberkesanan sistem penyampaian perkhidmatan yang lebih *holistic* dengan berani meneroka inisiatif untuk memformula dan mentransformasikan perkhidmatan selari dengan peningkatan sahsiah diri. Warga JPM berusaha memberi perkhidmatan yang sentiasa kompetitif melalui idea-idea baru yang positif, cekap dan berkesan termasuk melaksanakan program-program perkongsian pintar dan NBOS bagi menghasilkan *output* dan *outcome* yang lebih baik dan berimpak tinggi kepada "*stake holder*" dan masyarakat seluruhnya.

Bagi mengekalkan kecemerlangan secara berterusan, semangat kerja berpasukan, berintegriti, berlandaskan prinsip akauntabiliti dan professional sentiasa menjadi pegangan setiap warga JPM.

# KALU-ALUAN

**“...komited melaksanakan transformasi, projek-projek berinovasi dan kaedah bekerja yang berdaya kreatif bagi memantapkan keberkesanan sistem penyampaian perkhidmatan.”**

**TAN SRI OTHMAN HAJI MAHMOOD**  
TIMBALAN KETUA SETIAUSAHA KANAN  
JABATAN PERDANA MENTERI

Alhamdulillah, pada tahun 2016, JPM terus melakar kejayaan samada di kalangan perkhidmatan awam, Negara mahupun di peringkat antarabangsa. Antara kejayaan-kejayaan dan pengiktirafan yang diterima oleh JPM sepanjang tahun 2016 ialah; Pencapaian 4 bintang dalam Audit Indeks Akauntabiliti (4 Bintang), Penarafan 5 bintang bagi Pensijilan Sistem *Star Rating* (SSR); mendapat Pensijilan MS ISO 9001: 2015; Pensijilan Ekosistem Kondusif Sektor Awam (EKSA); Pengiktirafan Bintang KPI HRMIS Tahun 2015 (5 Bintang); Tempat Ketiga Anugerah Ikon Pengurusan Projek 2015; Anugerah AKRAB Gemilang; AKRAB Potensi & Pasangan Mentor Menti Terbaik; Pengiktirafan Kementerian Paling Aktif menggunakan E-Pembelajaran Sektor Awam (EPSA) Tahun 2016; Anugerah Pengurusan Aduan Cemerlang 2015; *Malaysia Book Of Records: The 1st Asean Civil Services Games (ACSG)*; Kadar Peratusan Penggunaan Tertinggi *Lync 2010/Skype for Business* Julai 2016 di bawah Projek Perkhidmatan 1GovUC

(MAMPU); *Anugerah 3G Awards (Global Good Governance Awards): Children Welfare Award* dan Tempat Kedua Perarakan Kontinjen Maulidur Rasul (Kategori Penjawat Awam).

Akhir kata, saya ingin mengucapkan ribuan terima kasih dan setinggi-tinggi penghargaan kepada semua warga kerja JPM di atas kejayaan yang telah kita usahakan bersama. Segala pencapaian serta kejayaan yang telah dicapai ini tidak mungkin tercapai sepenuhnya tanpa kerjasama, komitmen, dedikasi serta disiplin yang tinggi daripada seluruh warga JPM, Jabatan dan Agensi di bawahnya.

**TAN SRI OTHMAN HAJI MAHMOOD**  
Timbalan Ketua Setiausaha Kanan  
Jabatan Perdana Menteri

# PENGURUSAN TERTINGGI



**YBRS. PUAN NORMI  
Bt NORDIN**  
Timbalan Ketua  
Setiausaha  
(Pengurusan)



**YBHG. TAN SRI DR. ALI  
B HAMSA**  
Ketua Setiausaha Negara

**YBHG. TAN SRI OTHMAN  
B HAJI MAHMOOD**  
Timbalan Ketua  
Setiausaha  
Kanan

**YBHG. DATUK ZAINAL ABIDIN  
B ABU HASSAN**  
Timbalan Ketua  
Setiausaha (Kewangan &  
Pembangunan)



## PENGURUSAN PENTADBIRAN



**YBhg. Datuk Halimah Bt Hashim**  
SUB Khidmat Pengurusan  
*sehingga 20 Ogos 2016*

**YBrs. Puan Shobah Bt Jamil**  
SUB Khidmat Pengurusan  
*bermula 19 September 2016*



**YBrs. Encik Othman B Jantan**  
Ketua Akauntan (KA)



**YBhg. Datuk Mariam Kholidah Bt Zulkifli**  
SUB Audit Dalam



**YBhg. Datuk Almalena Sharmila Bt Dato' Dr. Johan**  
Penasihat Undang-Undang



**YBrs. Encik Abdul Rahim B Ishak**  
SUB Kewangan  
*sehingga 16 Jun 2016*



**YBrs. Encik Shahrul Kamal B Osman**  
SUB Kewangan  
*bermula 20 Jun 2016*



**YBhg. Datuk Akbar B Haji Samon**  
SUB Inovasi & Pengurusan Sumber Manusia



**YBrs. Encik Zakaria B Shaaban**  
SUB Pembangunan



**YBrs. Puan Haslinda Bt Mohammad Tajudin**  
SUB Pengurusan Acara



**YBrs. Encik Ismail B Che Hassan**  
Ketua Unit PPAIM



**YBrs. Mohamad B Ahmad @ Puteh**  
Ketua Unit Integriti



**YBrs. Puan Rosni Bt Razali**  
Timbalan Setiausaha I  
Bahagian Audit Dalam



**YBrs. Encik Ahmad Zaki B Mahmood**  
Timbalan Ketua Akauntan  
(Operasi)  
*sehingga 20 Ogos 2016*



**YBrs. Puan Zarina Bt Yusuf**  
Timbalan Ketua  
Akauntan (Operasi)  
*bermula 15 September 2016*



**Fatimah Bt Haji Ibrahim**  
Timbalan Setiausaha  
Bahagian Akaun  
(Pengurusan)



**YBrs. Puan Pauzan Bt Ab Majid**  
Timbalan Ketua Komunikasi  
Korporat



**YBrs. Encik Yuswan B Yunus**  
Timbalan SUB Bahagian  
Inovasi & Pengurusan Sumber  
Manusia



**YBrs. Puan Noraza Bt Mohd Ariff**  
Timbalan Setiausaha II  
Bahagian Audit Dalam



**YBrs. Encik Jazmanie B Shafawi**  
Timbalan Setiausaha  
(Bahagian Kewangan)



**YBrs. Puan Shobah Bt Jamil**  
Timbalan SUB Khidmat  
Pengurusan  
*sehingga 18 September 2016*



**YBrs. Encik Rahimi B Ismail**  
Timbalan Setiausaha  
(Bahagian Kewangan)



# CARTA ORGANISASI


## JABATAN PERDANA MENTERI




# CARTA ORGANISASI

JABATAN/AGENSI DI JABATAN PERDANA MENTERI  
(BERDASARKAN WARAN PERJAWATAN DAN SURAT KELULUSAN PERJAWATAN)


| YB MENTERI-MENTERI                                     |  |
|--|--|
| YB DATO' SERI HISHAMMUDDIN BIN TUN HUSSEIN             |  |
| YB MEJAR JENERAL DATO' SERI JAMIL KHIR BIN BAHAROM (B) |  |
| YB TAN SRI DATUK SERI PANGLIMA JOSEPH KURUP            |  |
| YB DATUK JOSEPH ENTULU BELAUN                          |  |
| YB DATO' SERI DR. SHAHIDAN BIN KASSIM                  |  |
| YB SENATOR DATUK PAUL LOW SENG KUAN                    |  |
| YB PUAN HAJAH NANCY BINTI HAJI SHUKRI                  |  |
| YB DATUK IR. DR. WEE KA SIONG                          |  |
| YB DATO' SRI AZALINA BINTI DATO' OTHMAN SAID           |  |
| YB TIMBALAN-TIMBALAN MENTERI                           |  |
| YB DATO' RAZALI IBRAHIM                                |  |
| YB SENATOR DATO' DR. ASYRAF WAJDI BIN DATO' DUSUKI     |  |
| YB SENATOR DATO' SRI DEVAMANY A/L S KRISHNASAMY        |  |





# CARTA ORGANISASI

## AGENSI-AGENSI DI JABATAN PERDANA MENTERI (TIDAK MEMPUNYAI WARAN PERJAWATAN)



JABATAN PERDANA MENTERI MALAYSIA LAPORAN TAHUNAN



|                               |    |
|-------------------------------|----|
| Hala Tuju Strategik           | 16 |
| Fungsi                        | 18 |
| Piagam Pelanggan              | 20 |
| Jabatan / Agensi di Bawah JPM | 22 |

# MAKLUMAT KORPORAT

# MAKLUMAT KORPORAT



Jabatan Perdana Menteri berperanan sebagai Kementerian utama Pentadbiran Kerajaan sejak ditubuhkan pada tahun 1957. Tujuan penubuhan JPM adalah untuk merancang, merumus dan menyelaraskan pelaksanaan dasar dan matlamat negara dengan lebih berkesan dan teratur di samping memastikan kedaulatan dan keselamatan negara sentiasa utuh dan dalam keadaan terkawal. JPM juga memastikan segala urusan dilaksanakan dengan cekap, sistematik, mematuhi peraturan dan prosedur-prosedur semasa serta menepati ekspektasi dan kehendak pelanggan dan rakyat.



## Visi

Menjadi penanda aras sistem penyampaian perkhidmatan sokongan dan tadbir urus terbaik sektor awam.



## Misi

Memenuhi ekspektasi pelanggan melalui penyampaian perkhidmatan yang cekap, berkesan dan berkualiti.



## Objektif

Menentukan pengurusan sumber manusia, kewangan, pembangunan, perakaunan dan khidmat pengurusan dilaksanakan mengikut dasar.



## Dasar Kualiti

Jabatan Perdana Menteri adalah komited untuk menyampaikan perkhidmatan yang berkualiti kepada pelanggannya berteraskan nilai-nilai integriti, akauntabiliti dan profesionalisme.



### PENTADBIRAN JPM

1. Bahagian Pembangunan
2. Bahagian Akaun
3. Bahagian Kewangan
4. Penasihat Undang-undang
5. Bahagian Audit Dalam
6. Bahagian Inovasi dan Pengurusan Sumber Manusia
7. Bahagian Khidmat Pengurusan
8. Unit Perumahan Penjawat Awam 1Malaysia
9. Unit Integriti
10. Unit Komunikasi Korporat

### TERAS STRATEGIK PENTADBIRAN JPM

5 teras strategik JPM adalah teras utama kepada pelaksanaan program/aktiviti oleh 10 Bahagian/Unit di bawah JPM berdasarkan pelan tindakan dan sasaran JPM dalam Pelan Strategik JPM :

1. Memperkasa Pengurusan dan Pembangunan Modal Insan Yang Berprestij Tinggi
2. Memantapkan Pengurusan Kewangan dan Tadbir Urus Berintergriti
3. Memperkukuhkan Penyampaian Khidmat Pengurusan Yang Proaktif, Cekap dan Responsif
4. Meningkatkan Pengurusan dan Kecekapan Projek Pembangunan yang Berkesan
5. Memantapkan Profesionalisme Pengurusan Komunikasi Korporat



# FUNGSI PENTADBIRAN JPM

1. Mengkaji, merancang, mengurus dan membangunkan modal insan.
2. Melestarikan ekosistem organisasi yang kondusif melalui aktiviti.
3. Memberi perkhidmatan dalam pengurusan terimaan, bayaran, gaji, pinjaman, pendahuluan dan penyediaan maklumat kewangan dan perakaunan.
4. Melaksanakan dan menyelaras pengurusan kewangan dan perakaunan dengan teratur beringriti.
5. Merancang, melaksana serta melaporkan penemuan audit dan kajian pematuhan Jabatan dan Agensi di bawah JPM.
6. Memberi khidmat nasihat mengenai isu-isu pengurusan kewangan kepada Jabatan dan Agensi di bawah JPM.
7. Merancang, mengurus, menyelaras dan memantau pengurusan kewangan JPM yang merangkumi peruntukan/perbelanjaan mengurus dan pembangunan mengikut peraturan dan prosedur yang berkuatkuasa.



8. Merancang, mengurus, menyelaras dan memantau pengurusan aset alih kerajaan, penyelenggaraan bangunan dan landskap di bawah tanggungjawab JPM.
9. Merancang, mengurus dan menyelaras penyediaan kemudahan teknologi maklumat dan komunikasi (ICT) JPM.
10. Melaksana dan memberi khidmat nasihat serta sokongan dalam teknologi maklumat dan komunikasi (ICT), pengurusan rekod dan pendokumentasi, sistem keselamatan, perpustakaan, pengurusan majlis dan khidmat keurusetiaan dan aktiviti kebajikan dan sukan.
11. Memastikan pengurusan persepsi dan imej korporat JPM diurus dengan cekap.
12. Menjadi sekretariat aduan dan pengurusan pelanggan JPM.
13. Memastikan tadbir urus yang baik dan pengukuhan integriti.
14. Melaksanakan pengesahan salah laku dan urusan tatatertib melibatkan penjawat awam di JPM.
15. Merancang, melaksana, menyelaras dan memantau pelaksanaan program PPAIM.

# PIAGAM PELANGGAN

1. Memastikan urusan perkhidmatan diselesaikan dalam tempoh 5 hingga 21 hari bekerja mengikut jenis urusan:
  - (a) urusan penempatan;
  - (b) urusan cuti, elaun dan kemudahan;
  - (c) keputusan perakuan Panel Pengurusan Program Transformasi Minda (PTM);
  - (d) pengeluaran Surat Keputusan/Penyiaran (kenaikan pangkat/pemangkuan) Kumpulan Sokongan 1 Perkhidmatan Bukan Gunasama JPM; dan
  - (e) penyediaan laporan kaunseling.
2. Memproses bayaran sehingga pengeluaran Cek/EFT dalam tempoh empat (4) hari bagi dokumen kewangan yang lengkap dan sempurna;
3. Mengeluarkan Waran Peruntukan Kecil Belanja Mengurus dalam tempoh dua (2) hari bekerja setelah diterima :
  - (a) Waran Am daripada Kementerian Kewangan Malaysia; dan
  - (b) Kelulusan agihan/pindah peruntukan.
4. Memastikan permohonan perubahan siling dan skop projek yang lengkap melalui Sistem Pemantauan Projek II (SPP II) dikemukakan kepada Unit Perancang Ekonomi (EPU) dalam tempoh tiga (3) hari bekerja;
5. Mengeluarkan maklum balas kepada pemaju projek perumahan PPA1M dalam tempoh tiga (3) hari bekerja daripada tarikh penerimaan kertas cadangan dan mengeluarkan surat niat dalam tempoh tujuh (7) hari bekerja daripada tarikh keputusan Jawatankuasa Khas PPA1M;
6. Mengemukakan pemerhatian Audit Pengurusan Kewangan dalam tempoh 23 hari bekerja selepas pengauditan selesai dijalankan;



# PENTADBIRAN JPM



7. Memberi maklum balas awal terhadap aduan JPM yang telah diterima dalam tempoh lima (5) hari bekerja dan penyelesaian aduan JPM dalam tempoh 15 hari bekerja dari tarikh aduan diterima;
8. Memastikan prosiding tatatertib disempurnakan dalam tempoh enam (6) minggu dari tarikh penentuan kes *Prima Facie*;
9. Memberi perkhidmatan nasihat undang-undang yang berkualiti, profesional dan selaras dengan Perlembagaan Persekutuan dan undang-undang Malaysia dalam tempoh tujuh (7) hari bekerja bergantung pada kerumitan isu;
10. Menyelesaikan urusan hal ehwal pentadbiran bagi urusan berikut:
  - (a) mengurus perolehan harta modal dan perkhidmatan yang diperlukan oleh JPM dalam tempoh tujuh (7) hari bagi pembelian terus, 60 hari bagi sebut harga dan tiga (3) hingga lima (5) bulan perolehan melalui tender;
  - (b) menyelesaikan aduan kerosakan ICT secara dalaman dalam tempoh tiga (3) hari bekerja sekiranya ia tidak melibatkan pembekal;
  - (c) mengeluarkan Pas Keselamatan Tetap dalam tempoh satu (1) hari dan Pas Keselamatan Sementara dalam tempoh tiga (3) hari dari tarikh permohonan lengkap diterima; dan
  - (d) mengeluarkan surat peringatan pemulangan bahan bacaan seperti berikut:
    - (i) Pertama: 1 hari bekerja selepas tamat tempoh pinjaman;
    - (ii) Kedua: 7 hari selepas surat peringatan pertama; dan
    - (iii) Ketiga: 14 hari selepas surat peringatan kedua.

# JABATAN / AGENSI DI BAWAH JPM



Sehingga **1 Februari 2016**, terdapat **92 Jabatan/Agensi** diletakkan di bawah Jabatan Perdana Menteri iaitu **57 Jabatan, 15 Badan Berkanun, 14 Organisasi di bawah Akta Syarikat, 5 Yayasan dan 1 Pertubuhan Antarabangsa**. Senarai jabatan/agensi JPM mengikut kategori seperti berikut:



## PEMBANGUNAN WILAYAH

- Unit Kawal Selia FELDA
- Pejabat Seranta FELDA
- Lembaga Kemajuan Wilayah Pulau Pinang (PERDA)
- Majlis Pembangunan Wilayah Ekonomi Pantai Timur (ECERDC)
- Pihak Berkuasa Wilayah Pembangunan Iskandar (IRDA)
- Pihak Berkuasa Pelaksanaan Koridor Utara (NCIA)
- Pihak Berkuasa Pembangunan Ekonomi dan Pelaburan Sabah (SEDIA)
- Lembaga Pembangunan Koridor Wilayah (RECODA)
- Lembaga Kemajuan Tanah Persekutuan (FELDA)
- Urusetia Jawatankuasa Kerja Tanah Wilayah Persekutuan



## PEMBANGUNAN NASIONAL

- Unit Perancangan Ekonomi (EPU)
- Unit Penyelarasan Pelaksanaan (ICU)
- Jabatan Perangkaan Malaysia (DoS)
- Lembaga Pelesenan Kenderaan Perdagangan (LPKP) Sabah
- Lembaga Pelesenan Kenderaan Perdagangan (LPKP) Sarawak
- Suruhanjaya Pengangkutan Awam Darat (SPAD)
- Malaysia Industry- Government Group for High Technology (MIGHT)



## PERUNDANGAN DAN INTEGRITI

- Jabatan Peguam Negara (AGC)
- Suruhanjaya Pilihan Raya (SPR)
- Suruhanjaya Hak Asasi Manusia (SUHAKAM)
- Jabatan Audit Negara
- Lembaga Penasihat
- Bahagian Perlindungan
- Suruhanjaya Integriti Agensi Penguatkuasaan (SIAP)
- Institut Integriti Malaysia (IIM)
- Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM)
- Bahagian Tadbir Urus dan Integriti (BITU)



## PENGURUSAN KEHAKIMAN

- Bahagian Hal Ehwal Undang-undang (BHEUU)
- Pejabat Ketua Pendaftar Mahkamah Persekutuan (PKPMP)
- Jabatan Kehakiman Syariah Malaysia (JKSM)



## PENGURUSAN SOSIOEKONOMI

- Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM)
- Jabatan Wakaf, Zakat dan Haji (JAWHAR)
- Pejabat Mufti Wilayah Persekutuan
- Lembaga Tabung Haji (LTH)
- Majlis Agama Islam Wilayah Persekutuan (MAIWP)
- Alhijrah Media Corporation (TV Alhijrah)

TEAM



## PENGURUSAN PEMODENAN DAN PENTADBIRAN

- Institut Kajian Strategik dan Antarabangsa Malaysia (ISIS)
- Pejabat Setiausaha Persekutuan (SUP) Sabah
- Pejabat Setiausaha Persekutuan (SUP) Sarawak
- Bahagian Pengurusan Hartanah (BPH)
- Bahagian Istiadat dan Urus setia Persidangan Antarabangsa (BIUPA)
- Bahagian Kabinet, Perlembagaan dan Perhubungan Antara Kerajaan (BKPP)
- Istana Negara
- Parlimen Malaysia
- Pejabat Penyimpan Mohor Besar Raja-Raja
- Unit Pemodenan Tadbiran dan Perancangan Pengurusan Malaysia (MAMPU)
- Biro Pengaduan Awam (BPA)
- Pejabat Urus Setia Bekas Perdana Menteri YAB Tun Dr. Mahathir bin Mohamad
- Pejabat Urus Setia Bekas Perdana Menteri YAB Tun Abdullah bin Haji Ahmad Badawi
- Pejabat YAB Perdana Menteri
- Yayasan Dakwah Islamiah Malaysia (YADIM)
- Syarikat Perumahan Rakyat 1Malaysia Berhad (PRIMA)
- Institut Kefahaman Islam Malaysia (IKIM)
- Malaysia Nuclear Power Corporation (MNPC)
- Malaysia Petroleum Resources Corporation (MPRC)
- Pejabat Pengarah Tanah dan Galian Wilayah Persekutuan
- Yayasan Pembangunan Ekonomi Islam
- Yayasan Wakaf Malaysia
- Amanah Raya Berhad
- Petroliaam Nasional Berhad (PETRONAS)



## PENGURUSAN KESELAMATAN

- Majlis Keselamatan Negara (MKN)
- Bahagian Penyelidikan
- Pejabat Ketua Pegawai Keselamatan Kerajaan (KPKK)
- Agensi Penguatkuasaan Maritim Malaysia (APMM)
- Bahagian Hal Ehwal Penguatkuasaan Maritim Malaysia (BHEPMM)
- Jabatan Perpaduan Negara dan Integrasi Nasional (JPNIN)
- Kawasan Keselamatan Khas Timur Sabah (ESSCOM)
- Angkatan Pertahanan Awam Malaysia (APM)
- Agensi Pengurusan Bencana Negara (NADMA)



## TRANSFORMASI EKONOMI

- Unit Pengurusan Prestasi dan Pelaksanaan (PEMANDU)
- Agensi Inovasi Malaysia (AIM)
- Unit Kerjasama Awam Swasta (UKAS)
- Unit Peneraju Agenda Bumiputera (TERAJU)
- Pusat Timbang Tara Serantau Kuala Lumpur (KLRCA)
- International Multilateral Partnership Against Cyber-Threats (IMPACT)
- Bahagian Kampung Baru
- Unit Pembangunan Penjaja, Peniaga Kecil dan Wakaf Hindu



## PENGURUSAN SUMBER MANUSIA DAN PEMBANGUNAN MODAL INSAN

- Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA)
- Talent Corporation
- Biro Tatanegara (BTN)
- Bahagian PERMATA
- Unit Khas Strategik
- Majlis Profesor Negara
- Institut Latihan Kehakiman dan Perundangan (ILKAP)
- Suruhanjaya Perkhidmatan Awam (SPA)
- Suruhanjaya Perkhidmatan Pelajaran (SPP)
- Suruhanjaya Pelantikan Kehakiman (SPK)



# PENCAPAIAN JABATAN PERDANA MENTERI

# 2016

ANUGERAH  
PENGURUSAN ADUAN  
CEMERLANG TAHUN 2015



TEMPAT PERTAMA  
ANUGERAH AKRAB GEMILANG  
BAGI KATEGORI ORGANISASI



PENARAFAN INDEKS  
AKAUNTABILITI PENGURUSAN  
KEWANGAN 2015



3G AWARDS (GLOBAL GOOD  
GOVERNANCE AWARDS):  
CHILDREN WELFARE AWARD



TEMPAT KETIGA (KATEGORI KESELURUHAN)  
ANUGERAH IKON  
PENGURUSAN PROJEK  
TAHUN 2015



PENGIKTIRAFAN BINTANG  
KPI HRMIS TAHUN 2015



ANUGERAH PASANGAN  
MENTOR MENTI TERBAIK  
TAHUN 2016



- ▶ ANUGERAH PTJ TERBAIK 2016
- ▶ INDEKS STAR RATING (SSR) 2015
- ▶ KEMENTERIAN PALING AKTIF  
MENGUNAKAN EPSA TAHUN 2016



[www.facebook.com/Jab.PerdanaMenteri](https://www.facebook.com/Jab.PerdanaMenteri)
[@jpmgov\\_](https://twitter.com/jpmgov_)
[@jabatanperdanamenteri](https://www.instagram.com/jabatanperdanamenteri)
[www.jpm.gov.my](http://www.jpm.gov.my)

JABATAN PERDANA  
MENTERI MALAYSIA

LAPORAN  
TAHUNAN

# 2016



## PENCAPAIAN

|                           |    |
|---------------------------|----|
| Pengurusan Sumber Manusia | 28 |
| Pengurusan Kewangan       | 46 |
| Khidmat Pengurusan        | 54 |
| Pengurusan Audit          | 66 |
| Pembangunan               | 72 |
| Pengurusan Akaun          | 76 |
| Unit Integriti            | 82 |
| Unit Komunikasi Korporat  | 86 |

## PENGURUSAN SUMBER MANUSIA

## BAHAGIAN INOVASI DAN PENGURUSAN SUMBER MANUSIA

Bahagian Inovasi dan Pengurusan Sumber Manusia (BIPSM) ditubuhkan bagi memastikan pelaksanaan pengurusan sumber manusia strategik melalui pengendalian hal ehwal perkhidmatan, perancangan, kajian dan pembangunan berterusan bagi melahirkan tenaga kerja yang cemerlang, produktif dan berkualiti. Antara pencapaian BIPSM adalah seperti berikut:

### PENGURUSAN SUMBER MANUSIA

#### 1. Pengurusan Cuti

Sepanjang tahun 2016, sebanyak 411 permohonan kelulusan cuti daripada pelbagai Jabatan/Agensi yang telah diuruskan JPM. Butiran pengurusan permohonan cuti sepanjang tahun 2016 adalah seperti berikut:

| BIL                       | KEMUDAHAN CUTI                                       | JUMLAH     |
|---------------------------|--|------------|
| 1.                        | Cuti Separuh Gaji Atas Sebab Kesihatan Sanak Saudara | 192        |
| 2.                        | Cuti Tanpa Gaji (Urusan Persendirian)                | 17         |
| 3.                        | Cuti Sakit Tambahan dan Cuti Sakit Lanjutan          | 143        |
| 4.                        | Cuti Kecederaan                                      | 6          |
| 5.                        | Cuti Tanpa Rekod                                     | 28         |
| 6.                        | Cuti Haji  | 4          |
| 7.                        | Cuti Bersalin Awal dari Tarikh Dijangka Bersalin     | 7          |
| 8.                        | Cuti Menjaga Anak (Tanpa Gaji)                       | 8          |
| 9.                        | Cuti Tanpa Gaji Mengikut Pasangan                    | 6          |
| <b>JUMLAH KESELURUHAN</b> |  | <b>411</b> |

#### 2. Pengurusan Kemudahan dan Elaun

Sepanjang tahun 2016, sebanyak 434 permohonan kemudahan dan elaun yang telah diuruskan oleh JPM. Butiran pengurusan kemudahan dan elaun yang telah dilaksanakan pada tahun 2016 adalah seperti di bawah:

| BIL | KEMUDAHAN & ELAUN                      | JUMLAH |
|-----|--|--------|
| 1.  | Bayaran Insentif Tugas Kewangan        | 114    |
| 2.  | Bayaran Insentif Tugas Pengurusan Stor | 52     |
| 3.  | Tambang Mengunjungi Wilayah Asal       | 67     |

|    |  |     |
|----|--|-----|
| 4. | Elaun Tuntutan Pindah Rumah Dengan Pinjaman Perumahan Kerajaan | 20  |
| 5. | Penetapan Gaji Permulaan                                       | 3   |
| 6. | Kemudahan Perubatan  | 117 |
| 7. | Elaun Tanggungjawab Khas Pemandu                               | 12  |
| 8. | Subsidi Taska  | 18  |
| 9. | Elaun Pembantu Khas  | 31  |

|                           |            |
|---------------------------|------------|
| <b>JUMLAH KESELURUHAN</b> | <b>434</b> |
|---------------------------|------------|

#### 3. Pelantikan Pegawai Tugas-Tugas Khas (PTTK)/ Ketua Setiausaha Sulit (KSUS)/ Setiausaha Sulit Kanan (SUSK)/ Setiausaha Sulit (SUS)/ Setiausaha Akhbar (SUA) di bawah Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 6 Tahun 2012

Urusan Pelantikan PTTK/ KSUS/ SUSK/ SUS/ SUA bagi YAB Perdana Menteri, YAB Timbalan Perdana Menteri, sembilan (9) orang YB Menteri dan tiga (3) orang YB Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri dilaksanakan berdasarkan Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 6 Tahun 2012. Sepanjang tahun 2016, seramai 14 orang pegawai telah dilantik secara pertukaran sementara, penempatan khas dan *Contract of Service*. Urusan ini termasuklah lantikan selepas rombakan Kabinet pada 30 Jun 2016. Perincian pelantikan adalah seperti berikut:

| JAWATAN       | BILANGAN  |
|---------------|-----------|
| PTTK          | 2         |
| KSUS          | 1         |
| SUSK          | 5         |
| SUS           | 3         |
| SUA           | 3         |
| <b>Jumlah</b> | <b>14</b> |

#### 4. Pelantikan *Contract of Service (COS)*, *Contract for Service (CFS)*, Skim Perkhidmatan Singkat (SPS) di bawah Pakej Rangsangan Ekonomi dan Pekerja Sambilan Harian (PSH)

Urusan Pelantikan *Contract Of Service* di JPM dibuat berdasarkan Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 2 Tahun 2008 manakala *Contract For Service* adalah berdasarkan kelulusan Kementerian Kewangan. Pada tahun 2016, seramai 314 pegawai di Jabatan/Agensi di bawah JPM telah dilantik secara *Contract For Service* manakala seramai 1 pegawai telah dilantik secara *Contract For Service*. Jumlah pegawai di bawah Skim Perkhidmatan Singkat (SPS) di JPM secara keseluruhan bagi tahun 2016 pula adalah sebanyak 48 orang. Susulan kelulusan pelanjutan Skim Perkhidmatan Singkat (SPS) yang dikeluarkan oleh Kementerian Kewangan Malaysia bertarikh 5 Disember 2016, tempoh pelanjutan SPS ini dilanjutkan sehingga 31 Disember 2017. Pelanjutan ini merupakan pelanjutan kali terakhir. Jumlah lantikan semula SPS bagi tahun 2016 yang telah diperakukan adalah sebanyak 48 orang. Manakala bagi Pekerja Sambilan Harian seramai 35 orang telah dilantik sepanjang tahun 2016. Ringkasan butiran adalah seperti jadual berikut :

| BIL | PERKARA                     | BILANGAN (ORANG) |
|-----|-----------------------------|------------------|
| 1.  | <i>Contract Of Service</i>  | 314              |
| 2.  | <i>Contract For Service</i> | 1                |
| 3.  | Skim Perkhidmatan Singkat   | 48               |
| 4.  | Pekerja Sambilan Harian     | 35               |
|     | <b>Jumlah</b>               | <b>398</b>       |

#### 5. Forum Pengurus - Pengurus Sumber Manusia Tahun 2016

JPM telah mengadakan Forum Pengurus-Pengurus Sumber Manusia 2016 (HRMF JPM) bertempat di Auditorium, Jabatan Perdana Menteri pada 10 Mac 2016 (Khamis). Penganjuran HRMF JPM 2016 ini melibatkan pengurus-pengurus sumber manusia di 59 Jabatan/Agensi di bawah JPM yang diadakan bertujuan untuk memaklumkan perkembangan perkara-perkara baru di dalam pengurusan sumber

manusia sektor awam serta membincangkan isu-isu berbangkit dalam memastikan segala urusan pengurusan sumber manusia dapat dilaksanakan secara seragam, konsisten dan mematuhi peraturan-peraturan yang ditetapkan.

Selain itu juga, penganjuran forum ini juga dapat dijadikan platform perkongsian idea/*best practices* di antara Jabatan/Agensi JPM. Kehadiran peserta pada forum yang dianjurkan pada kali ini adalah seramai **130** peserta yang terdiri daripada pelbagai Jabatan/Agensi JPM. Pihak penceramah yang dijemput pada sesi HRMF pula adalah terdiri daripada pihak JPA dan MAMPU.



#### 6. Urusan Penempatan dan Pertukaran

Pada tahun 2016, secara keseluruhannya seramai 1,765 pegawai dan kakitangan telah terlibat dalam urusan penempatan dan pertukaran di Jabatan/Agensi di bawah JPM. Daripada jumlah ini, seramai 525 pegawai Skim Gunasama daripada Kumpulan Pengurusan dan Profesional (P&P) dan 1,240 pegawai adalah terdiri daripada Kumpulan Pelaksana (Gred 40 dan ke bawah). Urusan

penempatan dan pertukaran telah diuruskan selaras dengan penurunan kuasa yang diberi berdasarkan Surat Pekeliling Perkhidmatan Jabatan Perkhidmatan Awam Bilangan 3 Tahun 2007. Perincian pecahan urusan penempatan dan pertukaran adalah seperti di jadual di bawah:

| BIL           | URUSAN     | BILANGAN PEGAWAI |     |
|---------------|------------|------------------|-----|
| 1.            | Penempatan | P&P              | 380 |
|               |            | Pelaksana        | 548 |
| 2.            | Pertukaran | P&P              | 145 |
|               |            | Pelaksana        | 692 |
| <b>JUMLAH</b> |            | <b>1765</b>      |     |

## PENGURUSAN SUMBER MANUSIA

Daripada aspek Pembangunan Sumber Manusia, JPM telah berjaya melaksanakan pelbagai program latihan yang komprehensif dan berterusan dalam pelbagai bidang kemahiran dan kompetensi bagi membangunkan modal insan yang kompeten, bermotivasi dan peka pada perubahan persekitaran. Antara aktiviti yang telah memberi impak besar adalah seperti berikut:

- Pengubalan, pelaksanaan dan pemantauan Pelan Operasi Latihan (POL) berdasarkan Surat Pekeliling Perkhidmatan Bil. 2 Tahun 2005 bagi memastikan warga JPM menghadiri kursus sekurang-kurangnya tujuh (7) hari setahun;
- Pelaksanaan kursus wajib merujuk kepada Program Transformasi Minda yang wajib 'dihadiri dan lulus dengan jayanya' sebelum seseorang penjawat awam dapat disahkan dalam perkhidmatan;
- Pelaksanaan kursus-kursus opsyenal yang bersifat generik (umum) dan fungsional (khusus) dengan merujuk kepada kursus-kursus yang bertujuan untuk mempertingkatkan pengetahuan dan kemahiran pegawai dalam bidang tugasnya; dan
- Pelaksanaan Peperiksaan Perkhidmatan (Ujian Menaip).

## 7. Pelantikan Jawatan Kumpulan Sokongan II

Pihak SPA telah mengeluarkan penarikan balik Perwakilan Kuasa Untuk Melantik oleh SPA melalui Surat cara Perwakilan Kuasa P.U (B) 496 bertarikh 1 April 2014. Sehubungan itu, urusan pengambilan bagi Kumpulan Sokongan II tidak lagi dilaksanakan oleh JPM.

Walau bagaimanapun, pihak SPA melalui Pekeliling Suruhanjaya Perkhidmatan Awam Bilangan 2 Tahun 2014 bertarikh 1 September 2014 bertajuk 'Tatacara Pengambilan Secara Pentadbiran Bagi Jawatan Gred 16 Dan Ke Bawah' menerangkan bahawa bagi memudahkan urusan pengambilan jawatan gred 16 dan ke bawah, SPA telah bersetuju memberi kebenaran kepada Kementerian dan Jabatan untuk melaksanakan urusan pengambilan secara pentadbiran. Sepanjang tahun 2016, sebanyak 2 urusan temu duga bagi jawatan Pemandu Kenderaan Gred H11 dan Pembantu Operasi Gred N11 yang telah dilaksanakan oleh JPM.

Sebanyak 62 kursus berjaya dilaksanakan sepanjang tahun 2016 melibatkan jumlah peserta seramai 5,617 orang seperti berikut:

| BIL           | TAJUK                                   | JUMLAH KURSUS | JUMLAH PESERTA (ORANG) |
|---------------|---|---------------|------------------------|
| 1.            | Program Transformasi Minda              | 3             | 128                    |
| 2.            | Kursus Pemantapan dan Keutuhan Peribadi | 2             | 600                    |
| 3.            | Kursus Perkhidmatan                     | 54            | 4,280                  |
| 4.            | Kursus Pembangunan Bakat                | 3             | 609                    |
| <b>JUMLAH</b> |   | <b>62</b>     | <b>5,617</b>           |

Pada tahun 2016, pelaksanaan dasar sekurang-kurangnya menghadiri tujuh (7) hari berkursus tidak dijadikan petunjuk prestasi utama (KPI) bagi semua Ketua Jabatan seperti surat edaran oleh JPA bertarikh 29 Februari 2016. Bagi JPM secara keseluruhannya,

seramai 402 orang kakitangan atau 58.69% daripada 685 orang warga JPM telah menghadiri sekurang-kurangnya tujuh hari berkursus.

**1. JPM Executive Talk – Syarahan Perdana Budaya: Runtuh Budi, Runtuhlah Bangsa pada 5 April 2016 di Dewan Seri Siantan, Kompleks Perbadanan Putrajaya. Program ini diadakan dengan kerjasama Jabatan Kebudayaan dan Kesenian Negara (JKKN) bersama tokoh undangan YBhg. Tan Sri Dato' Seri Utama Dr. Rais Yatim**



**2. Program Transformasi Minda Siri 1/2016 pada 11 hingga 16 April 2016 di Kem Bina Negara Bukit Sagu, Kuantan, Pahang melibatkan seramai 48 orang peserta.**



**3. Kursus Tim Falcon pada 4 hingga 6 Mei 2016 di Institut Latihan Islam Malaysia (ILIM), Bangi, Selangor**



**4. Kursus Biro Tatanegara 2016 di Kem Bina Negara Alor Gajah, Melaka pada 4 hingga 6 April 2016**



**5. Kursus Pemantapan Diri dan Keutuhan Peribadi (KPDKP) Siri 2/2016 “Jenayah Siber” di Auditorium, Kompleks JPM pada 22 September 2016**



| BIL | NAMA PEPERIKSAAN  | SIRI PERTAMA    | SIRI KEDUA  |
|-----|---|-----------------|-------------|
| 1.  | Ujian Pengambilan Nota/Nota Rintas Bagi Setiausaha Pejabat Untuk Elaun Dwibahasa <b>Bahasa Malaysia</b><br>a) 80 p.s.m<br><b>Bahasa Inggeris</b><br>a) 80 p.sm<br>b) 100 p.s.m<br>Jumlah calon: <b>13 orang</b> | 27 Januari 2016 | 16 Jun 2016 |
| 2.  | Peperiksaan Perkhidmatan Pembantu Tadbir (Kewangan) Gred W17 dan Pembantu Tadbir (Perkeranian/Operasi) Gred N17<br>Jumlah calon: <b>186 orang</b>   | 26 Januari 2016 | 15 Jun 2016 |

## PENGURUSAN PRESTASI

### 1. Majlis Anugerah Perkhidmatan Cemerlang (APC) JPM 2015

Bagi mengiktiraf pegawai yang telah menunjukkan kecemerlangan dan komitmen yang tinggi sepanjang tahun 2015, Majlis Anugerah Perkhidmatan Cemerlang (APC) JPM yang diadakan pada 26 April 2016 di Auditorium Kompleks D, Putrajaya telah disempurnakan oleh YBhg. Tan Sri Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam dan YB Timbalan Menteri di JPM, YB Senator Dato' Dr. Asyraf Wajdi bin Dato' Dusuki melibatkan seramai 1,897 penerima daripada 70 Jabatan/Agensi JPM. Selain itu, majlis ini turut menyampaikan Anugerah Khas APC kepada seorang penerima APC terbaik dan Sijil Penghargaan JPM kepada enam orang pegawai kontrak.

### 2. Anugerah Penjawat Cemerlang Bulanan (APCB)

JPM telah mengambil inisiatif mewujudkan Anugerah Penjawat Cemerlang Bulanan (APCB) bagi mengiktiraf kecemerlangan pegawai-pegawai daripada 21 Jabatan/Agensi JPM. Penerima APCB dipilih oleh Jawatankuasa Pemilihan APCB yang dipengerusikan oleh Timbalan Ketua Setiausaha Kanan, JPM. Sepanjang tahun 2016, seramai 28 penerima telah menerima APCB.

### 3. Majlis Bersama Jabatan (MBJ) JPM

Bagi menyuarakan isu-isu dan idea-idea penambahbaikan bagi keharmonian organisasi, Majlis Bersama Jabatan (MBJ) JPM telah meneruskan peranannya di mana perjumpaan telah diadakan empat kali setahun. Selain itu,

MBJ JPM turut mengadakan perjumpaan dengan pihak Kongres Kesatuan Pekerja-Pekerja Di Dalam Perkhidmatan Awam (CUEPACS) dan JPA. Isu meliputi urusan perkhidmatan dan kebajikan penjawat awam terutamanya yang tinggal di Putrajaya. Keahlian MBJ JPM melibatkan 68 orang ahli dengan pecahan 12 orang Pihak Pegawai dan 56 orang Pihak Pekerja.

#### **4. Majlis Dialog YBhg. Tan Sri Timbalan Ketua Setiausaha Kanan JPM Bersama Kumpulan Pelaksana**

Majlis Dialog YBhg. Tan Sri Timbalan Ketua Setiausaha Kanan JPM Bersama Kumpulan Pelaksana diadakan sebagai salah satu sesi *engagement* pihak Pengurusan JPM dengan pegawai Kumpulan Sokongan. Majlis tersebut telah diadakan pada 25 Julai 2016 dan disertai oleh 313 pegawai daripada 10 Bahagian di JPM.



**Majlis Dialog Tan Sri TKSUK JPM Bersama Kumpulan Pelaksana**



**Sesi Penyampaian Anugerah Penjawat Cemerlang Bulanan Semasa Perhimpunan Bulanan Bersama YBhg. Tan Sri TKSUK JPM**



**Majlis Anugerah Perkhidmatan Cemerlang Tahun 2015**



**Mesyuarat Majlis Bersama Jabatan, Jabatan Perdana Menteri**

## PEMBANGUNAN ORGANISASI DAN PENGURUSAN PERJAWATAN

Bagi menyokong hasrat Kerajaan untuk mewujudkan perkhidmatan awam yang kukuh selari dengan pelaksanaan program transformasi sektor awam dan dasar perbelanjaan berhemat, sebanyak 12 cadangan penstrukturan semula organisasi yang diterima telah dikaji dan disediakan ulasan kepada pihak JPA. Naziran perjawatan juga telah dilaksanakan di 12 buah Jabatan/Agensi JPM

bagi memastikan pengurusan perjawatan semasa dipatuhi. Pelaksanaan Sistem Maklumat Pengurusan Sumber Manusia (HRMIS) juga terus diperkukuh melalui penganjuran 3 sesi latihan serta penyediaan 12 laporan pemantauan pelaksanaan HRMIS. Antara pencapaian dan program utama yang dilaksanakan pada tahun 2016 adalah seperti berikut:

- 1. Pengiktirafan KPI HRMIS 2015** – JPM telah menerima pengiktirafan KPI HRMIS Tahun 2015 daripada YBhg. Tan Sri KPPA pada 17 Mei 2016.



- 2. Bengkel Pemantapan Penulisan Prof Waran Perjawatan** – Satu bengkel pemantapan penulisan Prof Waran Perjawatan telah diadakan pada 24 hingga 25 Mei 2016 di Blok B1, JPM. Bengkel yang diadakan berdasarkan Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 1 Tahun 2016 ini telah dihadiri oleh 65 pegawai daripada pelbagai Jabatan/Agensi JPM.



- 3. Bengkel Modul/Submodul HRMIS** – BIPSM turut menganjurkan tiga sesi bengkel modul/submodul HRMIS iaitu pada 11 hingga 15 April 2016, 15 hingga 18 Ogos 2016 dan 17 hingga 21 Oktober 2016.

## PENGURUSAN INOVASI DAN DASAR

JPM sentiasa menyemarakkan pembudayaan kreativiti dan inovasi serta pengukuhan dasar melalui pelbagai aktiviti seperti berikut:

### 1. Pembudayaan Inovasi

Inovasi merupakan tonggak utama dalam Rancangan Malaysia Ke-11 serta pemacu perubahan yang akan memantapkan pertumbuhan ekonomi negara. Selaras dengan prinsip ini, JPM telah mengambil langkah untuk memperkukuhkan pembudayaan inovasi yang dapat memberi impak kepada kecekapan penyampaian perkhidmatan Kerajaan melalui penganjuran program-program inovasi seperti berikut:

- Anugerah Inovasi JPM 2015;
- Konvensyen Kumpulan Inovatif dan Kreatif (KIK) Peringkat Jabatan Perdana Menteri Tahun 2016; dan
- Hari Inovasi dan Kecemerlangan Jabatan Perdana Menteri Tahun 2016.

### 2. Anugerah Inovasi Jabatan Perdana Menteri 2015 (AIJPM 2015)

JPM telah menganjurkan AIJPM 2015 yang berlangsung secara dua sesi iaitu pada 1 hingga 2 Jun dan 14 hingga 15 Jun 2016 di Bilik Mesyuarat 1, Aras 2 Blok B1, Kompleks JPM. Sebanyak 42 projek daripada 20 Jabatan/Agensi JPM telah dinilai dalam AIJPM 2015 merangkumi 21 projek bagi kategori ICT dan 21 projek bagi kategori *Non-ICT*.



Sesi Penilaian Akhir AIJPM 2015

Penilaian markah bagi anugerah emas, perak dan gangsa adalah seperti di Jadual di bawah.

| ANUGERAH | MARKAH   |
|----------|----------|
| Emas     | 80 - 100 |
| Perak    | 70 - 79  |
| Gangsa   | 60 - 69  |

### Senarai Pemenang AIJPM Tahun 2014

Berikut pula dipaparkan senarai penerima Anugerah Emas, Perak dan Gangsa:

| ANUGERAH | JABATAN/AGENSI  | TAJUK PROJEK   |
|----------|---|--|
| Emas     | Majlis Agama Islam Wilayah Persekutuan (MAIWP)          | Pusat Hemodialisis MAIWP-PICOMS  |
|          | Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM)                 | <i>Halal Verified Engine</i>   |
| Perak    | Lembaga Kemajuan Tanah Persekutuan (FELDA)              | Biji Relai Tidak Berkualiti Dihantar Ke Kilang                           |
|          | Unit Penyelarasan Pelaksanaan (ICU)                     | Aplikasi Business Licensing Electronic Support System (BLESS)            |
|          | Jabatan Perpaduan Negara dan Integrasi Nasional (JPNIN) | <i>F.A.S.T (Flood Alert System Technology)</i><br><i>Kit Transformer</i> |

| ANUGERAH      | JABATAN/AGENSI  | TAJUK PROJEK   |
|---------------|---|--|
|               | Unit Perumahan Penjawat Awam 1Malaysia (PPA1M)                      | Sistem Perumahan Penjawat Awam 1 Malaysia (SPPA1M)   |
|               | Jabatan Wakaf, Zakat dan Haji (JAWHAR)                              | Portal E-Khairat   |
|               | Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA)                                     | Program Pemurnian Dokumen Perjanjian dan Slip Pengesahan (PROMISE)<br>JPA-Monitor<br>Bank Bicara Kumpulan Inovatif dan Kreatif (BBKIK) |
|               | Jabatan Perangkaan Malaysia   | BizCode@Stats  |
|               | Biro Pengaduan Awam (BPA)   | Transformasi Sistem Pengurusan Aduan Awam 2016   |
| <b>Gangsa</b> | Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM)                             | <i>Braille For All, Inclusive Braille</i> (BFA)  |
|               | Talent Corporation  | Pengenalan Sistem <i>Expatriate Services Divison</i> (ESD) Online untuk Memproses Permohonan Pas-Pas Imigresen Kepada Ekspatriat       |
|               | Unit Perancang Ekonomi (EPU)  | <i>Aplikasi Creativity Index</i> (CI) Dalam Permohonan Projek RMKe-11  |
|               | Jabatan Peguam Negara (AGC)   | <i>Chamber's Open Office Modified</i>  |
|               | Unit Penyelarasan Pelaksanaan (ICU)                                 | Sistem Pengurusan Fail ( <i>Pro-File</i> )   |
|               | Jabatan Perpaduan Negara dan Integrasi Nasional (JPNIN)             | T-Bed ( <i>Transform Bed</i> )   |
|               | Unit Pemodenan Tadbiran dan Perancangan Pengurusan Malaysia (MAMPU) | Galeri Aplikasi Mudah Alih Kerajaan Malaysia (GAMMA)   |

Manakala, jadual di bawah pula menunjukkan keputusan pemenang AIJPM 2015:

| TEMPAT              | JABATAN/AGENSI  | TAJUK PROJEK   |
|---------------------|---|--|
| <b>KATEGORI ICT</b> |   |  |
| Johan               | Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM)                 | <i>Halal Verified Engine</i>   |
| Naib Johan          | Unit Penyelarasan Pelaksanaan (ICU)                     | <i>Aplikasi Business Licensing Electronic Support System</i> (BLESS) |
| Tempat Ketiga       | Jabatan Perpaduan Negara dan Integrasi Nasional (JPNIN) | <i>F.A.S.T (Flood Alert System Technology)</i>                       |

| <b>KATEGORI NON-ICT</b>  |   |  |
|--|---|--|
| Johan  | Majlis Agama Islam Wilayah Persekutuan (MAIWP)          | Pusat Hemodialisis MAIWP-PICOMS                                    |
| Naib Johan   | Lembaga Kemajuan Tanah Persekutuan (FELDA)              | Biji Relai Tidak Berkualiti Dihantar Ke Kilang                     |
| Tempat Ketiga  | Jabatan Perpaduan Negara dan Integrasi Nasional (JPNIN) | Kit Transformer  |
| <b>KATEGORI PRODUK HARAPAN (MOST PROMISING)</b>                      |   |  |
| Johan  | Unit Perumahan Penjawat Awam 1 Malaysia (PPA1M)         | Sistem Perumahan Penjawat Awam 1 Malaysia (SPPA1M)                 |
| Naib Johan   | Jabatan Wakaf, Zakat dan Haji (JAWHAR)                  | Portal E-Khairat   |
| Tempat Ketiga  | Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA)                         | Program Pemurnian Dokumen Perjanjian dan Slip Pengesahan (PROMISE) |
| <b>KATEGORI JABATAN PALING INOVATIF (MOST INNOVATIVE DEPARTMENT)</b> |   |  |
| <b>Majlis Agama Islam Wilayah Persekutuan (MAIWP)</b>                |   |  |

### 3. Konvensyen Kumpulan Inovatif Dan Kreatif (KIK) peringkat JPM Tahun (JPM) 2016

Konvensyen Kumpulan Inovatif dan Kreatif (KIK) peringkat JPM telah berlangsung selama dua hari mulai 9 hingga 10 Ogos 2016 bertempat di Auditorium, Kompleks JPM. Konvensyen ini melibatkan penyertaan daripada 15 Jabatan/Agensi di JPM. Sebanyak 24 projek telah dipertandingkan dalam tiga kategori iaitu 19 projek bagi kategori pengurusan, empat projek bagi kategori teknikal dan satu projek bagi

kategori KIK Hibrid. Penilaian telah diadili oleh enam orang panel daripada pelbagai agensi yang mempunyai kepakaran dalam bidang ini. Jabatan/Agensi yang dinobatkan sebagai juara telah mewakili JPM ke Majlis Persada Inovasi Perkhidmatan Awam 2016 yang dianjurkan oleh pihak Institut Tadbiran Awam Negara (INTAN) pada 13 hingga 15 November 2016 di Melaka *International Trade Centre*, Melaka. Pemenang Konvensyen KIK JPM 2016 adalah seperti berikut:

| TEMPAT                     | KUMPULAN | JABATAN/AGENSI                                 | TAJUK PROJEK   |
|----------------------------|----------|--|--|
| <b>KATEGORI PENGURUSAN</b> |          |  |  |
| Johan                      | JAWHARI  | Mahkamah Syariah Wilayah Persekutuan           | Penambahbaikan Pengeluaran Perintah Kes Sulh Di Mahkamah Syariah Wilayah Persekutuan |
| Naib Johan                 | ILTIZAM  | Majlis Agama Islam Wilayah Persekutuan (MAIWP) | Asnaf Bergelandangan di Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur                             |
| Ketiga                     | Q-STAT   | Jabatan Perangkaan Malaysia                    | Kesukaran Menyediakan Rangka Pertubuhan Perniagaan Baharu di Negeri Sarawak          |

**KATEGORI TEKNIKAL**

|            |          |   |   |
|------------|----------|---|---|
| Johan      | GEMILANG | Angkatan Pertahanan Awam Malaysia (APM) | Kekurangan Peralatan Latihan dan Operasi Yang Sedia Ada                   |
| Naib Johan | RODA     | Lembaga Tabung Haji (LTH)               | Ketidaktepatan Data Kehadiran Peserta Kursus Adalah Tinggi                |
| Ketiga     | V-TECH   | Jabatan Perangkaan Malaysia             | Ketidaktepatan Pengurusan Latihan Bagi Penjanaan Laporan Statistik Negara |

**KATEGORI HIBRID**

|                                 |            |   |                  |
|---------------------------------|------------|---|------------------|
| <b>Anugerah Penyertaan Khas</b> | TRIPLE M-O | Jabatan Perpaduan Negara dan Integrasi Nasional (JPNIN) | Kompos Tostonong |
|---------------------------------|------------|---|------------------|

**PERSEMBAHAN PALING KREATIF**

|                                 |      |                           |  |
|---------------------------------|------|---------------------------|--|
| <b>Anugerah Penyertaan Khas</b> | RODA | Lembaga Tabung Haji (LTH) | Ketidaktepatan Data Kehadiran Peserta Kursus Adalah Tinggi |
|---------------------------------|------|---------------------------|--|

**4. Hari Inovasi Dan Kecemerlangan JPM Tahun 2016 (HIK 2016)**

Bertemakan “**Unggul Melakar Inovasi**”, Hari Inovasi dan Kecemerlangan, Jabatan Perdana Menteri 2016 (HIK 2016) telah diadakan pada 1 November 2016 bertempat di Dewan Seri Siantan, Kompleks Perbadanan Putrajaya. HIK 2016 dianjurkan untuk memberi pengiktirafan kepada Jabatan/Agensi JPM yang telah mencapai kecemerlangan dalam pelbagai bidang sama ada pengurusan, penghayatan inovasi, sosial serta sukan. Majlis tersebut dirasmikan oleh YB Dato' Sri Hajah Nancy binti Haji Shukri, Menteri di Jabatan Perdana Menteri. Penganjuran majlis ini telah melibatkan sinergi JPM bersama-sama 54 Jabatan/Agensi di bawah JPM. Pengisian HIK 2016 melibatkan sesi Penyampaian Anugerah, Bicara Inovasi, Bazar/Pameran, Kuiz/Pertunjukan Inovasi dan Taman Inovasi.



### 5. Bengkel Kumpulan Inovatif dan Kreatif (KIK)

JPM telah melaksanakan Bengkel KIK pada 15 hingga 16 Mac 2016 bertempat di Blok B1, Kompleks JPM. Seramai 62 orang telah menghadiri bengkel tersebut melibatkan 14 orang wakil daripada 5 Bahagian di JPM dan 48 orang wakil daripada Jabatan/Agensi di JPM.



### 6. Kursus Penyediaan Kertas Mesyuarat Jemaah Menteri

Kursus ini telah diadakan dengan jayanya pada 29 hingga 30 Mac 2016 bertempat di Blok B1, Kompleks JPM melibatkan 54 orang peserta daripada pelbagai Jabatan/Agensi di JPM.



### 7. Mesyuarat Bersama Penyelaras Inovasi Jabatan/Agensi Di JPM Tahun 2016

Mesyuarat Bersama Penyelaras Inovasi Jabatan/Agensi di JPM turut diadakan bagi memastikan isu-isu pelaksanaan aktiviti-aktiviti pembudayaan inovasi di peringkat Jabatan/Agensi dibincangkan secara bersama untuk mendapatkan penyelesaian terbaik. Mesyuarat ini juga adalah platform bagi mengukuhkan kerjasama dan perkongsian strategik antara Jabatan/Agensi di JPM. Pada tahun 2016, Mesyuarat Bersama Penyelaras Inovasi Jabatan/Agensi di JPM telah diadakan sebanyak tiga kali:

- i. 3 Mac 2016;
- ii. 6 September 2016; dan
- iii. 4 Oktober 2016.



### 8. Sesi *Brainstorming Lab* Lestari Transformasi Perkhidmatan Awam (TPA) Jabatan Perdana Menteri 2016

Sesi *brainstorming* ini telah diadakan pada 10 Oktober 2016 bertempat di Blok B1, Kompleks JPM. Ia merupakan platform bagi 18 Jabatan/Agensi/Bahagian di bawah pemantauan YBhg. Tan Sri TKSUK JPM untuk membincangkan perancangan inisiatif Pelan Transformasi JPM bagi tahun 2017.



## KUALITI DAN PENYELARASAN

### 1. Mesyuarat Pengurusan JPM

JPM akan memantau dan memastikan keputusan-keputusan dasar Kerajaan dilaksanakan di peringkat Jabatan/Agensi JPM melalui pelaksanaan mesyuarat-mesyuarat utama seperti Mesyuarat Pengurusan JPM yang dianggotai oleh 99 orang ahli iaitu Ketua Setiausaha Negara sebagai Pengerusi dan

Ketua-ketua Jabatan/Agensi JPM sebagai ahli. Mesyuarat ini turut dijadikan sebagai platform perkongsian amalan-amalan terbaik yang dilaksanakan di peringkat Jabatan/Agensi melalui pembentangan kertas dalam mesyuarat-mesyuarat tersebut. Kertas-Kertas Pembentangan Mesyuarat Pengurusan JPM Tahun 2016 adalah seperti jadual di bawah.

| BILANGAN MESYUARAT | TARIKH MESYUARAT            | JABATAN/ AGENSI | TAJUK KERTAS  |
|--------------------|-----------------------------|-----------------|---|
| Bil. 1/2016        | 29 Januari 2016<br>(Jumaat) | ESSCOM          | Inisiatif ESSCOM Dalam Menutup Ruang Dan Peluang Berlakunya Rasuah Di Kalangan Anggota Pasukan Keselamatan Dan Penjawat Awam Di ESS Zone  |
|                    |                             | MIGHT           | Projek Kerjasama Malaysian Foresight Institute @ myForesight, MIGHT & Jabatan Perkhidmatan Awam Di Bawah <i>Support For The Public Service Transformation Programme</i> (SPSTP) 2013-2015 |

### 2. Mesyuarat TKSUK JPM Bersama Jabatan/ Agensi JPM Di Negeri Sabah

Pada 20 Oktober 2016, Mesyuarat TKSUK JPM Bersama Jabatan/Agensi JPM di Sabah telah diadakan di Pejabat Setiausaha Persekutuan Sabah. Mesyuarat yang dipengerusikan oleh YBhg. Tan Sri TKSUK JPM ini bertujuan untuk membincangkan dasar-dasar terkini kerajaan secara langsung kepada Jabatan/Agensi JPM di sana. Selain itu, dua sesi lawatan telah dilakukan sebelum mesyuarat dilaksanakan iaitu:

| BIL. | NAMA  | AGENSI |
|------|---|--------|
| 1.   | Lawatan tapak ke Projek Institut Latihan Mahkamah Anak Negeri (ICU)                   | ICU    |
| 2.   | Lawatan tapak ke Projek Pembinaan Kompleks Mahkamah Baru Kota Kinabalu, Sabah (BHEUU) | BHEUU  |

### 3. Mesyuarat TKSUK JPM Bersama Jabatan/ Agensi JPM Di Negeri Sarawak

Pada 26 Oktober 2016 pula, YBhg. Tan Sri TKSUK JPM telah mempengerusikan Mesyuarat TKSUK JPM Bersama Jabatan/Agensi JPM Di Negeri Sarawak bertempat di Pejabat Setiausaha Persekutuan Sarawak. Sebanyak 27 orang Ketua Jabatan/Agensi JPM di Negeri Sarawak dan wakil telah menghadiri mesyuarat berkenaan. Turut serta hadir ke mesyuarat ini adalah beberapa Setiausaha Bahagian JPM. Mesyuarat tersebut juga merupakan forum/medium untuk



membincangkan dasar-dasar terkini Kerajaan secara langsung dan peranan yang harus dimainkan oleh semua Jabatan/Agensi dalam merealisasikannya.



**4. Pengiktirafan**

JPM telah berjaya memperolehi pengiktirafan Ekosistem Kondusif Sektor Awam (EKSA) pada 15 Disember 2016 dan MS ISO 9001:2015 pada 21 Oktober 2016. Di samping itu, JPM turut dianugerahkan 5 bintang dalam Pengiktirafan Bintang Agensi Sektor Awam Tahun 2015-2016.



**EKSA**



**Pengiktirafan Bintang Agensi Sektor Awam Tahun 2015-2016**



**MS ISO 9001:2015**

## PSIKOLOGI DAN KAUNSELING

### 1. Pembudayaan Psikologi Positif dalam Organisasi

Salah satu aspek pengurusan sumber manusia yang perlu dititikberatkan dalam organisasi adalah merangkumi aspek psikologi bagi melahirkan pekerja yang produktif dan sejahtera. Antara perkhidmatan yang dilaksanakan ke arah pembudayaan psikologi positif di organisasi adalah kaunseling, psikometrik, penyelidikan, intervensi dan pembangunan diri pekerja.

Maklumat lanjut boleh diperolehi dengan melayari:-

- Laman web Seksyen Pengurusan Psikologi, JPM : <http://aplikasi.jpm.gov.my/epsikologi/modules/main/index.php>
- Laman web AKRAB JPM : <http://rakan.jpm.gov.my/rakan/>

### 2. Program Pembimbing Rakan Sekerja (AKRAB) JPM

AKRAB merupakan program yang berkonsepkan rakan membantu rakan sebagai kelompok sokong bantu kepada mereka yang memerlukan.

### 3. Program Temu Mesra Psikologi

Program ini merupakan program *outreach* secara berkala bagi meningkatkan kesejahteraan psikologi warga Jabatan/Agensi di bawah JPM.



Penerimaan Anugerah AKRAB Gemilang (Kategori Organisasi) Tahun 2016 oleh YBhg. Tan Sri Othman Bin Hj Mahmood, Timbalan Ketua Setiausaha Kanan, JPM



Pn. Fatimah Binti Mohamad @ Yousof menerima Anugerah AKRAB Potensi (Kategori Organisasi) Tahun 2016



Program Temu Mesra Psikologi Bersama Ketua Pegawai Eksekutif MAIWP, YBhg. Datuk Hj. Zainal Abidin bin Jaafar



Program Temu Mesra Psikologi Bersama YBhg. Tan Sri Othman Bin Hj Mahmood, Timbalan Ketua Setiausaha Kanan, JPM

#### 4. Program *The Apprentice* JPM 2016

Merupakan medium perkongsian ilmu di antara pengurusan tertinggi dan pegawai ke arah

membudayakan pembelajaran berterusan bagi meningkatkan pembangunan sumber manusia.



Majlis Pelancaran Program *The Apprentice* JPM Tahun 2016

#### 5. Program Pementoran

Satu bentuk program yang menyediakan medium pemindahan pengetahuan kerja, *tacit knowledge* dan sokongan kepada pegawai baru berkhidmat dan baru dinaikkan pangkat ke arah peningkatan kompetensi pegawai.



Penerimaan Anugerah Pasangan Mentor Menti Terbaik 2016

#### 6. Bengkel Pementapan Pelaksanaan Tempoh Pemerhatian Dalam Pelaksanaan Dasar Pemisah (*Exit Policy*)

Program yang melibatkan sejumlah 170 orang peserta telah berlangsung pada 10 November 2016 di Dewan Serbaguna, Aras 3, Blok B1, Kompleks JPM. Program ini turut dihadiri oleh Ahli AKRAB, pegawai yang terlibat di dalam pelaksanaan tempoh pemerhatian dalam pelaksanaan dasar pemisah (*Exit Policy*) serta pengurus sumber manusia dari Jabatan/Agensi di bawah JPM. Pengisian program dilaksanakan oleh pegawai dari Bahagian Pengurusan Psikologi, JPA.



Penerimaan Sijil Penghargaan Pelaksanaan Program Pementoran Tahun 2016



## 7. Statistik Pengambilan Ujian Psikologi Tahun 2016

Penggunaan psikometrik atau alat ujian psikologi dalam pengurusan sumber manusia merupakan salah satu perkhidmatan yang ditawarkan oleh

Seksyen Pengurusan Psikologi kepada warga JPM serta Jabatan/Agensi di bawahnya. Berikut merupakan statistik pengambilan ujian psikologi bagi tahun 2016 :

| BIL | ALAT UJIAN                                | BILANGAN PEGAWAI YANG MENGAMBIL UJIAN |
|-----|---|---------------------------------------|
| 1)  | Inventori Perwatakan Unggul (IPU)         | 617                                   |
| 2)  | <i>Dass 21</i>                            | 127                                   |
| 3)  | <i>Kiersey</i>                            | 105                                   |
| 4)  | <i>Type A&amp;B</i>                       | 502                                   |
| 5)  | Audit Stres                               | 245                                   |
| 6)  | <i>Visual, Auditory, Kinestetik (VAK)</i> | 71                                    |
| 7)  | Inventori Diagnostik Personaliti (IDP)    | 5                                     |
| 8)  | Inventori Personaliti Sidek (IPS)         | 41                                    |
| 9)  | Inventori <i>Big Five</i> (5)             | 73                                    |
| 10) | Ujian Minat Kerjaya (SDS)                 | 121                                   |
| 11) | Inventori Personaliti Warna (IPW)         | 190                                   |
| 12) | Inventori Personaliti Sidek (IPS)         | 65                                    |
| 13) | Ujian Kemarahan                           | 17                                    |
| 14) | Ujian Penghargaan Kendiri                 | 52                                    |
| 15) | Ujian Komitmen                            | 13                                    |
|     | <b>Jumlah</b>                             | <b>2,244 Orang</b>                    |

JABATAN PERDANA MENTERI MALAYSIA LAPORAN TAHUNAN

2016



# PENGURUSAN KEWANGAN

# PENGURUSAN KEWANGAN

## 1. PENGURUSAN BAJET


### A. Kawalan Bajet

i) JPM bertanggungjawab memastikan pengurusan kewangan dilaksanakan secara cekap dan berintegriti dengan mematuhi setiap peraturan, prosedur dan tatacara kewangan yang berkuat kuasa.

ii) Sebanyak RM 5,984,174,800 telah diperuntukkan kepada JPM pada tahun 2016 melibatkan agihan kepada 69 jabatan/agensi.

### B. Prestasi Perbelanjaan 2016

Prestasi Bajet 2016 sehingga 31 Disember 2016 mengikut pecahan peruntukan Dasar Sedia Ada, Dasar Baru dan Dasar *One-Off* adalah seperti ditunjukkan dalam carta berikut:



Sehingga 31 Disember 2016, prestasi keseluruhan perbelanjaan JPM BO6 adalah sebanyak RM5,937,055,741.93 iaitu 99.21% dengan penjimatan sebanyak RM 47,115,058.07 (0.79%).

### C. Outcome Based Budgeting (OBB)


i) Bilangan Outcome dan KPI Jabatan Perdana Menteri BO6 2015 adalah seperti berikut:

|                   | PERINGKAT | PROGRAM  | AKTIVITI  | OUTCOME    | OUTCOME KPI |
|-------------------|-----------|----------|-----------|------------|-------------|
| JPM (Kementerian) | -         | -        | -         | 9          | 18          |
| Program           |           | 9        |           | 12         | 37          |
| Aktiviti          |           |          | 98        | 170        | 375         |
| <b>JUMLAH</b>     |           | <b>9</b> | <b>98</b> | <b>191</b> | <b>430</b>  |

## 2. LAPORAN ePEROLEHAN

Pencapaian penggunaan sistem ePerolehan (eP) JPM pada tahun 2016 adalah sebanyak RM 764.018 juta bersamaan 87.25% berbanding sasaran yang telah ditetapkan oleh Kementerian Kewangan iaitu RM 656.731 juta (75%). Pencapaian ini adalah berdasarkan perolehan bekalan dan perkhidmatan Kerajaan melalui Sistem eP daripada keseluruhan peruntukan yang diluluskan. Pelaksanaan perolehan berkenaan ini juga merupakan sebahagian daripada *Key Performance Indicator (KPI)* bagi setiap Ketua Jabatan atau Pegawai Pengawal Kementerian.

### Peratusan Pencapaian Penggunaan Sistem ePerolehan (eP) Jabatan Perdana Menteri



## 3. PENGURUSAN KUMPULAN WANG AMANAH DAN AKAUN AMANAH

Sehingga 31 Disember 2016, terdapat 19 Kumpulan Wang Amanah dan Akaun Amanah yang diuruskan oleh Jabatan/Agensi di bawah JPM dengan jumlah keseluruhan RM523,477,027.19 juta.


| PERKARA                                      | 2015       | 2016        |
|--|------------|-------------|
| Bilangan Kumpulan Wang Amanah / Akaun Amanah | 19         | 19          |
| Baki (RM)                                    | 1,045 juta | 523.47 juta |

## 4. SISTEM PERMOHONAN ON-LINE EZ-APPLY

Sistem permohonan kelulusan secara atas talian ini dibangunkan secara *in-house* dengan kerjasama JPM dan ICU. Melalui Sistem EZ-APPLY, Agensi/Jabatan di bawah JPM dapat mengemukakan permohonan melalui satu sistem berpusat secara atas talian.

Bahagian Kewangan, JPM selaku urus setia telah menjalankan Soal Selidik Tahap Kepuasan Pelanggan Terhadap Keberkesanan Sistem EZ-APPLY pada 10 Mei hingga 27 Mei 2016. Soal selidik ini bertujuan untuk menilai tahap kepuasan pengguna terhadap keberkesanan Sistem EZ-APPLY dan juga mendapat maklum balas bagi penambahbaikan terhadap keberkesanan sistem ini dalam memastikan ia beroperasi sepertimana objektif dan tujuan sistem ini dibangunkan.

Sebanyak 2,536 permohonan telah diterima dan diproses melalui Sistem EZ-APPLY bagi tempoh sepanjang 2016 dengan pecahan seperti berikut:



## 5. PEMERKASAAN EKONOMI BUMIPUTERA

Pemeriksaan Ekonomi Bumiputera (PEB) telah dilancarkan 14 September 2013 dan merupakan satu agenda nasional bagi memperkukuhkan dan

memperhebatkan penyertaan Bumiputera dalam ekonomi negara. PEB meliputi lima teras utama seperti di bawah:



JPM merupakan penyelarar yang memantau pencapaian Petunjuk Prestasi Utama (KPI) PEB dan pada tahun 2015, sebanyak 17 KPI PEB telah disasarkan melibatkan 9 Jabatan / Agensi seperti di

Jadual di bawah. Pada tahun 2015, JPM telah berjaya mencapai KPI melebihi yang disasarkan dengan memperoleh skor sebanyak 130.3%.

| BIL | JABATAN / AGENSI                                       | JUMLAH KPI |
|-----|--|------------|
| 1.  | Agensi Inovasi Malaysia                                | 1          |
| 2.  | Yayasan Waqaf Malaysia                                 | 4          |
| 3.  | Unit Penyelarasan Pelaksanaan                          | 4          |
| 4.  | Unit Kerjasama Awam Swasta                             | 1          |
| 5.  | Perbadanan Perumahan 1Malaysia                         | 3          |
| 6.  | Jabatan Perpaduan Negara dan Integrasi Nasional        | 1          |
| 7.  | Yayasan Peneraju Pendidikan Bumiputera                 | 3          |
| 8.  | Jabatan Audit Negara                                   | 1          |
| 9.  | Malaysia Industry-Government Group For High Technology | 1          |
|     | <b>JUMLAH</b>  | <b>19</b>  |

## 6. ENGAGEMENT BERSAMA JABATAN/PUSAT KOS

Bertujuan memberi bimbingan, tunjuk ajar dan penerangan mengenai pengurusan kewangan di JPM terutamanya melibatkan urusan tuntutan, meraikan tetamu, program luar pejabat, bayaran, perolehan, aset dan lain-lain isu yang berkaitan. Jabatan atau

pusat kos yang terlibat merupakan pusat kos atau Jabatan baru yang memerlukan penerangan bagi melicinkan urusan kewangan apabila berurusan dengan Bahagian Kewangan JPM.

| BIL | JABATAN/ PUSAT KOS  |
|-----|---|
| 1.  | Angkatan Pertahanan Awam Malaysia (APM)   |
| 2.  | Agensi Pengurusan Bencana Negara  |
| 3.  | Pejabat YB Timbalan Perdana Menteri Di Jabatan Perdana Menteri                  |
| 4.  | Pejabat YB Menteri Di Jabatan Perdana Menteri                                   |
| 5.  | Pejabat YB Timbalan Menteri Di Jabatan Perdana Menteri                          |
| 6.  | Unit Pembangunan Penjaja Peniaga Kecil dan Wakaf Hindu                          |
| 7.  | Unit Pembangunan SME dan Mikro Kredit/Sekretariat Pembangunan Usahawan Malaysia |
| 8.  | Unit Khas Sosio Ekonomi   |
| 9.  | SITF (Special Implementation Task Force) Jawatankuasa Kabinet Masyarakat India  |

## 7. KURSUS / BENGKEL / SEMINAR

Kursus yang diurus setiakan oleh Bahagian Kewangan JPM adalah seperti berikut:

| BIL | PROGRAM                       | TARIKH  | BILANGAN PESERTA  | OBJEKTIF   |
|-----|-------------------------------|---|---|--|
| 1   | Latihan Penggunaan Ez-Apply   | Siri 1: 27 & 28 Mei 2016<br>Siri 2: 9,11,12,15 & 16 Jun 2016<br>Siri 3: 9 & 10 Julai 2016<br>Siri 4: 4 Ogos 2016<br>Siri 5: 28 September 2016 | Siri 1: 22 orang<br>Siri 2: 142 orang<br>Siri 3: 56 orang<br>Siri 4: 28 orang<br>Siri 5: 12 orang | Meningkatkan kefahaman Jabatan/Pusat Kos untuk menggunakan sistem Ez-Apply                                 |
| 2   | Bengkel Transformasi Kewangan | 16 - 18 Oktober 2016  | 37 orang  | Memantapkan pengurusan kewangan selaras dengan Arahan Perbendaharaan dan Pekeliling Perbendaharaan terkini |
| 3   | Work Camp ABT                 | Bil. 1/2016<br>31 Mei 2016<br>Bil. 2/2016<br>18 Ogos 2016   | Bil. 1/2016 :<br>31 orang<br>Bil. 2/2016 :<br>35 orang  | Mengenal pasti kaedah terbaik penyelesaian kutipan ABT di JPM  |

## PENGURUSAN LEMBAGA PEROLEHAN

### Lembaga Perolehan

Sepanjang tahun 2015, Lembaga Perolehan JPM telah bersidang sebanyak 60 kali dengan jumlah perakuan dan nilai perolehan yang diluluskan seperti berikut:



### Jawatankuasa Sebut Harga

Jawatankuasa Sebut Harga JPM telah bersidang sebanyak 27 kali. Jumlah Perakuan dan Nilai perolehan yang dipertimbangkan dan diluluskan oleh Jawatankuasa tersebut adalah seperti berikut:





Kursus Perolehan Di Melaka Pada 19 – 21 Mei 2016

## PENGURUSAN ASET DAN STOR

### Pengurusan Aset Alih Kerajaan bagi JPM (B06)

Sehingga tahun 2016, Nilai Keseluruhan Aset Alih Kerajaan (Harta Modal dan asset Alih Bernilai Rendah) bagi JPM (B06) adalah sebanyak **RM3,098,480,990.51**. Jumlah peruntukan bagi pembelian aset bagi keseluruhan JPM adalah sebanyak **RM 201,334,878.48** dan perbelanjaan dan

pembelian aset bagi tahun 2016 adalah sebanyak **RM 135,401,858.59**.

Pemeriksaan aset bagi 2016 juga telah dijalankan oleh **43 Jabatan/Agensi** dibawah JPM yang merangkumi 270 Wilayah, Negeri dan Pusat Tanggungjawab bagi memastikan pengurusan aset dilaksanakan dengan teratur.



### Pengurusan Aset Hidup

Di JPM, hanya satu jabatan yang mempunyai rekod pengurusan aset hidup iaitu Bahagian Pengurusan Hartanah (BPH). Untuk tahun 2016, terdapat 3 penambahan nilai aset hidup yang dilaporkan oleh

BPH pada mesyuarat Jawatankuasa Pengurusan Aset Alih Kerajaan Bil 1/2017 yang telah diadakan pada 15 Februari 2017 bagi Pelaporan Pengurusan Aset Hidup Tahun 2016.

**Pengurusan Stor Kerajaan**

Bagi pengurusan stor, nilai simpanan stok kerajaan sehingga 31 Disember 2016 adalah sebanyak **RM15,007,606.52** manakala kadar pusingan stok tahunan bagi keseluruhan JPM adalah sebanyak **3.99**. Nilai perolehan asal bagi pelupusan stok kerajaan adalah sebanyak **RM6,568.88**. Sepanjang tahun 2016, JPM telah mengadakan 5 sesi kursus Tatacara Pengurusan Aset dan Stor serta bengkel Hands On SPS bagi Jabatan/agensi JPM.

**Pelupusan Aset**

Sepanjang tahun 2016, aset milik JPM dengan nilai asal sebanyak **RM53,735,228.45** telah dilupuskan sama ada melalui kaedah jualan, *e-waste*, musnah atau kaedah lain.

**PROGRAM PENINGKATAN KOMPETENSI****Pengurusan Aset Alih Kerajaan bagi JPM (B06)**

Pada tahun 2016, Seksyen Pengurusan Aset, Bahagian Kewangan telah menganjurkan sebanyak 5 siri kursus berkaitan Pengurusan Kewangan Kerajaan seperti berikut:

| BIL | KURSUS  | TARIKH               |
|-----|---|----------------------|
| 1.  | Taklimat Aset Tak Ketara bagi Jabatan/ Agensi         | 5 Mei 2016           |
| 2.  | Bengkel Hands On SPS Stor Utama JPM (Jabatan/ Agensi) | 17 - 18 Mei 2016     |
| 3.  | Kursus TPA Bagi Zon Sarawak                           | 14 - 15 Jun 2016     |
| 4.  | Bengkel Hands On SPS Stor Unit JPM (Pejabat baharu)   | 13 - 14 Oktober 2016 |
| 5.  | Bengkel Hands On SPS Stor Utama (Jabatan/Agensi)      | 18 - 19 Oktober 2016 |

JABATAN PERDANA MENTERI MALAYSIA LAPORAN TAHUNAN

2016



# **KHIDMAT PENGURUSAN**

## BAHAGIAN KHIDMAT PENGURUSAN

### SEKSYEN PENGURUSAN FASILITI

Seksyen Pengurusan Fasiliti bertanggungjawab memantau pengurusan utiliti (elektrik/ air/ air kotor) di Bangunan Perdana Putra dan Kompleks JPM bagi memastikan pengurusan utiliti dilaksanakan secara komprehensif selaras dengan garis panduan

mengoptimimumkan perbelanjaan. Jadual berikut menunjukkan **Pencapaian Pengurusan Utiliti Di Kompleks JPM bagi tahun 2016 berbanding tahun 2013.**

| PARAMETER                        | 2013       | 2016       | PENCAPAIAN (%) |
|----------------------------------|------------|------------|----------------|
| BEI (kWh/m <sup>2</sup> /year)   | 81.49      | 81.81      | +0.40%         |
| Penggunaan Elektrik (kWh)        | 16,131,182 | 16,195,401 | +0.40%         |
| Penggunaan Air (m <sup>3</sup> ) | 285,208    | 290,992    | +2.03          |
| Penggunaan Air Kotor (RTH)       | 9,253,804  | 9,255,120  | +0.01%         |

### SEKSYEN PENGURUSAN TEKNOLOGI MAKLUMAT

Bagi meningkatkan penggunaan sistem aplikasi dan maklumat yang memenuhi kehendak pengguna, beberapa perkara telah dirangka antaranya menyediakan perkongsian pintar mengenai sistem-sistem di JPM kepada agensi-agensi lain.

#### Perkongsian Sistem dengan Agensi Lain

Melalui perkongsian pintar, agensi kerajaan dapat menjimatkan kos pembangunan sistem, meringkaskan proses kerja, meningkatkan kemahiran dan pengetahuan, mengurangkan jurang antara agensi-agensi kerajaan yang lebih berupaya dengan agensi-agensi yang kurang berkemampuan dalam membangun sistem aplikasi dan meningkatkan prestasi agensi kerajaan secara menyeluruh. Sepanjang 2016, JPM telah membangunkan beberapa sistem aplikasi yang mana telah digunakan oleh beberapa agensi kerajaan seperti berikut:

i) *Time Attendance Management System* (TAMS) digunakan oleh 12 Agensi

- ii) Sistem Permohonan Elaun, Cuti dan Kemudahan (SPECK) - Jabatan Perpaduan Negara Dan Integrasi Nasional dan Kementerian Kewangan
- iii) Sistem Laporan Kerosakan ICT - Jabatan Perpaduan Negara Dan Integrasi Nasional & Suruhanjaya Integriti Agensi Penguatkuasaan
- iv) Sistem e-Latihan - Suruhanjaya Integriti Agensi Penguatkuasaan dan Biro Pengaduan Awam
- v) Sistem eFail Meja - Unit Perancang Ekonomi
- vi) Sistem ePenanggungungan Kerja - Kementerian Kewangan

Sistem aplikasi yang mantap dan berkesan adalah penting bagi memastikan perjalanan organisasi berada dalam keadaan teratur dan baik. Sebarang pembangunan dan penambahbaikan sistem aplikasi adalah berteraskan kepada keperluan dan kehendak pengguna.

| PARAMETER                        | 2013      | 2016      | PENCAPAIAN (%) |
|----------------------------------|-----------|-----------|----------------|
| BEI (kWh/m <sup>2</sup> /year)   | 149.18    | 133.58    | -10.5%         |
| Penggunaan Elektrik (kWh)        | 8,421,526 | 6,817,227 | - 19.1%        |
| Penggunaan Air (m <sup>3</sup> ) | 91,317    | 85,549    | -6.3%          |
| Penggunaan Air Kokol (RTH)       | 1,910,500 | 2,059,088 | +7.8%          |

## SEKSYEN PENTADBIRAN

### Pengurusan kenderaan yang cekap dan berkesan

- Memastikan segala urusan mengenai Pengurusan Kenderaan Kerajaan perlu mematuhi tatacara yang telah dinyatakan di dalam Pekeliling Perbendaharaan (IPP) WP 4.1 mengenai Pengurusan Kenderaan Kerajaan Malaysia dalam meningkatkan kecekapan pengurusan aset Kerajaan.
- Memberikan khidmat sokongan perkhidmatan pengangkutan di majlis-majlis rasmi JPM termasuk Jabatan/Agensi. Di antara program-program besar yang telah menggunakan khidmat pengangkutan adalah seperti berikut:
  - Program-program anjuran PUSPANITA Kebangsaan;
  - Le Tour De Langkawi; dan
  - Persidangan Antarabangsa Strategi Lautan Biru (ICBOS) dan Persidangan Dwi Tahunan Pertubuhan Komanwel bagi Pentadbiran Awam dan Pengurusan (CAPAM).

### Kenderaan Elektrik Model Renault ZOE Untuk Kegunaan Jabatan Perdana Menteri

- Dua unit Kenderaan Elektrik Model Renault ZOE telah dibekalkan kepada JPM. Renault ZOE adalah kenderaan elektrik yang boleh melakukan

perjalanan sehingga 210 Kilometer pada setiap cas penuh. Kenderaan ini adalah berkonsepkan kenderaan hijau kerana dapat mengurangkan pelepasan karbon dioksida. Kenderaan elektrik ini dapat menjimatkan penggunaan bahan api dan mengurangkan kos penyelenggaraan kenderaan.

### Melaksanakan program/aktiviti di bawah Kelab Bukit Perdana (KBP)

- Salah satu gaya hidup yang sihat dan cergas ialah dengan mengukuhkan semangat kerja berpasukan dan jaringan kerjasama yang erat antara jabatan/agensi di JPM. Disamping itu, KBP turut mengadakan program kebajikan dan kerohanian yang melibatkan seluruh warga JPM.
- Program-program sukan massa bagi membudayakan aktiviti bersukan dalam kalangan warga JPM dengan kaedah serta konsep baru dan relevan masa kini.
- Program-program kebajikan dan kerohanian anjuran KBP lebih menfokuskan kepada kebajikan semua warga JPM.
- Mempromosikan aktiviti sukan, kebajikan dan kerohanian dalam kalangan warga JPM melalui media cetak dan elektronik.

- Di antara program-program sukan, kebajikan dan kerohanian tersebut termasuklah Bowling, Berbasikal, Senamrobik, Bola Tampar, *Let's Gym* dan Bicara Interaktif

#### Naib Juara Perarakan Majlis Sambutan Maal Hijrah Tahun 1438H

- Kelab Bukit Perdana telah menghantar satu kontinjen yang disertai oleh 100 kakitangan warga JPM yang diketuai oleh YBhg. Tan Sri

TKSUK ke **Majlis Sambutan Maal Hijrah Peringkat Kebangsaan Tahun 1438H/2016M** pada 2 Oktober 2016 (Ahad) yang berlangsung di Taman Ekspo Pertanian Malaysia Serdang (MAEPS), Selangor.

- Cetusan idea YBhg. Tan Sri TKSUK merangkap Presiden Kelab Bukit Perdana bagi menukar nama kepada **Kontinjen Kelab Bukit Perdana, JPM** telah memberi nafas baru, di mana telah berjaya mendapat tempat Naib Johan Kebangsaan pada majlis tersebut.

## SEKSYEN KESELAMATAN

Seksyen Keselamatan berperanan sebagai agensi yang menguatkuasakan Undang-Undang dan Peraturan di kawasan JPM, selaras dengan kuasa dibawah Akta Polis 1967 (**Akta 344**), Akta Kawasan Larangan dan Tempat Larangan 1959 (**Akta 298**), Akta Pendaftaran Negara 1959 (**Akta 78**) dan akta-akta lain yang berkaitan. Seksyen Keselamatan

juga membantu dalam memberi khidmat kawalan keselamatan terhadap majlis-majlis rasmi kerajaan yang diurus setiakan oleh JPM termasuk lawatan rasmi Ketua-Ketua Negara.

Sepanjang tahun 2016, Seksyen Keselamatan telah melaksanakan beberapa aktiviti dan program utama sebagaimana berikut:

| BIL | PROGRAM   | TARIKH              |
|-----|---|---------------------|
| 1   | Majlis Perjumpaan dan Sesi Dialog Bersama YBhg. Dato' Timbalan Ketua Setiausaha Pengurusan bersama Warga Seksyen Keselamatan dan Agensi di bawah B06, Jabatan Perdana Menteri di Markas SMART, Pulau Meranti, Puchong Selangor. | 21 Februari 2016    |
| 2   | Mengadakan Taklimat Perintah Tetap Ketua Polis Negara Dan Kawalan Disiplin Dan Tatatertib Mengikut Akta Polis 1967 Kepada Pegawai Bantuan Jabatan Perdana Menteri   | 19-20 Februari 2016 |
| 3   | Sesi Dialog dan Isu-Isu Polis Bantuan Bersama Jabatan Pencegahan Jenayah dan Keselamatan Komuniti, Bukit Aman   | 11 November 2016    |
| 4   | Latihan Pengungsian Bangunan, Blok B8, Kompleks Jabatan Perdana Menteri   | 28 Disember 2016    |

Seksyen Keselamatan juga menjadi pusat rujukan dan kerap dijadikan penanda aras Kementerian dan Jabatan dari aspek kawalan keselamatan, sistem keselamatan dan pembangunan garis panduan


keselamatan. Sepanjang tahun 2016, Seksyen Keselamatan telah menerima lawatan daripada tujuh (7) Jabatan iaitu:-

| BIL | JABATAN   | TARIKH LAWATAN   |
|-----|---|------------------|
| 1   | Parlimen Malaysia   | 20 Jun 2016      |
| 2   | Bahagian Pentadbiran & Keselamatan, Kementerian Luar Negeri | 20 Julai 2016    |
| 3   | Unit Kerjasama Awam Swasta (UKAS)                           | 9 Ogos 2016      |
| 4   | Institut Latihan Kehakiman dan Perundangan (ILKAP)          | 25 Oktober 2016  |
| 5   | Pejabat Ketua Pegawai Keselamatan Kerajaan (Pej. KPKK)      | 16 November 2016 |
| 6   | Bahagian Keselamatan, Kementerian Kewangan Malaysia         | 1 Disember 2016  |
| 7   | Bahagian Keselamatan, Universiti Putra Malaysia             | 8 Disember 2016  |

Dalam memastikan keselamatan di JPM sentiasa berada dalam keadaan terbaik sepanjang masa, Seksyen Keselamatan merancang dan telah melaksanakan beberapa operasi utama yang dilaksanakan secara berjadual dan secara *adhoc*.

Pelaksanaan operasi ini dilihat telah berjaya mengurangkan kes-kes pelanggaran keselamatan di kawasan JPM daripada 8 kes tahun 2015 kepada 2 kes tahun 2016. Pelaksanaan operasi adalah seperti carta dibawah:

#### OPERASI SEKSYEN KESELAMATAN TAHUN 2016



LAPORAN TAHUNAN **2016**

Berkuatkuasa 1 Januari 2016, Seksyen Keselamatan telah menguatkuasakan tindakan kunci tayar terhadap pesalah trafik dengan dikenakan **caj pengurusan** di kawasan Bangunan Perdana Putra dan Kompleks JPM atas nasihat Pejabat Penasihat Undang-Undang

dan kelulusan YBhg. Tan Sri TKSUK. Sepanjang tahun 2016, Seksyen Keselamatan telah mengambil tindakan kunci tayar terhadap **257** pesalah trafik dengan kutipan sebanyak **RM 5,700.00**. Maklumat terperinci adalah seperti berikut:

| JENIS KESALAHAN                               | JAN       | FEB      | MAC        | APR       | MEI       | JUN      | JUL      | OGOS      | SEPT      | OKT       | NOV       | DIS      | JUMLAH     |
|---|-----------|----------|------------|-----------|-----------|----------|----------|-----------|-----------|-----------|-----------|----------|------------|
| MELETAK KERETA DI PETAK YANG TIDAK DIBENARKAN | 0         | 1        | 4          | 4         | 5         | 4        | 1        | 0         | 2         | 0         | 0         | 2        | <b>23</b>  |
| MELETAK KERETA DITEMPAT YANG TIDAK DIBENARKAN | 2         | 3        | 50         | 7         | 9         | 2        | 1        | 4         | 13        | 7         | 12        | 0        | <b>110</b> |
| MENGHALANG LALULINTAS                         | 2         | 2        | 23         | 2         | 3         | 1        | 1        | 2         | 6         | 5         | 3         | 0        | <b>50</b>  |
| GUNAPAKAI STIKER LAMA                         | 1         | 0        | 0          | 0         | 0         | 0        | 0        | 0         | 0         | 0         | 0         | 0        | <b>1</b>   |
| DOUBLE PARK/ PARKIR BERTINDIH                 | 2         | 1        | 10         | 1         | 0         | 0        | 0        | 0         | 4         | 0         | 0         | 0        | <b>18</b>  |
| PARKIR DI ZONE CLAMPING                       | 0         | 0        | 10         | 0         | 0         | 0        | 0        | 4         | 2         | 0         | 0         | 0        | <b>16</b>  |
| TIADA PELEKAT JPM                             | 3         | 0        | 4          | 4         | 3         | 1        | 1        | 0         | 13        | 4         | 4         | 1        | <b>38</b>  |
| LAIN-LAIN KESALAHAN                           | 0         | 0        | 0          | 0         | 1         | 0        | 0        | 0         | 0         | 0         | 0         | 0        | <b>1</b>   |
| <b>JUMLAH</b>                                 | <b>10</b> | <b>7</b> | <b>101</b> | <b>18</b> | <b>21</b> | <b>8</b> | <b>4</b> | <b>10</b> | <b>40</b> | <b>16</b> | <b>19</b> | <b>3</b> | <b>257</b> |

## PERPUSTAKAAN

### Pengurusan Perpustakaan

Sebanyak 252 judul buku baru diperolehi dibawah peruntukan PK 35104, manakala 53 judul dan 603 naskah di bawah PK 2701 sepanjang tahun 2016. Perpustakaan JPM juga menerima sumbangan koleksi percuma daripada pelbagai pihak awam dan swasta. Sebanyak 626 judul dan 683 naskah yang terdiri daripada monograf (buku), serial dan bahan multimedia telah diterima. Bagi memenuhi keperluan semasa pengguna yang memerlukan bahan dalam bentuk digital, sebanyak 163 judul bahan dalam bentuk digital telah disediakan.

Koleksi Perpustakaan JPM pada tahun 2016 telah bertambah sebanyak 1,585 judul dan 1,738 naskah, iaitu pertambahan sebanyak 5.27% menjadikan jumlah kumulatif koleksi perpustakaan JPM sebanyak 32,948 naskah.

### *Program Take A Break...Read!@Putrajaya: A Book Alive*

*Program Take A Break...Read! @Putrajaya: A Book Alive* ialah kempen derma bahan bacaan yang merupakan satu program tanggungjawab sosial penjawat awam kepada rakyat Malaysia dalam melestarikan budaya membaca. Ia dilaksanakan secara NBOS bagi menyahut seruan kerajaan dalam merangka kerja yang berimpak tinggi, kos minima, dilaksanakan dengan cepat serta melibatkan semua Kementerian/ Jabatan/ Agensi di sekitar Putrajaya dan Kuala Lumpur. *Donations box* telah ditempatkan di 23 lokasi yang telah dikenal pasti disekitar Kuala Lumpur dan Putrajaya.

Pengumpulan buku ini telah dilaksanakan dalam tempoh lapan (8) minggu bermula dari 4 April 2016 sehingga 27 Mei 2016. Sebanyak 57,798 naskah

buku telah berjaya dikumpulkan sepanjang tempoh ini. Buku-buku ini kemudiannya telah diagih-agihkan ke seluruh negara dalam pelaksanaan fasa kedua pada 27 September 2016. Kumpulan sasar adalah perpustakaan yang memerlukan termasuk perpustakaan sekolah-sekolah di luar-luar bandar dan sekolah Orang Asli sebagai salah satu usaha galakan membaca dalam kalangan rakyat Malaysia.

#### **APAC4U 'A DAY WITH KSN'**

APAC4U 'A Day With KSN' merupakan program kesukarelawanan yang diasaskan oleh iM4U dengan kerjasama Perpustakaan JPM. Program ini memberi penekanan kepada aspek pembangunan sendiri dan pendedahan kepada aktiviti kesukarelawanan di mana seramai 100 orang peserta dari Negara Asia Pasific seperti China, Australia, Jepun dan Negara-negara Asia Tenggara terlibat. Menerusi aktiviti yang dilaksanakan, peserta berpeluang terlibat dalam aktiviti kesukarelawanan yang melibatkan pelbagai lapisan masyarakat di Malaysia.

Tabika KEMAS PUSPANITA & Taska PERMATA PUSPANITA JPM telah dipilih oleh iM4U dan JPM untuk menjalankan aktiviti kesukarelawan *Public Art Movement* (melukis mural). Menerusi program ini, YBhg. Tan Sri Ketua Setiausaha Negara telah meluangkan masa selama satu untuk bersama-sama melukis mural, mengadakan aktiviti *story telling* serta

beramah mesra dengan peserta Program APAC4U "A Day With KSN".

#### **Program lain yang dilaksanakan oleh Perpustakaan JPM**

- i) Pinjaman bergerak (*Lib Mobile 2U*) dari pejabat ke pejabat yang dijalankan dua kali sebulan sepanjang tahun 2016.
- ii) Pertandingan peminjam terbanyak bulanan dan tahunan yang dipilih sepanjang tahun 2016.
- iii) Pameran "*I Am Fit*" pada 29 Januari 2016.
- iv) Program Jom Baca 10 Minit @ Perpustakaan JPM sempena Hari Buku dan Hak Cipta Sedunia pada 25 April 2016.
- v) Pameran bergerak sempena IP Day 26 April 2016.
- vi) Program *Play@LibJPM* diadakan pada 1 Jun 2016.
- vii) Program *Borrow & Reward @ Library* JPM.
- viii) Hari Potensi Kemas bersama anak-anak Tabika KEMAS pada 22 Oktober 2016.
- ix) Program *Fun & Learn* bersama Tabika KEMAS JPM pada 8 November 2016.
- x) Lawatan Penanda Aras ke Perpustakaan Kuala Lumpur dan Muzium Kesenian Islam pada 6 Disember 2016.

## **SEKSYEN PENGURUSAN REKOD**

Seksyen Pengurusan Rekod (SPR) diwujudkan pada bulan Jun 2013 selaras dengan Waran Perjawatan Bil. A 121 Tahun 2013. Seksyen mula beroperasi sepenuhnya sebagai satu seksyen baharu di bawah BKP pada bulan **September 2013**. Terdahulu, SPR dikenali sebagai **Unit Pendaftaran Fail** di bawah Seksyen Pentadbiran.

#### **Pelaksanaan *Digital Document Management System (DDMS) 2.0***

Pelaksanaan DDMS di JPM bermula pada 5 Mei 2015. Ia melibatkan pegawai dan kakitangan daripada

Gred 17 hingga pengurusan tertinggi JPM. Pada 19 September 2016, pelaksanaan DDMS di JPM melalui peralihan kepada DDMS 2.0, yang mana ia melibatkan migrasi data dari sistem yang lama kepada sistem baharu. Jumlah pencapaian DDMS bermula 5 Mei 2015 hingga 14 September 2016 adalah seperti berikut:

- i) rekod yang ditawan adalah sebanyak 58,751.
- ii) jumlah fail yang dibuka dalam DDMS adalah sebanyak 3,064.

### Pelupusan Rekod

Pada tahun 2016, sebanyak 12 permohonan pelupusan rekod telah dilaksanakan termasuk sepanjang Minggu Pelupusan Rekod JPM pada 21 - 25 November 2016. Kesemua permohonan telah

diberi kebenaran pelupusan oleh Arkib Negara Malaysia. Antara rekod yang dimohon untuk dilupuskan meliputi rekod urusan am, terbitan, borang dan rekod kewangan ialah:

| BIL | JABATAN/AGENSI/BAHAGIAN                                  | JENIS BAHAN                   | JUMLAH     |
|-----|--|-------------------------------|------------|
| 1.  | Seksyen Pembangunan Sumber Manusia                       | Terbitan                      | 36 unit    |
|     |  | Fail                          | 2,400 unit |
| 2.  | Bahagian Akaun   | Rekod Kewangan dan Perakaunan | 26 siri    |
| 3.  | Seksyen Kewangan   | Rekod Kewangan dan Perakaunan | 2 kumpulan |
| 4.  | Unit Integriti   | Fail                          | 2 unit     |
| 5.  | Seksyen Pengurusan Teknologi Maklumat                    | Fail                          | 2 unit     |
| 6.  | Seksyen Pembangunan Sumber Manusia                       | Fail                          | 202 unit   |
| 7.  | Pejabat Timbalan Menteri S.K. Devamany                   | Bahan Bercetak                | 2          |
| 8.  | Seksyen Keselamatan                                      | Fail                          | 447        |
| 9.  | Seksyen Pengurusan Sumber Manusia                        | Fail                          | 50         |
| 10. | Bahagian Pembangunan                                     | Fail                          | 14         |
| 11. | Seksyen Pembangunan Organisasi dan Pengurusan Perjawatan | Fail                          | 4          |
| 12. | Seksyen Kualiti dan Penyelarasan                         | Fail                          | 6          |

#### 1. Seksyen Pengurusan Teknologi Maklumat



Penyerahan Sistem Permohonan Elaun, Cuti dan Kemudahan (SPECK) kepada wakil Kementerian Kewangan



Penyerahan Sistem ePenanggungangan Kerja kepada wakil Kementerian Kewangan



Penyerahan Sistem Direktori SAME kepada wakil Sekretariat Pembangunan Usahawan Malaysia

2. Seksyen Pentadbiran



Pertandingan Boling Kelab Bukit Perdana JPM




Majlis Perarakan Sambutan Maal Hijrah 1438H/2016



Kenderaan Elektrik

**3. Seksyen Keselamatan**



Sesi Dialog Isu Polis Bantuan Bersama PDRM



Program Latihan Kebakaran



Perlaksanaan Operasi

#### 4. Seksyen Perpustakaan



Kempen Derma Bahan Bacaan oleh Penjawat Awam bertemakan *Take A Break...Read!@Putrajaya 2016*






Program APAC4U, 'A Day With KSN' yang melibatkan sukarelawan dari Negara Asia Pasifik



Karnival Perpustakaan dengan tema 'JOM KE PERPUSTAKAAN'

5. Seksyen Pengurusan Rekod



Peralihan Aplikasi Digital Document Management System (DDMS) kepada DDMS 2.0 Mulai 19 September 2016 - kesinambungan pengurusan rekod secara elektronik di JPM



Aktiviti Minggu Pelupusan Rekod JPM 2016

JABATAN PERDANA  
MENTERI MALAYSIA

LAPORAN  
TAHUNAN

# 2016



## PENGURUSAN AUDIT

# PENGURUSAN AUDIT BAHAGIAN AUDIT DALAM

## PENCAPAIAN

Pada tahun 2016, Bahagian Audit Dalam JPM telah melaksanakan sebanyak 119 pengauditan seperti dirancang, melibatkan pengauditan pengurusan kewangan/susulan, pengauditan prestasi aktiviti/program, pengauditan prestasi *Information And Communications Technology*

(*ICT*), penampilan Audit *ICT*, pengauditan indeks pematuhan *ICT*, pengauditan pengurusan Jabatan/Agensi, pengauditan indeks pematuhan perolehan, penampilan audit/pemeriksaan mengejut kewangan dan pengauditan khas. Butiran lanjut adalah seperti berikut:

### PENCAPAIAN PENGAUDITAN


| BIL | JENIS PENGAUDITAN                             | RANCANGAN  | LAKSANA    | %PENCAPAIAN |
|-----|---|------------|------------|-------------|
| 1   | Pengurusan Kewangan                           | 52         | 53         | 102         |
| 2   | Kajian Audit Prestasi/ <i>ICT</i> /Pengurusan | 15         | 15         | 100         |
| 3   | Penampilan Audit/ Pemeriksaan Mengejut        | 37         | 37         | 100         |
| 4   | Indeks Pematuhan Perolehan/ <i>ICT</i>        | 5          | 5          | 100         |
| 5   | Pengauditan Khas                              | 2          | 2          | 100         |
| 6   | Susulan Audit                                 | 8          | 7          | 88          |
|     | <b>JUMLAH</b>                                 | <b>119</b> | <b>119</b> | <b>100</b>  |

Pengauditan yang paling banyak dilaksanakan adalah pengauditan pengurusan kewangan iaitu 44%, diikuti oleh penampilan Audit/pemeriksaan mengejut (31%) dan kajian Audit prestasi/*ICT*/pengurusan (12%), manakala pengauditan susulan

Audit, pengauditan indeks pematuhan perolehan/*ICT* dan pengauditan khas adalah masing-masing sebanyak 7%, 4% dan 2%. Butiran lanjut adalah seperti berikut:

### PERATUSAN PENGAUDITAN MENGIKUT JENIS/ AKTIVITI

- Pengurusan Kewangan
- Kajian Prestasi/*ICT*/Pengurusan
- Penampilan Audit/Pemeriksaan Mengejut
- Indeks Pematuhan Perolehan/*ICT*
- Pengauditan Khas
- Susulan Audit



## PENEMUAN AUDIT


Secara keseluruhannya, hasil penemuan Audit yang dilaporkan sepanjang tahun 2016 mengikut jenis pengauditan adalah seperti berikut:

### a. Pengauditan Pengurusan Kewangan

Pelaksanaan pengauditan pengurusan kewangan adalah bertujuan untuk memastikan Jabatan/Agensi mematuhi enam (6) kawalan utama berkaitan dengan pengurusan kewangan iaitu, Kawalan Pengurusan, Kawalan Bajet, Kawalan Terimaan, Kawalan Perbelanjaan, Kawalan Akaun Amanah/Deposit dan Kawalan Pengurusan Aset/Stor. Pada tahun 2016 pengauditan ini dilaksanakan di 53 PTJ. Hasil dari pengauditan tersebut mendapati, secara puratanya prestasi keseluruhan tahap pematuhan enam (6) kawalan utama pengurusan kewangan telah menurun

sedikit iaitu 84% pada tahun 2016, berbanding 85% tahun 2015. Seterusnya, analisis terhadap enam (6) elemen kawalan utama pengurusan kewangan bagi tahun 2016 berbanding tahun 2015 mendapati, tiga (3) kawalan menunjukkan tahap pematuhan yang meningkat, satu (1) kawalan pada tahap pematuhan yang sama dengan tahun 2015, manakala dua (2) kawalan yang lain pada tahap pematuhan yang menurun. Peningkatan tahap pematuhan yang sangat ketara adalah bagi kawalan pengurusan aset dan stor iaitu meningkat sebanyak 17%, kepada 77% berbanding hanya 60% pada tahun 2015. Secara keseluruhannya, tahap pematuhan kawalan yang lain adalah baik, namun pemantauan lebih rapi perlu dipertingkatkan. Butiran lanjut adalah seperti berikut:

PURATA TAHAP PEMATUHAN KAWALAN PENGURUSAN KEWANGAN BAGI TAHUN 2016 BERBANDING TAHUN 2015



**b. Kajian Prestasi**

Pada tahun 2016, sebanyak 14 kajian telah dilaksanakan yang terdiri dari Jabatan/agensi dalam pengurusan perolehan, pengurusan Pusat Latihan, pembangunan ICT, pengurusan program/aktiviti dan pengurusan aset alih. Pengauditan dilakukan merangkumi penilaian terhadap pencapaian matlamat yang ditetapkan,

penggunaan sumber secara berhemat, cekap dan berkesan serta memberikan cadangan penambahbaikan berasaskan peraturan, perundangan, arahan, dasar dan matlamat yang hendak dicapai oleh Kerajaan. Senarai tajuk Kajian adalah seperti berikut:

| BIL | Tajuk Kajian Prestasi  | Jabatan/Agensi   |
|-----|--|--|
| 1   | Kajian Audit ICT terhadap Sistem eVetting  | Pejabat Ketua Pegawai keselamatan Kerajaan Malaysia  |
| 2   | Kajian Audit ICT terhadap Sistem MyAPM   | Angkatan Pertahanan Awam Malaysia  |
| 3   | Kajian Audit Terhadap Pengurusan Aset Alih   | Unit Penyelarasan Pelaksanaan, JPM   |
| 4   | Kajian Audit Terhadap Pengurusan Program Pemberian Makanan Kepada Komuniti Disayangi Dan Program Kedai Makan Asnaf 1Malaysia | Jabatan Agama Islam Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur   |
| 5   | Kajian Audit Terhadap Pengurusan Pusat Latihan   | Angkatan Pertahanan Awam Malaysia  |
| 6   | Kajian Audit Terhadap Program Pengajian Akademik   | Darul Quran, JAKIM   |
| 7   | Pengauditan Pengurusan   | <ul style="list-style-type: none"> <li>i. Majlis Kebajikan dan Sukan Anggota-anggota Kerajaan Malaysia</li> <li>ii. Jabatan Perpaduan Negara dan Integrasi Nasional</li> </ul>   |
| 8   | Pengauditan Pengurusan Perolehan   | <ul style="list-style-type: none"> <li>i. Jabatan Kehakiman Syariah Malaysia</li> <li>ii. Bahagian Pengurusan Hartanah, JPM</li> <li>iii. Unit Pemodenan Tadbiran dan Perancangan Pengurusan Malaysia</li> <li>iv. Agensi Penguatkuasaan Maritim Malaysia</li> <li>v. Jabatan Perpaduan Negara dan Integrasi Nasional</li> <li>vi. Bahagian Istiadat dan Urus setia Persidangan Antarabangsa, JPM</li> </ul> |

Antara isu-isu ketara yang dibangkitkan hasil dari pengauditan ini adalah berkaitan dengan sasaran dan objektif program/aktiviti/ICT yang tidak dicapai; syarat-syarat perjanjian tidak dipatuhi, spesifikasi dan kontrak tidak dibuat dengan teratur dan ada yang tidak dirujuk kepada pihak Penasihat Undang-undang, pengurusan kontrak perjanjian yang lemah dan pembayaran tidak dibuat mengikut kehendak klausa kontrak serta peraturan yang ditetapkan; kerja-kerja pembersihan, penyenggaraan dan khidmat keselamatan tidak dilaksanakan berdasarkan perjanjian dan kontrak; caj dan kutipan hasil tidak dibuat mengikut kadar yang diluluskan; tunggakan hasil dan Akaun Belum Terima tidak diakaunkan dengan tepat; pengurusan pusat latihan tidak dilaksanakan dengan teratur, cekap, berkesan serta tidak mematuhi peraturan/undang-undang yang ditetapkan. Bagi aset pula, pengurusannya tidak mengikut peraturan yang ditetapkan. Isu-isu yang dibangkitkan dalam pengauditan ICT adalah berkaitan dengan objektif pembangunan sistem tidak tercapai; Jawatankuasa pemandu tidak ditubuhkan, pengurusan pembangunan sistem yang tidak teratur dan tidak mengikut peraturan yang ditetapkan; pemantauan pelaksanaan sistem tidak dilaksanakan secara menyeluruh dan kurang berkesan serta sistem yang dibangunkan tidak digunakan secara optimum.

## JAWATANKUASA AUDIT

Jawatankuasa Audit ditubuhkan untuk memantap dan mempertingkatkan keberkesanan sistem penyampaian perkhidmatan awam melalui tadbir urus yang terbaik dengan membincangkan isu-isu hasil daripada temuan Audit dibincang dan syor penambahbaikan yang perlu diambil oleh pihak pengurusan. Pihak pengurusan perlu memberikan perhatian yang serius terhadap isu-isu yang dibincangkan dan mengambil tindakan penambahbaikan, pencegahan atau punitif. Pada tahun 2016, Jawatankuasa Audit JPM, telah membincangkan sebanyak 1,621 isu. Sebanyak 1,486 isu atau 91.67% berjaya diselesaikan manakala 135 isu masih dalam tindakan dan dua (2) isu yang lain memerlukan siasatan dalaman oleh Jabatan/Agensi

## c. Penampilan Audit/Pemeriksaan Mengejut

Penampilan Audit/Pemeriksaan Mengejut bagi pengurusan kewangan dan ICT dilaksanakan bertujuan untuk mewujudkan kesedaran kepada pihak Jabatan/Agensi bahawa Bahagian Audit Dalam sentiasa memantau tahap pematuan pengurusan kewangan mereka. Bermula pada 1 Jun 2011, Bahagian Audit Dalam telah menggunakan kaedah *self assessment* secara *online* melalui sistem ezSNAP terhadap semua PTJ di bawah JPM. Seterusnya, pada tahun 2014, kaedah *self assessment* sistem ezSNAP ini, telah dipanjangkan pula kepada PTJ Pemungut. Pada tahun 2016, *self assessment* yang dilaksanakan oleh 37 PTJ telah dipilih untuk dilaksanakan Penampilan Audit bagi Pengurusan Kewangan dan pengurusan ICT. Tujuan pemilihan ini adalah untuk mengukur varians tahap integriti maklumat yang dimasukkan di dalam sistem ezSNAP. Hasil dari pengauditan tersebut mendapati, secara puratanya, varians peratus pemarkahan yang diukur oleh Jabatan/Agensi berbanding penampilan Audit adalah antara 0% hingga 40% dengan purata tahap pematuan pengurusan kewangan antara 81% hingga 100%, manakala 80% sehingga 100% bagi penilaian ICT. Secara perbandingan, tahap pematuan ini adalah lebih baik berbanding tahun 2015, namun terdapat dua (2) PTJ yang mempunyai varians melebihi 41%.

yang terlibat. Antara isu-isu yang ketara adalah berkaitan dengan amaun terlebih bayar sebanyak RM277,108.50 di mana sebanyak RM39,325.20 telah berjaya dikutip balik; Isu *improper payment* berjumlah RM1,498,933.35, sedang diambil tindakan, termasuk tindakan punitif jika didapati pegawai cuai atau tidak menjalankan tanggungjawab mengikut peraturan Kerajaan; isu kutipan hasil berjumlah RM18,465 tersilap diakaunkan, dimana jumlah tersebut telah dikutip balik dan diakaunkan sebagai hasil Kerajaan; sebanyak 30 cadangan penambahbaikan sistem kawalan dalaman/tadbir urus/prosedur kerja telah diberi dan diterima pakai oleh Jabatan/Agensi.

## KHIDMAT NASIHAT PENGAUDITAN

Selain menjalankan pengauditan, Bahagian Audit Dalam juga berperanan memberikan khidmat nasihat kepada Jabatan / Agensi yang diaudit mengenai kawalan dalaman semua sistem termasuk sistem ICT. Bermula 18 Jun 2013, Bahagian Audit Dalam JPM telah membangunkan sistem khidmat nasihat secara atas talian yang dikenali sebagai eNasihat. Melalui sistem ini, tempoh masa bagi menjawab soalan yang dikemukakan oleh Jabatan/ Agensi JPM adalah antara 1 hingga 3 hari bekerja.

Pada tahun 2016, sejumlah 190 soalan telah dikemukakan kepada Bahagian Audit Dalam JPM. Daripada jumlah tersebut, sejumlah 14 soalan telah dijawab dalam tempoh satu (1) hari, 21 soalan dalam tempoh dua (2) hari, manakala 38 soalan telah dijawab dalam tempoh tiga (3) hari. Selain itu, 117 soalan pula merupakan soalan bagi Bahagian lain dan pihak ketiga.

## RUMUSAN

Secara keseluruhannya, Jabatan/Agensi JPM telah mematuhi peraturan pengurusan kewangan dengan memuaskan dan mempunyai perancangan yang baik dalam pengurusan prestasi program/aktiviti. Namun beberapa kelemahan perlu diambil tindakan pemantauan secara teliti dan berterusan, agar isu yang sama tidak berulang dan matlamat, sasaran,

objektif program/aktiviti yang ditetapkan dapat dicapai dengan cekap, berkesan dan ekonomi. Seterusnya dapat meningkatkan tahap tadbir urus terbaik, berakauntabiliti dan integriti selaras dengan matlamat Kerajaan untuk mencapai “*value for money*” bagi mengurangkan pembaziran sumber/ dana Kerajaan.

JABATAN PERDANA MENTERI MALAYSIA LAPORAN TAHUNAN



# PENGURUSAN PEMBANGUNAN

## BAHAGIAN PEMBANGUNAN

### PRESTASI PELAKSANAAN PROJEK PEMBANGUNAN RMKE-11


#### Projek Pembangunan

Melalui Rancangan Malaysia Kesebelas (RMKe-11), JPM telah diluluskan peruntukan 2016 sebanyak RM11.922 bilion dan telah membelanjakan RM11.877 bilion (99.63%) sehingga 31 Disember 2016. JPM bertanggungjawab untuk memantau pelaksanaan kesemua projek sama ada fizikal dan bukan fizikal secara intensif melalui pemantauan di tapak dan juga penyaluran peruntukan kepada agensi-agensi di bawah JPM.

#### Prestasi Perbelanjaan

Pecahan perbelanjaan bagi 2016 ialah RM11,792,806,104.75 (P06) dan RM84,461,184.49 (P07), di mana prestasi perbelanjaan ini adalah melebihi daripada Purata Nasional sebanyak 95.54%.

#### RUMUSAN PENCAPAIAN PERBELANJAAN PEMBANGUNAN JPM (P06 & P07) BAGI 2016



### **Lawatan Program Turun Padang YBhg. Tan Sri TKSUK dan Bahagian Pembangunan**

Program ini berbentuk lawatan turun padang secara proaktif oleh YBhg. Tan Sri TKSUK dan juga Bahagian Pembangunan ke Agensi/Jabatan bagi melihat dan memantau projek-projek atau program yang dijalankan di tapak.





#### **Tempat Ketiga Untuk Anugerah Ikon Pengurusan Projek**

Anugerah Ikon Pengurusan Projek Pembangunan merupakan pengiktirafan terhadap pencapaian Kementerian melibatkan 5 kategori. Anugerah ini memberikan fokus kepada kecemerlangan Kementerian dalam melaksanakan program, projek pembangunan sepanjang tahun. Kriteria Penerima Kategori Ikon Pengurusan Projek Pembangunan adalah seperti berikut:

- Prestasi Paling Konsisten dari segi perbelanjaan dan fizikal :  
Kategori 1 : Peruntukan Melebihi Daripada RM1 bilion
- Prestasi SPP II Terbaik
- Best Practices Penilaian Inspektorat  
Kategori 1 : Projek Fizikal  
Kategori 2 : Projek Bukan Fizikal
- Penilaian *Outcome* Terbaik
- Lawatan Turun Padang Terbaik

JABATAN PERDANA MENTERI MALAYSIA LAPORAN TAHUNAN

2016



# PENGURUSAN AKAUN

## PERAKAUNAN

Bahagian Akaun JPM berfungsi sebagai Pejabat Perakaunan dan Pejabat Pembayar JPM yang merangkumi bidang keutamaan seperti berikut:

- Pengurusan Bayaran
- Pengurusan Emolumen
- Pengurusan Terimaan
- Pengurusan Akaun
- Pengurusan Dana
- Penguatkuasaan Pematuhan Peraturan Kewangan dan Perakaunan
- Khidmat Nasihat Perakaunan
- Pengurusan Maklumat Kewangan dan Perakaunan

Objektif Bahagian Akaun adalah untuk memastikan perkhidmatan perakaunan dan pengurusan maklumat kewangan dilaksanakan dengan cekap mengikut kehendak undang-undang, peraturan kewangan dan Piawai Perakaunan Kerajaan yang berkuatkuasa. Fokus utama Bahagian Akaun pada tahun 2016 adalah melaksanakan aktiviti pengumpulan data baki awal aset dan liabiliti bagi semua Jabatan di bawah JPM selaras dengan keperluan pelaksanaan perakaunan akruan Kerajaan Persekutuan.

### PENGURUSAN BAYARAN

Dalam tahun 2016, sebanyak **231,739** baucar bayaran telah dapat diproses dalam tempoh empat (4) hari dari tarikh baucar diterima daripada PTJ. **99.49%** pembayaran telah dapat dibuat secara *Electronic Fund Transfer* (EFT) berbanding pembayaran melalui cek.

### PENGURUSAN TERIMAAN

Sebanyak **22,119** penyata pemungut telah diproses bagi mengakaunkan terimaan berjumlah **RM3.481** bilion bagi tahun 2016. Dari jumlah tersebut

**22,046** penyata pemungut adalah secara elektronik berjumlah **RM2.714** bilion manakala 73 penyata pemungut telah diproses secara manual berjumlah **RM0.767** bilion.

### PENGURUSAN AKAUN

Bahagian Akaun juga bertanggungjawab dalam memantau penutupan akaun JPM secara bulanan dan tahunan. Penyata Penyesuaian Hasil, Belanja Mengurus, Belanja Pembangunan dan Amanah yang diterima daripada PTJ akan disemak setiap bulan agar maklumat perakaunan JPM sentiasa betul dan tepat.

### PENGURUSAN DANA

Bahagian Akaun juga bertanggungjawab menguruskan aliran wang tunai JPM dengan memastikan dana harta adalah mencukupi untuk menampung transaksi pembayaran harian.

### PEMATUHAN PERATURAN KEWANGAN DAN PERAKAUNAN

Selaras dengan Arahan Perbendaharaan 139, Bahagian Akaun bertanggungjawab untuk memastikan semua bayaran dan terimaan telah diakaunkan dengan betul dan mematuhi semua peraturan kewangan yang berkuatkuasa. Bagi tujuan tersebut, Bahagian Akaun telah menjalankan program Naziran eSPKB ke atas PTJ eSPKB, Pengauditan Dokumen Akaun Terimaan (DAT) dan Naziran Terimaan ke atas Pejabat Pemungut (PP) di bawah JPM.

#### i. Naziran eSPKB


Pada tahun 2016, Naziran eSPKB telah dilaksanakan oleh Pasukan Naziran Bahagian Akaun ke atas 74 PTJ eSPKB berbanding 68 PTJ pada tahun 2015. Peningkatan PTJ adalah disebabkan oleh pengambilalihan PTJ Angkatan Pertahanan Awam Malaysia daripada Kementerian Dalam Negeri. Skop naziran eSPKB adalah merangkumi

penyemakan ke atas dokumen kewangan bayaran, penyediaan dan pengurusan dokumen kewangan, penyelenggaraan laporan eSPKB dan pengurusan pengguna sistem ePSKB.

Sebanyak 14,510 sampel dokumen kewangan telah disemak yang merangkumi dokumen kewangan Waran Peruntukan, Waran Perjalanan Udara Awam, Baucar Jurnal dan Baucar Bayaran. Berdasarkan penyemakan ke atas sampel tersebut, penemuan ketidakpatuhan oleh Pasukan Naziran eSPKB adalah sebanyak 673 atau 4.64% ketidakpatuhan iaitu berkaitan dengan dokumen sokongan yang tidak lengkap, kesilapan terlebih/terkurang bayar bil/tuntutan, bayaran tidak mematuhi terma dan syarat kontrak, pembayaran tidak mematuhi tatacara perolehan, kelewatan pengeluaran pesanan tempatan, tiada kajian pasaran dan pengurusan dokumen kewangan.

Secara keseluruhannya bagi tahun 2016, sebanyak 52 PTJ telah mendapat prestasi Cemerlang (markah melebihi 90%), 19 PTJ mendapat prestasi Baik (markah melebihi 80%) dan 2 PTJ mendapat prestasi Memuaskan (markah melebihi 65%). Perbandingan peratusan prestasi Naziran PTJ JPM bagi tahun 2016 berbanding tahun 2015 adalah seperti Rajah berikut:

**PERATUS PRESTASI NAZIRAN BAGI TAHUN 2015 & 2016**



## ii. Pengauditan Dokumen Akaun Terimaan (DAT)

Pengauditan Dokumen Akaun Terimaan (DAT), yang dahulunya dikenali sebagai Kira-kira Wang Tunai (KKWT) merupakan proses kawalan yang dilaksanakan bagi memastikan terimaan Hasil atau Amanah dipungut dan diperakaukan mengikut peraturan kewangan yang berkuatkuasa. Bahagian Akaun telah melaksanakan penyemakan ke atas DAT yang dikemukakan setiap bulan oleh 446 PP seluruh Malaysia berbanding 427 PTJ Pemungut pada tahun 2015. Perubahan ini disebabkan oleh penggabungan Pejabat-pejabat Pemungut kecil, pengwujudan PP baru dan pengambilalihan PP Angkatan Pertahanan Awam Malaysia daripada Kementerian Dalam Negeri.

Pengauditan DAT yang dilaksanakan oleh Bahagian Akaun merangkumi PP yang bukan sahaja menggunakan kaedah kutipan/terimaan secara manual dan sistem eTerimaan, tetapi juga merangkumi DAT daripada sistem terimaan yang dibangunkan oleh PP seperti e-COURT FINANCE dan e-SKHD (Mahkamah), INSIST (Jabatan Insolvensi Malaysia), e-Syariah (Mahkamah Syariah), SBBPH (BPH), SPHTB (Pejabat Pengarah Tanah dan Galian) dan Sistem JPA Modal Insan e-Resit.

Secara keseluruhannya bagi tahun 2016, sebanyak 52 PTJ telah mendapat prestasi Cemerlang (markah melebihi 90%), 19 PTJ mendapat prestasi Baik (markah melebihi 80%) dan 2 PTJ mendapat prestasi Memuaskan (markah melebihi 65%). Perbandingan peratusan prestasi Naziran PTJ JPM bagi tahun 2016 berbanding tahun 2015 adalah seperti Rajah berikut:

| KAEDAH / SISTEM | BIL PTJ PEMUNGUT |
|-----------------|------------------|
| Manual          | 56               |
| eTerimaan       | 339              |
| Sistem Sendiri  | 51               |


**iii. Naziran Terimaan**

Naziran Terimaan dilaksanakan oleh Bahagian Akaun sebagai susulan daripada pemerhatian ketidakpatuhan Pengauditan DAT bagi memastikan pengurusan terimaan di PP mematuhi peraturan-peraturan kewangan yang berkuat kuasa. Skop pelaksanaan Naziran Terimaan oleh Pasukan Naziran Bahagian Akaun adalah lebih luas berbanding pengauditan DAT yang mana ia merangkumi semakan naziran ke atas proses penerimaan wang awam, pengeluaran resit, penyelenggaraan buku tunai, penyimpanan dan penggunaan resit, bayaran kepada perbendaharaan, penyata penyesuaian

hasil, penggunaan peti besi dan pemeriksaan mengejut. Pada tahun 2016, sebanyak 17 PP telah dilaksanakan Naziran Terimaan berbanding 10 PP pada tahun 2015.

Secara keseluruhannya penemuan ketidakpatuhan oleh Pasukan Naziran Terimaan adalah berkaitan dengan cetakan dan penyimpanan dokumen kewangan, penyemakan ke atas Penyata Pemungut, Buku Tunai, Resit dan Daftar Cek Tak Laku, penyediaan Surat Kebenaran Bertulis, perkhidmatan kaunter serta pemeriksaan mengejut seperti di Rajah berikut:

**PERATUSAN PENEMUAN KETIDAKPATUHAN NAZIRAN TERIMAAN 2016**



## KHIDMAT NASIHAT PERAKAUNAN

Bahagian Akaun turut berperanan memberi nasihat dan panduan kepada pengguna eSPKB, eTerimaan, ePerolehan, GFMAS Jabatan di bawah JPM. Dalam tahun 2016, sebanyak **316** pertanyaan/aduan telah diterima oleh Bahagian ini yang terdiri daripada pertanyaan mengenai peraturan kewangan, penyediaan dokumen kewangan, masalah sistem, kad pintar/capaian eSPKB/eTerimaan dan lain-lain.

## PENGURUSAN MAKLUMAT PERAKAUNAN DAN KEWANGAN

Bahagian Akaun telah dipertanggungjawabkan untuk melaporkan prestasi pembayaran bil JPM, Kementerian-Kementerian dan Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri secara harian, dwi bulanan dan bulanan serta prestasi perolehan secara eBiding kepada Ketua Setiausaha Negara.

### i. Prestasi Pembayaran Bil JPM

Jumlah keseluruhan bil yang diuruskan oleh JPM pada tahun 2016 adalah **408,906** bil bernilai **RM21.53** bilion. Daripada **408,902** bil yang telah dibayar dalam tempoh 14 hari, **389,107 (95.16%)** daripadanya telah dibayar dalam tempoh 7 hari.

### ii. Prestasi Pembayaran Bil/Tuntutan Kementerian 2016

Jumlah keseluruhan bil/tuntutan yang diuruskan oleh semua Kementerian pada tahun 2016 adalah **4,763,006** bil bernilai **RM94.58** bilion. Daripada 4,756,568 bil yang telah dibayar dalam tempoh 14 hari, **4,523,384 (94.97%)** daripadanya telah dibayar dalam tempoh 7 hari.

### iii. Prestasi Pembayaran Bil Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri 2016

Jumlah bil yang diuruskan oleh semua Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri (PSUK) pada tahun

2016 ialah **1,233,095** bil bernilai **RM26.66** bilion. Daripada **1,225,826** bil yang telah dibayar dalam tempoh 14 hari, **1,150,244 (94.73%)** daripadanya telah dibayar dalam tempoh 7 hari.

### iv. Laporan Perolehan Secara eBidding JPM

Jumlah keseluruhan perolehan yang diurus oleh 72 Jabatan/Agensi JPM bagi 2016 adalah **433** perolehan berjumlah **RM391.87** juta. Sebanyak **23** perolehan (**5.31%**) telah dilaksanakan secara eBidding dengan nilai perolehan berjumlah **RM11.76** juta.

## PEMANTAUAN ADUAN PEMBAYARAN LEWAT KEPADA KSN

Sepanjang tahun 2016, sebanyak **27** aduan telah diterima melalui Portal Aduan Pembayaran Lewat Kepada KSN di mana sebanyak **21 aduan (78%)** dapat diselesaikan dan **6 aduan (22%)** akan diselesaikan aduannya pada tahun 2017.

## PELAKSANAAN PERAKAUNAN AKRUAN

Landskap perakaunan Kerajaan Persekutuan akan berubah daripada tunai ubahsuai ke akruan yang merupakan salah satu ketetapan pengukuran polisi di bawah Dasar Model Ekonomi Baru bagi memastikan amalan kewangan sektor awam di tahap yang sama dengan amalan kewangan di negara membangun.

Pelaksanaan perakaunan akruan akan memberi impak ke atas pengurusan fiskal Kerajaan yang akan menjadi lebih mampan dan efisien di mana ia secara langsung akan memastikan penyaluran maklumat berhubung penggunaan sumber untuk menyokong pelaksanaan dasar Kerajaan akan berterusan.

Selain daripada aktiviti pengumpulan data baki awal aset dan liabiliti, Bahagian Akaun juga turut mengadakan beberapa aktiviti bagi memberi pendedahan awal kepada semua peringkat pegawai dan kakitangan JPM mengenai perakaunan akruan. Antara aktiviti yang telah diadakan dalam tahun

LAPORAN TAHUNAN **2016**

2016 adalah kursus/latihan/taklimat berkaitan perakaunan akruan, di peringkat Lembah Kelang dan juga di negeri-negeri.

#### i. Kursus dan Latihan Perakaunan

Dalam tahun 2016, beberapa kursus berkaitan dengan perakaunan akruan telah dianjurkan oleh Bahagian Akaun. Kursus-kursus yang dijalankan adalah seperti Kursus Perakaunan Akruan dan Dialog Bersama PTJ

mengikut Zon, Bengkel *Malaysian Public Sector Accounting Standards* (MPSAS) dan latihan teknikal sistem 1GFMS (HCM) kepada 'Trainers'. Kursus/Latihan ini bertujuan untuk memberi penerangan dan pengetahuan awal mengenai Perakaunan Akruan dan kesannya kepada aspek kewangan dan perakaunan Jabatan serta persediaan yang perlu dilakukan ke arah menghadapi cabaran peralihan kepada Perakaunan Akruan kelak.

| BIL | NAMA KURSUS  | TARIKH                   |
|-----|--|--------------------------|
| 1   | Kursus Perakaunan Akruan dan Dialog bersama PTJ bagi:-       |                          |
|     | i. Zon Sabah   | 29 Feb & 1 Mac 2016      |
|     | ii. Zon Tengah   | 23 & 24 Mac 2016         |
|     | iii. Zon Sarawak   | 25 & 26 April 2016       |
|     | iv. Zon Timur  | 23 & 24 Mei 2016         |
|     | v. Zon Utara   | 15 & 16 Ogos 2016        |
|     | vi. Zon Selatan  | 21 & 22 Sept 2016        |
| 2   | Bengkel Malaysian Public Sector Accounting Standards (MPSAS) | 28 & 29 Sept 2016        |
| 3   | Kursus 1GFMS - Modul HCM                                     | 14 Mac hingga 6 Mei 2016 |



Kursus Perakaunan Akruan dan Dialog bersama PTJ bagi Zon Sabah pada 29 Februari 2016



Bengkel Malaysian *Public Sector Accounting Standards* - MPSAS pada 28 hingga 29 September 2016

JABATAN PERDANA MENTERI MALAYSIA LAPORAN TAHUNAN

2016



# UNIT INTEGRITI

## UNIT INTEGRITI

Selaras dengan hasrat kerajaan bagi meningkatkan sistem tadbir urus sektor awam yang terbaik dan memantapkan budaya integriti perkhidmatan awam, penubuhan Unit Integriti di semua agensi awam telah dilaksanakan berdasarkan kepada Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 6 Tahun 2013 yang bertujuan

supaya Unit Integriti berperanan sebagai *focal point* kepada pengurusan isu-isu berkaitan integriti di semua agensi awam. Unit Integriti JPM (UI JPM) telah ditubuhkan pada 1 Januari 2014 dengan enam fungsi terma seperti berikut:

| BIL | FUNGSI TERAS              | BIDANG TUGAS  |
|-----|---------------------------|---|
| 1.  | Pengukuhan Integriti      | Memastikan pembudayaan, penginstitusian dan pelaksanaan integriti dalam organisasi  |
| 2.  | Pengurusan Aduan          | Menerima dan mengambil tindakan ke atas semua aduan/maklumat mengenai salah laku dan pelanggaran integriti pegawai awam   |
| 3.  | Tadbir urus               | Memastikan pelaksanaan tadbir urus secara efektif   |
| 4.  | Pematuhan                 | Memastikan pematuhan terhadap sistem dan prosedur kerja serta mencadangkan penambahbaikan   |
| 5.  | Pengesanan dan Pengesahan | Mengesan dan mengesahkan aduan salah laku atau pelanggaran integriti. Salah laku bersifat jenayah hendaklah dilaporkan kepada agensi penguatkuasaan yang bertanggungjawab |
| 6.  | Tatatertib                | Melaksanakan fungsi urus setia Lembaga Tatatertib   |

### Pelaksanaan Sesi Libat Urus (*Engagement*) Bersama Agensi/Jabatan Di Bawah Pentadbiran JPM

UI JPM melaksanakan libat urus atau *engagement* bagi memantau pelaksanaan dasar, program dan peruntukan yang dirancang oleh Agensi/Jabatan di bawah JPM bermula Januari 2015 sehingga kini. Antara Agensi/Jabatan di bawah JPM yang terlibat dengan sesi *engagement* bersama UI JPM adalah seperti berikut:

- (i) Seranta FELDA;
- (ii) Unit Kawal Selia FELDA;
- (iii) Agensi Penguatkuasaan Maritim Malaysia;
- (iv) Jabatan Kehakiman Syariah Malaysia;
- (v) Agensi Inovasi Malaysia;
- (vi) Eastern Sabah Security Command (ESSCOM);
- (vii) Lembaga Pelesenan Kenderaan Perdagangan Sarawak;
- (viii) Lembaga Pelesenan Kenderaan Perdagangan Sabah;

- (ix) Unit Khas Program Pembangunan Sosioekonomi Masyarakat India (SEDIC);
- (x) Pejabat Pendaftar Mahkamah Persekutuan Malaysia;
- (xi) Lembaga Kemajuan Tanah Persekutuan (FELDA); dan
- (xii) Pejabat Tanah Galian Wilayah Persekutuan;

UI JPM turut melaksanakan naziran ke atas Agensi/Jabatan di bawah JPM yang dikenal pasti mempunyai risiko penyelewengan dan ketidakpatuhan berdasarkan aduan dan arahan Pengurusan Atasan dari semasa ke semasa. Antara Agensi/Jabatan di bawah JPM yang terlibat dengan sesi naziran bersama UI JPM adalah seperti berikut:

- (i) Bahagian Pengurusan Hartanah;
- (ii) Istana Negara;
- (iii) Unit Penyelarasan Pelaksanaan (ICU);
- (iv) Pejabat Perdana Menteri;
- (v) Jabatan Agama Islam Wilayah Persekutuan; dan
- (vi) Jabatan Perpaduan Negara dan Integrasi Nasional;

### Saluran Aduan Integriti

UI JPM turut menguruskan saluran aduan berkaitan integriti yang melibatkan salah laku serta pelanggaran tatakelakuan dan etika organisasi. Sepanjang tahun 2016, UI JPM telah menerima sebanyak 42 aduan berkaitan integriti/rasuah/salah laku untuk tindakan pengesanan dan pengesahan UI JPM.

UI JPM juga telah mewujudkan *system* aduan e-integriti di dalam portal JPM yang bertujuan supaya maklumat dan aduan berkaitan integriti/rasuah/salah laku yang diterima oleh JPM dapat disalurkan terus kepada Unit Integriti tanpa boleh diakses oleh pegawai bahagian-bahagian lain bagi memastikan kerahsiaan dan perlindungan kepada pemberi maklumat. Sistem ini telah dilancarkan pada Perhimpunan Bulanan Warga JPM bersama TKSUK bagi bulan Disember 2016.



### UI JPM Sebagai Urus Setia Jawatankuasa Siasatan Dalaman bagi Laporan Ketua Audit Negara (LKAN)

UI JPM turut berperanan sebagai urus setia Jawatankuasa Siasatan Dalaman yang menjalankan siasatan bagi ketidakpatuhan peraturan kewangan, perolehan dan projek seperti yang dilaporkan di dalam Laporan Ketua Audit Negara (LKAN). UI JPM telah menubuhkan tiga Jawatankuasa Siasatan Dalaman JPM (JKSD JPM) pada tahun 2016 untuk menjalankan siasatan ke atas laporan LKAN Siri 2 Tahun 2015 yang melibatkan Lembaga Kemajuan Tanah Persekutuan (FELDA), Lembaga Kemajuan Tanah Pulau Pinang (PERDA) dan Angkatan Pertahanan Awam Malaysia (APM). UI JPM turut menjadi urus setia bagi Jawatankuasa Siasatan Khas ke atas isu yang telah diklasifikasikan sebagai punitif oleh Jabatan Audit Negara melibatkan Jabatan Wakaf Zakat dan Haji (JAWHAR) bagi laporan LKAN Siri 2 Tahun 2015.

Di antara kejayaan terbesar JKSD JPM dalam siasatan LKAN Siri 2 Tahun 2015 adalah berkaitan kes Pengurusan Projek FELDA dan Subsidiari di mana JKSD JPM telah berjaya mengenal pasti jenis kesalahan rasuah, salah guna kuasa, serta pegawai FELDA yang terlibat seterusnya mengemukakan maklumat kepada Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM). Pihak SPRM telah menjalankan siasatan lanjut dan seterusnya membuat tangkapan terhadap pegawai-pegawai FELDA yang disyaki terlibat di dalam jenayah rasuah dan salah guna kuasa.



### Urus Setia dan Keanggotaan Lembaga Tatatertib

UI JPM merupakan urus setia Lembaga Tatatertib Perkhidmatan Awam Kumpulan Pengurusan (No. 2) JPM, Lembaga Tatatertib Perkhidmatan Awam Kumpulan Sokongan (No. 1) JPM dan Lembaga

Tatatertib Perkhidmatan Awam Kumpulan Sokongan (No. 2) JPM dengan jumlah kes yang diselesaikan bagi tahun 2016 adalah sebanyak 6 kes.

Program Pengukuhan Integriti

UI JPM telah merancang beberapa program pengukuhan Integriti sepanjang tahun 2016 bagi memastikan kesedaran integriti dalam kalangan warga JPM. Antara program yang menjadi highlight bagi pencapaian UI JPM pada tahun 2016 adalah program lawatan 'Dirimu Bertuah' yang telah diadakan pada 28 April 2016 di Pusat Cerebral Palsy Taman Sinar Harapan, Kuala Kubu Bahru melibatkan warga JPM seramai 23 orang.

Selain itu, UI JPM juga menghantar mesej integriti secara bulanan melalui e-mel sepanjang tahun 2016 yang bertujuan untuk memastikan warga JPM sentiasa mendapat maklumat mengenai contoh-contoh kesalahan tatatertib yang dilakukan oleh penjawat awam dan hukuman bagi kesalahan tersebut.

UI JPM turut melaksanakan 'mystery shopping' di kafetaria Blok B1 dan Blok B6 Kompleks JPM bagi memantau pelanggaran Pematuhan Waktu Bekerja, Peraturan-peraturan Am, Bab G, Waktu Bekerja dan Lebih Masa oleh pegawai di JPM.



Contoh e-mel pemakluman maklumat mengenai integriti kepada semua warga JPM

JABATAN PERDANA LAPORAN  
MENTERI MALAYSIA TAHUNAN



# UNIT KOMUNIKASI KORPORAT

# UNIT KOMUNIKASI KORPORAT (UKK)

## SEKSYEN PERHUBUNGAN AWAM DAN KOMUNIKASI KREATIF

### • PENGURUSAN MEDIA

#### 1. Pengurusan Slot Bual Bicara Radio / TV



| BIL.   | PROGRAM   | MEDIA                           |
|--|---|---------------------------------|
| <b>A) KEMPEN DERMA BAHAN BACAAN 'TAKE A BREAK....READ! @PUTRAJAYA 2016: A BOOK ALIVE'</b>  |   |                                 |
| 1.   | <b>12 April 2016</b><br>YBhg. Datuk Iskandar Mohd Kaus<br>Timbalan Ketua Setiausaha Sulit YAB PM  | Radio NasionalFM (RTM - BM)     |
| 2.   | <b>13 April 2016</b><br>Cik Wong Chooi Chin<br>Penolong Pengarah, Bahagian Kampung Baru, JPM  | Radio AiFM (RTM - Mandarin)     |
| 3.   | <b>18 April 2016</b><br>YBhg. Datuk Iskandar Mohd Kaus, Timbalan Ketua Setiausaha Sulit YAB PM  | Selamat Pagi Malaysia (RTM TV1) |
| 4.   | <b>19 April 2016</b><br>Encik Mohd Faiz Sanusi<br>Ketua Komunikasi, Pejabat KSN   | Radio TraxxFM (RTM - BI)        |
| 5.   | <b>23 April 2016</b><br>YBhg. Datuk Nadzri Siron<br>Timbalan Ketua Setiausaha (P), JPM  | Assalamualaikum (TV AlHijrah)   |
| 6.   | <b>25 Mei 2016</b><br>YBhg. Datuk Nadzri Siron<br>Timbalan Ketua Setiausaha (P), JPM  | Bernamea Radio                  |
| <b>B) PERSIDANGAN &amp; KARNIVAL SUKAN PUSPANITA</b>                                       |   |                                 |
| 1.   | <b>22 April 2016</b><br>Cik Afriza Hani Sinun<br>Setiausaha Agung Puspanita Kebangsaan  | Selamat Pagi Malaysia (RTM TV1) |
| <b>C) MAKSAK</b>   |   |                                 |
| 1.   | <b>12 April 2016</b><br>Encik Ahmad Faedzal Md Ramli<br>Setiausaha Agung MAKSAK   | Radio NasionalFM (RTM - BM)     |
| 2.   | <b>12 April 2016</b><br>Encik Ahmad Faedzal Md Ramli<br>Setiausaha Agung MAKSAK   | Radio TraxxFM (RTM - BI)        |
| <b>D) MAJLIS RUMAH TERBUKA YAB PERDANA MENTERI &amp; ANGGOTA JEMAAH MENTERI TAHUN 2016</b> |   |                                 |
| 1.   | <b>30 Jun 2016</b><br>Puan Shahikala Nathan<br>Penolong Pengurus, Pengangkutan Awam Putrajaya Sdn Bhd   | Radio MinnalFM (RTM - Tamil)    |
| 2.   | <b>1 Julai 2016</b><br>En Fahizie<br>Penolong Pengurus, Pengangkutan Awam Putrajaya Sdn Bhd   | Bernamea Radio                  |
| 3.   | <b>1 Julai 2016</b><br>Encik Muhammad Faizaruddin Jamaluddin, Pengarah Bahagian Pengurusan<br>Perkhidmatan Sumber Manusia, Pejabat Perdana Menteri  | Rado IKIM                       |
| 4.   | <b>2 Julai 2016</b><br>YBhg. Datuk Kamis Bin Samin<br>Setiausaha Bahagian Istiadat dan Urusetia Persidangan Antarabangsa,<br>Jabatan Perdana Menteri  | TV Al-Hijrah                    |
| 5.   | <b>4 Julai 2016</b><br>Tuan Haji Ir Ab Rahim bin Md. Junoh<br>Ketua Pegawai Eksekutif, Pengangkutan Awam Putrajaya Sdn Bhd<br>&<br>Puan Haslinda binti Mohamad Tajuddin<br>Setiausaha Bahagian, Bahagian Istiadat dan Urusetia Persidangan<br>Antarabangsa, Jabatan Perdana Menteri | Selamat Pagi Malaysia - TV1     |

| BIL.   | PROGRAM  | MEDIA                         |
|--|--|-------------------------------|
| <b>D) MAJLIS RUMAH TERBUKA YAB PERDANA MENTERI &amp; ANGGOTA JEMAAH MENTERI TAHUN 2016</b> |  |                               |
| 6.   | <b>4 Julai 2016</b><br>Tuan Haji Shahrir bin Dato' Hji Mohd Aripin,<br>Setiausaha Sulit YAB Perdana Menteri  | Malaysia Hari Ini - TV3       |
| 7.   | <b>4 Julai 2016</b><br>Tuan Haji Ir Ab Rahim bin Md. Junof<br>Ketua Pegawai Eksekutif, Pengangkutan Awam Putrajaya Sdn Bhd.  | Radio Traxx fm - RTM          |
| <b>E) MAJLIS PELANCARAN PROMOSI APLIKASI MYHAWKER</b>                                      |  |                               |
| 8.   | <b>20 Julai 2016</b><br>YBrs. Dr Chong Yen Nee<br>Ketua Unit Pembangunan Penjaja, Peniaga Kecil dan Wakaf Hindu  | Selamat Pagi Malaysia (RTM 1) |
| 9.   | <b>24 Julai 2016</b><br>YBrs. Dr Chong Yen Nee<br>Ketua Unit Pembangunan Penjaja, Peniaga Kecil dan Wakaf Hindu  | What Say You (RTM 2)          |
| <b>F) SAMBUTAN HARI KEBANGSAAN KE-57 (Jan-Okt = 2)</b>                                     |  |                               |
| 10.  | <b>26 Ogos 2016</b><br>YBrs. Tuan Haji Zainal Abidin bin Abu Hassan<br>TKSU (K&P)  | Malaysia Hari Ini - TV3       |
| 11.  | <b>26 Ogos 2016</b><br>YBhg. Datuk Kamis Bin Samin<br>Setiausaha Bahagian Istiadat dan Urusetia Persidangan Antarabangsa,<br>Jabatan Perdana Menteri                         | Selamat Pagi Malaysia - RTM   |
| <b>G) SAMBUTAN HARI MALAYSIA 2016</b>  |  |                               |
| 12.  | <b>13 September 2016</b><br>Puan Haslinda binti Mohamad Tajuddin<br>Setiausaha Bahagian, Bahagian Istiadat dan Urusetia Persidangan<br>Antarabangsa, Jabatan Perdana Menteri | Malaysia Hari Ini - TV3       |
| <b>H) PROMOSI PERUMAHAN PENJAWAT AWAM 1MALAYSIA</b>  |  |                               |
| 13.  | <b>5 November 2016</b><br>Encik Mohd Izwan Nuzaihan bin Jamil,<br>Ketua Penolong Setiausaha, Unit PPA1M, Jabatan Perdana Menteri   | TV Al-Hijrah                  |
| <b>I) PUSPANITA KEBANGSAAN</b>   |  |                               |
| 14.  | <b>5 Oktober 2016</b><br>• YBhg. Datin Jamaliah Ahmad<br>Pengerusi Biro Agama, PUSPANITA<br>• YBr. Puan Zarina Ishak<br>Bendahari Agung PUSPANITA                            | Selamat Pagi Malaysia, TV1    |

## 2. Siaran Media

| BIL | PROGRAM  | TARIKH DIKELUARKAN |
|-----|--|--------------------|
| 1   | Malam Anugerah MAKSAK Malaysia 2015 (4 Mac 2016)       | 4 Mac 2016         |
| 2   | Majlis Penyampaian Anugerah Perkhidmatan Cemerlang JPM | April 2016         |
| 3   | Karnival Sukan MAKSAK 2016 (14-17 April 2016)          | 14 April 2016      |

| BIL | PROGRAM  | TARIKH DIKELUARKAN |
|-----|--|--------------------|
| 4   | Program 'Take A Break....Read! @Putrajaya 2016: A Book Alive' (4 April 2016)                                     | 4 April 2016       |
| 5   | NBOS RUN & RIDE 2016   | 29 Julai 2016      |
| 6   | Siaran Akhbar : Majlis Menandatangani Perjanjian Pembangunan Untuk Projek PPA1M Di Muara Tuang, Kuching, Sarawak | 2 September 2016   |
| 7   | Siaran Media Seminar Tahunan Kesihatan Pusanita  | 21 Oktober 2016    |
| 8   | Hari Inovasi Dan Kecemerlangan Jabatan Perdana Menteri 2016  | 1 November 2016    |
| 9   | Program APAC4U "A Day With KSN"  | 16 November 2016   |
| 10  | Persidangan Tahunan PUSPANITA Tahun 2016   | 17 November 2016   |
| 11. | Majlis "Launch Of Annual Report On Modernisation Of Regulations 2016"  | 29 November 2016   |
| 12. | Majlis Khidmat Bakti Tahun 2016 Oleh YBhg. Tan Sri Dr. Ketua Setiausaha Negara                                   | 29 November 2016   |

**3. Nota Kepada Pengarang** - Sepanjang tahun 2016, UKK, JPM telah mengeluarkan sebanyak 73 jemputan Nota Kepada Pengarang bagi aktiviti/program di bawah Jabatan Perdana Menteri.

#### 4. Kawalan Media



• PENERBITAN

1. **Advertorial** – Sepanjang tahun 2016, JPM telah menghasilkan sebanyak 7 keluaran khas advertorial dan pengiklanan menerusi media cetak di akhbar utama negara bagi tujuan hebahan, promosi program/aktiviti JPM dan Jabatan/Agensi bawah

JPM, menyebarkan maklumat serta memberi pemahaman berkaitan dasar-dasar sedia ada dan baharu kepada rakyat.

**BANTUAN DAN KESEDARAN KESIHATAN WANITA**

**B**antuan dan kesedaran kesihatan wanita merupakan dua aspek yang saling berkait. Tanpa bantuan kewangan dan kesedaran kesihatan, wanita akan mengalami masalah kesihatan yang serius. Oleh itu, Kementerian Kesihatan Malaysia telah mengadakan Seminar Kesihatan Tahunan PUSPANITA dan pameran kesihatan wanita di seluruh negara. PUSPANITA adalah program kesihatan wanita yang dianjurkan oleh Kementerian Kesihatan Malaysia dan Institut Kanser Negara. PUSPANITA bertujuan untuk meningkatkan kesedaran kesihatan wanita dan menyediakan bantuan kewangan kepada pesakit kanser dan anak-anak yang terjejas. PUSPANITA juga menyediakan bantuan kewangan kepada pesakit kanser dan anak-anak yang terjejas. PUSPANITA juga menyediakan bantuan kewangan kepada pesakit kanser dan anak-anak yang terjejas.



14 November 2016



2. **News Flash JPM** – Sebanyak 31 keluaran News Flash telah diterbitkan sepanjang tahun 2016

yang memuatkan segala program dan aktiviti JPM berbentuk berita ringkas dan gambar.



## • PROMOSI DAN PUBLISITI

### 1. Pelan Komunikasi Media JPM

Sepanjang tahun 2016, UKK dengan kerjasama Bahagian/Unit di JPM serta Jabatan/Agensi di bawah JPM telah berjaya menghasilkan Pelan Komunikasi Media bagi program-program utama antaranya seperti berikut:

- a. Aku Janji Kerajaan Persekutuan (AKP) Jabatan/Agensi JPM
- b. Karnival Sukan MAKSAK
- c. Kempen Derma Bahan Bacaan...Take A Break.. Read!@Putrajaya
- d. Anugerah Perkhidmatan Cemerlang JPM
- e. Majlis Rumah Terbuka YAB PM dan Anggota Jemaah Menteri Tahun 2016
- f. Majlis Pelancaran Promosi Aplikasi MyHawker
- g. Projek Perumahan Penjawat Awam 1Malaysia (PPA1M)
- h. NBOS Run & Ride 2016
- i. Majlis Hari Inovasi dan Kecemerlangan JPM 2016

### 2. Program Jaringan Bersama Media

Memberi pendedahan serta pengetahuan mengenai struktur dan operasi Kumpulan Media selain meningkatkan jaringan kerjasama dalam aspek promosi dan publisiti mengenai program, aktiviti dan perkhidmatan JPM. Sepanjang tahun 2016, sebanyak 5 lawatan media telah dibuat iaitu:

- a. BERNAMA
- b. TV Alhijrah
- c. RTM
- d. TV3
- e. Karangkrak

## • PAMERAN



### 3. Mesyuarat Pegawai Perhubungan Awam dan Pegawai Aduan JPM serta Jabatan/Agensi di bawah JPM

Mesyuarat ini merupakan wadah atau ruang terbaik untuk Pegawai Perhubungan Awam dan Pegawai Aduan JPM dan Jabatan/Agensi di bawah JPM mengemukakan permasalahan atau kemusykilan untuk dikongsi bersama khususnya konteks dalam memperkasakan pengurusan perhubungan awam dan pengurusan aduan.



### 4. Lawatan dan Taklimat



5. Media Sosial



6. Program Komunikasi Kreatif



**SEKSYEN PENGURUSAN PELANGGAN DAN ADUAN**

| BIL | PROGRAM / AKTIVITI   | PENCAPAIAN 2014   |
|-----|--|---|
| 1   | Mesyuarat J/K Pemantauan Aduan JPM   | 6 kali (100%)<br>2 kali setahun (100%)  |
| 2   | Kajian Kepuasan Pelanggan  | <ul style="list-style-type: none"> <li>Siri 1 : Jun (90.3%)</li> <li>Siri 2: Dis (93.1%)</li> </ul> |
| 3   | Peratus Kadar Penyelesaian Aduan JPM Dalam Tempoh 15 Hari  | 8 ADUAN) (100%)   |
| 4   | Peratus Kadar Penyelesaian Aduan Jabatan / Agensi Di Bawah JPM   | (13 ADUAN) (100%)   |
| 5   | Laporan Aduan 3P-BPA   | 12 kali (100%)<br>1 kali (8.3%)   |
| 6   | Laporan Pemantauan Jawapan Terhadap Pertanyaan JPM-BPA   | BPA telah memansuhkan penyediaan laporan mulai Feb, 2016  |
| 7   | Peratus Kadar Penyelarasan Aduan dan Bukan Aduan Berkaitan dengan Kementerian / Jabatan / Agensi Lain-Lain dalam tempoh 7 hari               | 26 aduan / 21 bukan aduan) (100%)   |
| 8   | Laporan Pencapaian Piagam Pelanggan untuk Portal JPM   | 12 kali (100%)  |
| 9   | Hari Bertemu Pelanggan Bersepadu Secara Maya (e-Pelanggan JPM) ( <a href="http://epelanggan.jpm.gov.my/">http://epelanggan.jpm.gov.my/</a> ) | 4 kali (100%)   |

**• Hari Bertemu Pelanggan Bersepadu Secara Maya (e-pelanggan)**



e-pelanggan merupakan inisiatif JPM di bawah Program Transformasi Perkhidmatan Awam 2016, yang bertujuan memberi alternatif kepada pelanggan JPM untuk mengemukakan pertanyaan/ aduan/pandangan/cadangan kepada JPM secara maya.



**SEKSYEN PERANCANGAN KOMUNIKASI DAN PENGURUSAN ISU**

| BIL | PROGRAM / AKTIVITI                               | PENCAPAIAN 2014           |
|-----|--|---------------------------|
| 1   | Laporan Pemantauan Akhbar Harian                 | 243<br>(101.25 %)         |
| 2   | Keratan Akhbar Harian (Positif) untuk Portal JPM | 100%                      |
| 3   | Laporan Pemantauan Isu di Internet               | 243<br>(101.25 %)         |
| 4   | Jumlah Liputan Berita                            | 15, 697                   |
| 5   | Kursus/Bengkel/Latihan                           | 4<br>(MAC, APR, MEI, DIS) |

**KERATAN AKHBAR MENGIKUT SLANT  
TAHUN 2016**

| BULAN         | MENGIKUT SLANT |             |              | JUMLAH       |
|---------------|----------------|-------------|--------------|--------------|
|               | POSITIF (+)    | NEGATIF (-) | NEUTRAL (N)  |              |
| JANUARI       | 12             | 0           | 1174         | <b>1186</b>  |
| FEBRUARI      | 15             | 0           | 1171         | <b>1186</b>  |
| MAC           | 633            | 83          | 1088         | <b>1804</b>  |
| APRIL         | 303            | 30          | 1177         | <b>1510</b>  |
| MEI           | 163            | 2           | 1036         | <b>1201</b>  |
| JUN           | 311            | 1           | 1061         | <b>1373</b>  |
| JULAI         | 112            | 13          | 746          | <b>871</b>   |
| OGOS          | 218            | 0           | 1109         | <b>1327</b>  |
| SEPTEMBER     | 225            | 1           | 952          | <b>1178</b>  |
| OKTOBER       | 174            | 15          | 1248         | <b>1437</b>  |
| NOVEMBER      | 148            | 3           | 1338         | <b>1489</b>  |
| DISEMBER      | 115            | 0           | 1020         | <b>1135</b>  |
| <b>JUMLAH</b> | <b>1429</b>    | <b>148</b>  | <b>13120</b> | <b>15697</b> |

|               | POSITIF (+)                  | NEGATIF (-) | NEUTRAL (N) |
|---------------|------------------------------|-------------|-------------|
| PERATUSAN:    | 9.89%                        | 0.01%       | 90.10%      |
| KESELURUHAN : | $14,549 \times 100 = 92.6\%$ |             |             |
|               | <u>15,697</u>                |             |             |



JABATAN PERDANA  
MENTERI MALAYSIA

LAPORAN  
TAHUNAN

# 2016



## JABATAN & AGENSI JPM

|                                   |     |
|-----------------------------------|-----|
| Acara Utama Negara                | 97  |
| Sektor Keagamaan                  | 109 |
| Sektor Keselamatan                | 121 |
| Pelbagai Sektor Sosial            | 143 |
| Sektor Pembangunan Modal Insan    | 177 |
| Sektor Pembangunan Sosial Ekonomi | 183 |

## ACARA UTAMA NEGARA

## ISTIADAT MENGHADAP DAN ISTIADAT PENGURNAIAN DARJAH-DARJAH KEBESARAN PERSEKUTUAN SEMPERNA SAMBUTAN ULANG TAHUN HARI KEPUTERAAN RASMI SERI PADUKA YANG DI-PERTUAN AGONG XIV TAHUN 2016

Istiadat Menghadap dan Istiadat Pengurniaan Darjah-darjah Kebesaran Persekutuan bersempena Sambutan Ulang Tahun Hari Keputeraan Rasmi Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong XIV telah diadakan pada hari Sabtu, 4 Jun 2016 di Istana Negara, Kuala Lumpur. Seramai 1,708 orang dikurniakan Darjah Kebesaran, Bintang dan Pingat Persekutuan bagi tahun 2016 dan 38 orang daripadanya telah hadir untuk menerima Darjah Kebesaran Persekutuan pada hari pertama Istiadat Pengurniaan iaitu pada 4 Jun 2016.

Antara penerima Darjah-darjah Kebesaran Persekutuan yang hadir pada hari pertama Istiadat Pengurniaan ialah:

### 1. Panglima Mangku Negara (P.M.N.) - membawa gelaran 'Tan Sri'

- i. **YBhg. Tan Sri Dato' Sri Haji Mohamed Apandi bin Haji Ali**  
Peguam Negara, Jabatan Peguam Negara

### 2. Panglima Setia Mahkota (P.S.M.) - membawa gelaran 'Tan Sri'

- i. **YB Senator Dato' Sri Abdul Wahid bin Omar**  
Menteri di Jabatan Perdana Menteri
- ii. **YBhg. Dato' Sri Shahrizat binti Abdul Jalil**  
Penasihat Ekonomi Wanita/ Ketua Pergerakan Wanita UMNO
- iii. **YA Datuk Ramly bin Haji Ali**  
Hakim Mahkamah Persekutuan
- iv. **YBhg. Datuk Seri Othman bin Haji Mahmood**  
Timbalan Ketua Setiausaha Kanan, Jabatan Perdana Menteri Merangkap Pengerusi Majlis Rasmi Kerajaan
- v. **YBhg. Dato' Seri Arpah binti Abdul Razak**  
Pengerusi Suruhanjaya Perkhidmatan Awam

- vi. **YBhg. Laks. Datuk Ahmad Kamarulzaman bin Ahmad Badaruddin**  
Panglima Tentera Laut, Angkatan Tentera Malaysia
- vii. **YBhg. DIG Dato' Sri Noor Rashid bin Ibrahim**  
Timbalan Ketua Polis Negara, Polis Diraja Malaysia
- viii. **YBhg. Dato' Seri Ranjit Singh a/l Ajit Singh**  
Pengerusi Eksekutif Suruhanjaya Sekuriti Malaysia

### 3. Panglima Jasa Negara (P.J.N.) - membawa gelaran 'Datuk'

- i. **YA Tuan Harmindar Singh Dhaliwal a/l Pritam Singh**  
Hakim Mahkamah Rayuan
- ii. **YBhg. Dato' Prof. Dr. Asma binti Ismail**  
Ketua Pengarah Jabatan Pendidikan Tinggi
- iii. **YBhg. Datuk Ir. Haji Adanan bin Mohamed Hussain**  
Ketua Pengarah Jabatan Kerja Raya
- iv. **YBhg. Dr. Shahnaz binti Murad**  
Timbalan Ketua Pengarah Kesihatan (Penyelidikan dan Sokongan Teknikal), Kementerian Kesihatan
- v. **YBhg. Dato' Haji Jalil bin Marzuki**  
Timbalan Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam (Pembangunan) Jabatan Perkhidmatan Awam
- vi. **YB Datuk Juani @ Johnny bin Mositun**  
Timbalan Speaker Dewan Undangan Negeri Sabah dan Setiausaha Agung Parti Bersatu Sabah (PBS)
- vii. **YBhg. Prof. Dr. Che Muhaya binti Haji Mohamad**  
Pengarah dan Pakar Bedah Mata, *Prof. Muhaya Eye and Lasik Centre*

- viii. **Puan Hajah Faridah binti Mat Saman**  
Penasihat Persatuan Qari dan Qariah Negeri Kelantan

**4. Panglima Setia Diraja (P.S.D.)  
-membawa gelaran 'Datuk'**

- i. **Puan Halimah binti Hashim**  
Setiausaha Bahagian, Bahagian Khidmat Pengurusan Jabatan Perdana Menteri
- ii. **YBhg. Kol. Dato' Tunku Aziz Bendahara bin Tunku Nong**  
Jururing KDYMM Sultan Kedah

Baki penerima-penerima Darjah Kebesaran, Bintang dan Pingat Persekutuan 2016 telah dijemput untuk menghadiri sesi Istiadat Pengurniaan seterusnya yang telah diadakan pada 6 September, 8 September, 20 September, 27 September, 29 September, 18 Oktober, 20 Oktober, 25 Oktober dan 27 Oktober 2016.

## **ACARA-ACARA SEMPENA TAMAT TEMPOH PEMERINTAHAN DYMM SERI PADUKA BAGINDA YANG DI-PERTUAN AGONG XIV DAN PERTABALAN KDYMM SERI PADUKA BAGINDA YANG DI-PERTUAN AGONG XV**

Sempena tamat tempoh pemerintahan DYMM Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong XIV pada 12 Disember 2016 setelah lima (5) tahun memerintah mulai 13 Disember 2011 dan pertabalan KDYMM Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong XV, Bahagian Istiadat dan Urusetia Persidangan Antarabangsa (BIUPA), Jabatan Perdana Menteri selaku urus setia Jawatankuasa Acara-Acara Sempena Tamat Tempoh Pemerintahan DYMM Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong XIV dan Pertabalan KDYMM Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong XV telah menyelaras acara - acara seperti berikut :

1. Majlis Jamuan Negara pada 10 Disember 2016;
2. Istiadat Keberangkatan Balik SPB Yang di-Pertuan Agong XIV pada 12 Disember 2016;
3. Istiadat Keberangkatan Tiba SPB Yang di-Pertuan Agong XV pada 13 Disember 2016; dan
4. Istiadat Melafaz Sumpah Jawatan dan Menandatangani Surat Memegang Jawatan pada 13 Disember 2016.

Jawatankuasa yang dipengerusikan oleh YB Senator Datuk Seri Dr. Salleh Said Keruak, Menteri Komunikasi dan Multimedia ini telah mendapat sokongan dan kerjasama daripada pelbagai Kementerian/Jabatan seperti :

1. Pejabat YAB Perdana Menteri;
2. Pejabat Ketua Setiausaha Negara;
3. Istana Negara;
4. Pejabat Penyimpan Mohor Besar Raja-Raja;
5. Kementerian Komunikasi dan Multimedia;
6. Jabatan Kebudayaan dan Kesenian Negara;
7. Jabatan Parlimen.

## SAMBUTAN HARI MALAYSIA TAHUN 2016

Tajuk : **Sambutan Hari Malaysia Tahun 2016**

Tarikh : **16 September 2016 (Jumaat), 8.15 malam**

Lokasi : **Tapak Lapangan Terbang Lama, Bintulu, Sarawak**

Penyertaan : **100,000 orang khalayak dan penonton**

Objektif: Selaras dengan tema Hari Malaysia 2016 iaitu Malaysia *#sehatisejiwa* yakni terjemahan kepada semangat kesepaduan, kesefahaman dan kekitaan berteraskan nilai-nilai kemanusiaan yang dimiliki oleh seluruh rakyat Malaysia.

Sambutan Hari Malaysia dengan bertemakan Malaysia *#sehatisejiwa* mampu mengerak dan menyemarakkan perasaan kasih dan sayang serta hormat menghormati di antara kita. Ia akan meneguhkan lagi semangat patriotisme yang menjadi tunggak dan tiang seri kepada keharmonian dan perpaduan bangsa Malaysia.

Pengisian Program : Sempena sambutan Hari Malaysia Tahun 2016, tema sambutan Hari Malaysia ialah Malaysia *#sehatisejiwa*. Pengisian acara ini digarap selari dengan tema sambutan kemerdekaan yang ingin mewujudkan suasana sambutan yang lebih inklusif di kalangan seluruh rakyat Malaysia di Semenanjung, Sabah dan Sarawak.



Sambutan Hari Malaysia Tahun 2016 telah berlangsung dengan jayanya hasil penglibatan semua rakan strategik yang telah memberikan kerjasama yang baik serta komitmen yang tinggi bagi memastikan pelaksanaan program ini berjalan dengan lancar.



**ACARA-ACARA UTAMA DAN MAJLIS RASMI KERAJAAN**

| BIL | ACARA   | TARIKH / MASA / TEMPAT | TETAMU KEHORMAT |
|-----|---|------------------------|-----------------|
| 1)  | <b>SAMBUTAN ULANG TAHUN HARI KEPUTERAAN RASMI SPB YANG DI-PERTUAN AGONG XIV</b> |                        |                 |

Aktiviti-aktiviti yang dijalankan:

Bagi tahun 2016, Sambutan Ulang Tahun Hari Keputeraan Rasmi Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong XIV pada 2 Jun 2016 (Sabtu) merupakan sambutan terakhir bagi Seri Paduka Baginda Tuanku sempena tahun ke-5 yang terakhir bagi tempoh pemerintahan Seri Paduka Baginda Tuanku sebagai Yang di-Pertuan Agong Malaysia ke-14.

Penganjuran acara-acara sempena Sambutan Ulang Tahun Hari Keputeraan Rasmi Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong biasanya akan dihadiri oleh orang-orang kenamaan tempatan dan diplomat-diplomat asing di Kuala Lumpur serta melibatkan penyertaan rakyat jelata.

|     |   |  |   |
|-----|---|--|---|
| 1.1 | Majlis Bacaan Yasin dan Doa Selamat   | Tarikh : 2 Jun 2016 (Khamis)<br>Masa : 7.23 malam<br>Tempat : Masjid Putra, Putrajaya                            | a) SPB Yang di-Pertuan Agong dan SPB Raja Permaisuri Agong;<br>b) YAB Perdana Menteri dan Isteri; dan<br>c) YAB Timbalan Perdana Menteri dan Isteri |
| 1.2 | Khutbah Khas dan Solat Jumaat   | Tarikh : 3 Jun 2016 (Jumaat)<br>Masa : 1.14 petang<br>Tempat : Masjid Negara, Kuala Lumpur                       | a) SPB Yang di-Pertuan Agong;<br>b) YAB Perdana Menteri; dan<br>c) YAB Timbalan Perdana Menteri   |
| 1.3 | Titah Ucapan Yang di-Pertuan Agong  | Tarikh : 3 Jun 2016 (Jumaat)<br>Masa : 9.00 malam<br>Tempat : Bersiaran melalui TV dan Radio di seluruh Malaysia |   |
| 1.4 | Istiadat Menghadap dan Istiadat Pengurniaan Darjah-Darjah Kebesaran, Bintang dan Pingat Persekutuan | Tarikh : 4 Jun 2016 (Sabtu)<br>Masa : 10.15 pagi<br>Tempat : Istana Negara, Kuala Lumpur                         | a) SPB Yang di-Pertuan Agong dan SPB Raja Permaisuri Agong;<br>b) YAB Perdana Menteri dan Isteri; dan<br>c) YAB Timbalan Perdana Menteri dan Isteri |

| BIL | ACARA  | TARIKH / MASA / TEMPAT  | TETAMU KEHORMAT   |
|-----|--|---|---|
| 1.5 | Majlis Jamuan Teh Diraja   | Tarikh : 5 Jun 2016 (Ahad)<br>Masa : 10.00 pagi<br>Tempat : Dewan Santapan, Istana Negara, Kuala Lumpur | a) SPB Yang di-Pertuan Agong dan SPB Raja Permaisuri Agong;<br>b) YAB Perdana Menteri dan Isteri; dan<br>c) YAB Timbalan Perdana Menteri dan Isteri |
| 1.6 | Lawatan Seri Paduka Baginda Raja Permaisuri Agong ke Institut Kanser Negara (IKN), Putrajaya | Tarikh : 7 Jun 2016 (Selasa)<br>Masa : 10.00 pagi<br>Tempat : Institut Kanser Negara (IKN), Putrajaya   | a) SPB Raja Permaisuri Agong;<br>b) YABhg. Datin Paduka Seri Rosmah Mansor; dan<br>c) YABhg. Datin Seri Hamidah Khamis                              |
| 1.7 | Istiadat Mengarak Panji-Panji Seri Paduka Yang di-Pertuan Agong                              | Tarikh : 11 Jun 2016 (Sabtu)<br>Masa : 8.30 pagi<br>Tempat : Dataran Pahlawan Negara, Putrajaya         | a) SPB Yang di-Pertuan Agong dan SPB Raja Permaisuri Agong;<br>b) YAB Perdana Menteri dan Isteri; dan<br>c) YAB Timbalan Perdana Menteri dan Isteri |

| BIL   | ACARA  | TARIKH / MASA / TEMPAT | TETAMU KEHORMAT |
|---|--|------------------------|-----------------|
| 2)  | <b>SAMBUTAN HARI RAYA AIDILFITRI SPB YANG DI-PERTUAN AGONG XIV DAN SPB RAJA PERMAISURI AGONG BERSAMA RAKYAT JELATA</b> |                        |                 |
| <p><u>Aktiviti-aktiviti yang dijalankan:</u></p> <p>Sambutan Hari Raya Aidilfitri Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong XIV dan Seri Paduka Baginda Raja Permaisuri Agong bersama rakyat jelata biasanya akan dianjurkan sekali sepanjang tempoh lima (5) tahun pemerintahan. Dalam hubungan ini, Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong XIV dan Seri Paduka Baginda Raja Permaisuri Agong telah berkenan untuk menyambut Hari Raya Aidilfitri pada tahun ke-lima (5) yang merupakan tahun terakhir tempoh pemerintahan Seri Paduka Baginda Tuanku sebagai Yang di-Pertuan Agong Malaysia ke-14.</p> <p>Umumnya, sambutan tersebut akan dianjurkan bersekali dengan tiga (3) acara utama seperti turutan berikut:</p> <p>i) Majlis Menghadap Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong XIV dan Seri Paduka Baginda Raja Permaisuri Agong oleh YAB Perdana Menteri dan Ahli Jemaah Menteri pada Hari Pertama Hari Raya Aidilfitri</p> <p>ii) Solat Sunat Aidilfitri</p> <p>iii) Majlis Ramah Mesra Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong XIV dan Seri Paduka Baginda Raja Permaisuri Agong bersama Dif-Dif Kenamaan dan Rakyat Jelata</p> |  |                        |                 |

LAPORAN TAHUNAN **2016**

| BIL | ACARA   | TARIKH / MASA / TEMPAT  | TETAMU KEHORMAT   |
|-----|---|---|---|
| 2.1 | Solat Sunat Aidilfitri  | Tarikh : 6 Julai 2016 (Rabu)<br>Masa : 8.45 pagi<br>Tempat : Masjid Negara, Kuala Lumpur        | a) SPB Yang di-Pertuan Agong dan SPB Raja Permaisuri Agong;<br>b) YAB Perdana Menteri dan Isteri; dan<br>c) YAB Timbalan Perdana Menteri dan Isteri |
| 2.2 | Istiadat Mengarak Panji-Panji Seri Paduka Yang di-Pertuan Agong | Tarikh : 11 Jun 2016 (Sabtu)<br>Masa : 8.30 pagi<br>Tempat : Dataran Pahlawan Negara, Putrajaya | a) SPB Yang di-Pertuan Agong dan SPB Raja Permaisuri Agong;<br>b) YAB Perdana Menteri dan Isteri; dan<br>c) YAB Timbalan Perdana Menteri dan Isteri |

| BIL  | ACARA   | TARIKH / MASA / TEMPAT | TETAMU KEHORMAT |
|--|---|------------------------|-----------------|
| 3)   | <b>ISTIADAT SAMBUTAN HARI PAHLAWAN TAHUN 2016</b> |                        |                 |
| <p><u>Aktiviti-aktiviti yang dijalankan:</u></p> <p>Penganjuran Istiadat Sambutan Hari Pahlawan lazimnya diselaraskan oleh BIUPA, JPM pada 31 Julai setiap tahun. Istiadat tersebut akan dianjurkan secara bersama dengan kolaborasi daripada Angkatan Tentera Malaysia (ATM) mahupun Polis DiRaja Malaysia (PDRM) secara bergilir-gilir.</p> <p>Terdapat tiga (3) acara utama yang diadakan sempena Istiadat Sambutan Hari Pahlawan yang mana akan didahului dengan penganjuran Majlis Bacaan Yasin, Tahlil dan Doa Selamat, Khutbah Khas dan Solat Jumaat serta seterusnya Istiadat Sambutan Hari Pahlawan yang akan disempurnakan oleh Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong XIV dan Seri Paduka Baginda Raja Permaisuri.</p> |   |                        |                 |

|     |   |   |   |
|-----|---|---|---|
| 3.1 | Majlis Bacaan Yasin, Tahlil dan Doa Selamat | Tarikh : 28 Julai 2016 (Khamis)<br>Masa : 7.11 malam<br>Tempat : Masjid Negara, Kuala Lumpur  | a) SPB Yang di-Pertuan Agong dan SPB Raja Permaisuri Agong;<br>b) YAB Perdana Menteri dan Isteri; dan<br>c) YAB Timbalan Perdana Menteri dan Isteri |
| 3.2 | Khutbah Khas dan Solat Jumaat               | Tarikh : 29 Julai 2016 (Jumaat)<br>Masa : 1.22 petang<br>Tempat : Masjid Negara, Kuala Lumpur | a) SPB Yang di-Pertuan Agong dan SPB Raja Permaisuri Agong;<br>b) YAB Perdana Menteri dan Isteri; dan<br>c) YAB Timbalan Perdana Menteri dan Isteri |

| BIL | ACARA                                | TARIKH / MASA / TEMPAT   | TETAMU KEHORMAT   |
|-----|--------------------------------------|--|---|
| 3.3 | Istiadat Sambutan Hari Pahlawan 2016 | Tarikh : 31 Julai 2016 (Ahad)<br>Masa : 8.30 pagi<br>Tempat : Dataran Pahlawan Negara, Putrajaya | a) SPB Yang di-Pertuan Agong dan SPB Raja Permaisuri Agong;<br>b) YAB Perdana Menteri dan Isteri; dan<br>c) YAB Timbalan Perdana Menteri dan Isteri |

| BIL | ACARA                                     | TARIKH / MASA / TEMPAT | TETAMU KEHORMAT |
|-----|---|------------------------|-----------------|
| 4)  | <b>LAWATAN PEMBESAR ASING KE MALAYSIA</b> |                        |                 |

Aktiviti-aktiviti yang dijalankan:

Untuk tahun 2016, tiada Lawatan Negara diterima oleh pihak Kerajaan Malaysia yang melibatkan kehadiran Ketua-Ketua Negara Asing ke Malaysia. Kerajaan Malaysia telah menerima sebanyak 19 lawatan pembesar asing khususnya di peringkat Ketua-Ketua Kerajaan Asing ke Malaysia seperti pecahan berikut:

- Lawatan Rasmi : 9 kali
- Lawatan Kerja : 6 kali
- Lawatan Persidangan : 3 kali
- Lawatan Transit : 1 kali

#### 4.1 Lawatan Rasmi

- i) Lawatan Rasmi TYT Abdulla Yameen Abdul Gayoom, President Republik Maldives dan Puan Fathimath Ibrahim ke Malaysia pada 28 - 30 Mac 2016
- ii) Lawatan Rasmi TYT Samdech Hun Sen, Perdana Menteri Cambodia dan Isteri ke Malaysia pada 3 - 4 Jun 2016
- iii) Lawatan Rasmi TYT Petro Poroshenko, Presiden Ukraine dan isteri ke Malaysia pada 3 - 5 Ogos 2016
- iv) Lawatan Rasmi TYT Josaia Voreqe Bainimarama, Perdana Menteri Fiji dan Isteri ke Malaysia pada 14 - 19 Ogos 2016
- v) Lawatan Rasmi Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanah Bolkiah, Sultan dan Yang di-Pertuan Negara Brunei Darussalam ke Malaysia pada 3 - 5 Oktober 2016
- vi) Lawatan Rasmi TYT Dr. Hassan Rouhani, Preseden Republik Islam Iran ke Malaysia pada 7 - 8 Oktober 2016
- vii) Lawatan Rasmi TYT Gurbanguly, Presiden Turkmenistan ke Malaysia pada 7 - 8 November 2016
- viii) Lawatan Rasmi TYT Rodrigo Duterte, Presiden Filipina ke Malaysia pada 9 - 10 November 2016
- ix) Lawatan Rasmi TYT Maitharipala Sirisena, Presiden Sri Lanka ke Malaysia pada 15 - 17 Disember 2016

#### 4.2 Lawatan Kerja

- i) Lawatan Kerja TYT Charles Gaetan Xavier-Luc Duval, Timbalan Perdana Menteri Republik Mauritius ke Langkawi, Malaysia pada 17 - 19 Mac 2016
- ii) Lawatan Kerja TYT Dr Tony Tan Keng Yam, Presiden Republik Singapura ke Langkawi, pada 3 - 5 April 2016
- iii) Lawatan Kerja TYT Lee Hsien Loong, Perdana Menteri Republik Singapura ke Malaysia pada 19 - 20 Julai 2016
- iv) Lawatan Kerja TYT Robert Mugabe, Presiden Republik Zimbabwe dan Isteri ke Malaysia pada 7 Oktober 2016
- v) Lawatan Kerja TYT Abdulla Yameen Andul Gayoom, Presiden Maldives ke Malaysia pada 29 November -1 Disember 2016
- vi) Lawatan Kerja TYT Lee Hsien Loong, Perdana Menteri Republik Singapura ke Malaysia pada 13 Disember 2016

#### 4.3 Lawatan Persidangan

- i) PERMATA *International Conference* pada 28 Mei hingga 4 Jun 2016
- ii) *World Economic On Asean* di Kuala Lumpur pada 31 Mei hingga 2 Jun 2016
- iii) *International Conference On The Blue Ocean Strategy* pada 15 - 19 Ogos 2016

#### 4.4 Lawatan Transit

Lawatan Transit TYT Ismail Kahraman, *Speaker Grand National Assembly Republic Turki* di Malaysia pada 3 hingga 4 Oktober 2016.

#### ACARA : MAJLIS JAMUAN NEGARA

DIADAKAN SEMPENA TAMAT TEMPOH PEMERINTAHAN DULI YANG MAHA MULIA SERI PADUKA BAGINDA YANG di-PERTUAN AGONG XIV

#### TEMPAT : ISTANA NEGARA

TARIKH : **10 DISEMBER 2016**







JABATAN PERDANA  
MENTERI MALAYSIA

LAPORAN  
TAHUNAN

# 2016



## SEKTOR KEAGAMAAN

## JABATAN KEMAJUAN ISLAM MALAYSIA (JAKIM)

Sebagai “Peneraju Kecemerlangan Pengurusan Hal Ehwal Islam di Malaysia Menjelang 2020”, JAKIM terus mengukuhkan gerak kerjanya dalam mendepani sebarang isu dan cabaran yang mendatang. Dalam menyelusuri arus perdana, JAKIM tidak terkecuali dihujani dengan pelbagai rintangan dan tohmahan, namun tetap melaksanakan tugas dan tanggungjawab yang diamanahkan dengan jalinan sokongan organisasi yang mantap serta modal insannya yang cemerlang. Maka tidak dinafikan JAKIM berjaya mencapai pelbagai pengiktirafan dan penghargaan.

### PENCAPAIAN UTAMA

1. Penganugerahan Kepada Negara Malaysia oleh Kerajaan Negara Kuwait Sebagai Penganjur Program Al-Quran Terbaik Di Dunia Peringkat Antarabangsa pada 20 April 2016.
2. Pelancaran Pelan Pelaksanaan Indeks Syariah Malaysia 2016-2018 pada 19 Disember 2016 oleh YAB Perdana Menteri.
3. YAB Perdana Menteri telah mengamanahkan kepada JAKIM sebagai Majlis Perundingan Islam (MPI) dan menguruskan penganjuran siri *multaqa* iaitu *Multaqa Ekonomi, Perundangan dan Politik*.
4. Penganjuran Mesyuarat Pegawai-pegawai Kanan (SOM) ke-41 dan Pertemuan Tahunan Tidak Rasmi Menteri-Menteri Agama Negara Brunei Darussalam, Republik Indonesia, Malaysia dan Republik Singapura (MABIMS) ke-17 pada 3-7 Disember 2016.
5. JAKIM melalui Panel Isu Semasa Wanita Islam (PISWI) telah bekerjasama dengan Universiti Islam Antarabangsa Malaysia (UIAM), Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat (KPWKM), Pertubuhan Kerjasama Islam (OIC) dan *World Islamic Forum* (WIF) telah menganjurkan Sidang Kemuncak Wanita Islam Antarabangsa Kali Pertama (*1st World Muslim Women Summit and Exhibition*) WISE 2016 pada 23 - 25 September 2016 di Pusat Dagangan Dunia Putra (PWTC).
6. Majlis Halal Malaysia ditubuhkan pada 11 Februari 2016 bagi menggantikan Mesyuarat Jawatankuasa Khas Kabinet Pengurusan Pembangunan Industri Halal Malaysia. Ia bakal menjadi entiti khas yang menyelaras semua agensi yang terbabit dalam usaha menjadikan Malaysia peneraju halal global.
7. Memberikan bantuan teknikal kepada Kerajaan Kemboja dalam pemerkasaan pengurusan Hal Ehwal Islam. Ini adalah satu pengiktirafan luar Negara kepada pengurusan Islam yang diterajui oleh JAKIM.
8. Mengekalkan Kejuaraan Inovasi JPM Kategori *ICT - Halal Verified Engine* sempena Hari Inovasi dan Kecemerlangan (HIK) Jabatan Perdana Menteri (JPM) Tahun 2015 pada 1 November 2016

### Sasaran / Fokus JAKIM Di Masa Hadapan

1. Menyeragamkan Undang-undang Islam dan Fatwa
2. Melaksanakan Dasar Islam Yang Menyeluruh
3. Mengukuhkan Jaringan Kerjasama dan Ukhuwah
4. Memupuk Perpaduan Ummah
5. Melaksanakan Gerakan Islah dan Dakwah Bersepadu
6. Mengukuhkan Akhlak dan Sahsiah Islam
7. Mengukuhkan Akidah berteraskan Ahli Sunnah Wal - Jamaah
8. Menangkis Persepsi Negatif Terhadap Islam
9. Memantapkan Institusi Keluarga Islam
10. Memantapkan Pengurusan Halal
11. Menyeragamkan Pendidikan Islam
12. Memantapkan Tadbir Urus Agensi dan Institusi Islam
13. Membangunkan Modal Insan
14. Memanfaatkan Ledakan Teknologi Informasi dan Komunikasi



Penyampaian Anugerah Penganjur Program Al-Quran Terbaik Di Dunia Peringkat Antarabangsa



Multaqa Ekonomi - Majlis Perundingan Islam



Multaqa Politik dan Perundangan - Majlis Perundingan Islam



Kerjasama Strategik antara JAKIM dan Kerajaan Kemboja



SOM ke-41 dan MABIMS ke-17 Tahun 2016



1st World Muslim Women Summit and Exhibition) WISE 2016



Johan Inovasi JPM Kategori ICT (2 tahun berturut-turut)



## JABATAN WAKAF, ZAKAT DAN HAJI (JAWHAR)

### OBJEKTIF JAWHAR

1. Memperkasa dan memajukan pembangunan sosio-ekonomi ummah dalam bidang Wakaf, Zakat, Mal Dan Haji / Umrah melalui kerjasama erat dengan Pihak Berkuasa Agama Negeri - Negeri dan Agensi - Agensi berkaitan;
2. Mempertingkatkan tadbir urus terbaik melalui institusi Wakaf, Zakat, Mal dan Haji/Umrah;
3. Meningkatkan kesedaran dan kefahaman masyarakat Islam mengenai konsep Wakaf, Zakat, Mal dan Haji/Umrah pengurusan sumber am dan membangunkan potensi sumber am sebagai wadah melibatkan sosio - ekonomi ummah; dan
4. Menyubur dan membudayakan turatiah (legasi) dalam amalan berwakaf di kalangan masyarakat Malaysia, penyelarasan dan pemantauan dan penguatkuasaan pengurusan umrah serta meningkatkan kualiti sistem

### FUNGSI JAWHAR

1. Merancang, melaksana, memantau dan menyelaraskan pembangunan institusi Wakaf, Zakat, Mal dan Haji/Umrah agar dapat berfungsi dengan lebih berkesan dalam pembangunan sosio - ekonomi ummah;
2. Merancang dan menyelaraskan keperluan serta keseragaman sistem perundangan bagi pembangunan institusi Wakaf, Zakat, Mal dan Haji/Umrah;
3. Menjalinkan kerjasama pintar dengan Agensi-Agensi Kerajaan serta GLC/pihak swasta dalam pembangunan institusi Wakaf, Zakat, Mal dan Haji/Umrah; dan
4. Menjalankan kajian serta penyelidikan, penerbitan dan penyelarasan mengenai isu dan program - program pembangunan khazanah umat Islam supaya dapat dimanfaatkan sepenuhnya oleh ummah; dan
5. Membantu dan memberi khidmat sokongan dalam pengurusan sumber manusia, kewangan dan ICT kepada Pihak Berkuasa Agama Negeri - Negeri dan Agensi - Agensi berkaitan.

| BIL | PROGRAM / AKTIVITI  | KETERANGAN  |
|-----|---|---|
| 1.  | Majlis Anugerah Inovasi Islam Tahun 2016  | Tarikh : 25 Ogos 2016<br>Tempat : Dewan Auditorium Masjid Putra, Putrajaya                        |
| 2.  | Konvensyen Baitulmal Kebangsaan (KBK) 2016 JAWHAR                               | Tarikh : 27 September 2016<br>Tempat : The Everly, Putrajaya                                      |
| 3.  | Konvoi Kembara Zakat (KKZ) Kedah 2016 Anjuran JAWHAR                            | Tarikh : 14 - 16 Oktober 2016<br>Tempat : Negeri Kedah  |
| 4.  | Majlis Pecah Tanah Pembangunan Surau Al-Barakah Konvoi Kembara Zakat (KKZ) 2016 | Tarikh : 23 Oktober 2016<br>Tempat : Negeri Kedah   |
| 5.  | Hari Inovasi Dan Kecemerlangan Jabatan Perdana Menteri Tahun 2016               | Tarikh : 1 November 2016<br>Tempat : Dewan Seri Siantan, Kompleks Perbadanan Putrajaya, Putrajaya |
| 6.  | Majlis Persaraan Ketua Pengarah Jabatan Wakaf, Zakat Dan Haji (JAWHAR)          | Tarikh : 4 November 2016<br>Tempat : PICC, Putrajaya  |
| 7.  | Bulan Zakat Dan Karnival Keusahawanan Asnaf 2016                                | Tarikh : 1-3 Disember 2016<br>Tempat : Johor Baharu, Johor  |

**25 Ogos 2016**

**MAJLIS ANUGERAH INOVASI ISLAM TAHUN 2016 DEWAN AUDITORIUM MASJID PUTRA, PUTRAJAYA**



YB Mejar Jeneral Dato' Seri Jamil Khir Bin Hj Baharom (B) Melawat Booth Portal I-Umrah JAWHAR



YBRS. Encik Ahmad Musadad, Timbalan Ketua Pengarah JAWHAR Menerima Sijil Penghargaan dan Hadiah Saguhati Untuk Portal dan Aplikasi I-Umrah Daripada YB Mejar Jeneral Dato' Seri Jamil Khir Bin Hj Baharom (B)

**27 September 2016**

**KONVENSYEN BAITULMAL KEBANGSAAN (KBK) 2016 JAWHAR THE EVERLY, PUTRAJAYA**



Para Peserta Mendengar Ceramah Sempena Konvensyen Baitulmal Kebangsaan 2016 JAWHAR



YB Mejar Jeneral Dato' Seri Jamil Khir Bin Hj Baharom (B) Melancarkan Aplikasi Mobile E-Khairat (*Mobile Apps*) Sempena Konvensyen Baitulmal Kebangsaan 2016 JAWHAR



YB Mejar Jeneral Dato' Seri Jamil Khir Bin Hj Baharom (B) menyampaikan ucapan perasmian sempena Konvensyen Baitulmal Kebangsaan 2016 JAWHAR



YBHG. Datuk Haji Anan Bin C. Mohd, Ketua Pengarah JAWHAR Bergambar Bersama - Sama Dengan Para Pembentang Kertas Kerja Sempena Konvensyen Baitulmal Kebangsaan 2016 JAWHAR

### **KONVENSYEN BAITULMAL KEBANGSAAN (KBK) 2016 JAWHAR**

Putrajaya, 27 September 2016 – Jabatan Wakaf, Zakat dan Haji (JAWHAR) dengan kerjasama Majlis Agama Islam Wilayah Persekutuan (MAIWP) dan Bank Islam Malaysia Berhad (BIMB) telah menganjurkan Konvensyen Baitulmal Kebangsaan 2016. Fokus utama penganjuran konvensyen yang telah dirasmikan oleh YB Mejar Jeneral Dato' Seri Jamil Khir bin Haji Baharom Menteri di Jabatan Perdana Menteri ini ialah untuk menjana idea-idea baru yang lebih praktikal dalam memperkasa dan memperkukuhkan peranan institusi Baitulmal ke arah menjana kekuatan ekonomi umat khususnya Negara Islam. Bersempena dengan Konvensyen ini juga, YB Menteri di Jabatan Perdana Menteri telah melancarkan Aplikasi Mobile e-Khairat (*mobile apps*) yang merupakan lanjutan daripada Portal e-Khairat yang telah dilancarkan pada Konvensyen Baitulmal Kebangsaan 2015 yang lalu. Aplikasi Mobile e-Khairat ini dibangunkan bertujuan untuk memudahkan orang awam meyemak kesahihan surat kelulusan yang dikeluarkan oleh Majlis-Majlis

Agama Islam Negeri bagi kutipan derma/sedekah dengan lebih mudah dan cepat.

Penganjuran konvensyen ini telah menyaksikan pembentangan lima kertas kerja daripada para cendekiawan yang terdiri dari daripada ahli akademik, pakar undang-undang dan juga wakil pentadbir hal ehwal Islam di peringkat Persekutuan dan juga negeri. Pembentangan ini memberikan fokus dan penekanan terhadap tema utama iaitu "Baitulmal Penggerak Ekonomi Negara" menerusi pelbagai perspektif samada dari segi Syarak dan Perundangan, Ekonomi dan Kewangan, Pelaburan dan Pembangunan dan juga Peranan dan Pengurusan. Konvensyen Baitulmal Kebangsaan 2016 berakhir dengan jayanya dengan Ucapan Penutupan oleh YBhg. Datuk Haji Anan bin C Mohd, Ketua Pengarah JAWHAR serta pembentangan 4 resolusi bagi memantapkan peranan baitulmal sebagai salah satu institusi yang diangkat menyumbang kepada pemantapan sosio ekonomi ummah secara efektif.

## 14 – 16 Oktober 2016 KONVOI KEMBARA ZAKAT (KKZ) KEDAH 2016



YBHG. Datuk Haji Anan Bin C. Mohd, Ketua Pengarah JAWHAR Bergambar Bersama – Sama Dengan Para Peserta Konvoi Kembara Zakat Kedah 2016



YBHG. Datuk Haji Anan Bin C. Mohd, Ketua Pengarah JAWHAR Bergambar Bersama-Sama Dengan Para Peserta Konvoi Kembara Zakat Kedah 2016 Dan Melawat Serta Beramah Mesra Dengan Para Pesakit Yang Menerima Rawatan Di Pusat Haemodialisis Zakat Kedah



YBHG. Datuk Haji Anan Bin C. Mohd, Ketua Pengarah JAWHAR Menyerahkan Plak Kunci Kepada Penduduk Yang Menerima Bantuan Rumah Zakat, Lembaga Zakat Negeri Kedah

### KONVOI KEMBARA ZAKAT (KKZ) KEDAH 2016

Bahagian Baitulmal, Jabatan Wakaf, Zakat dan Haji (JAWHAR), telah mengadakan program Konvoi Kembara Zakat (KKZ) 2016 pada 14 hingga 16 Oktober 2016 bertempat di daerah Jeniang, Sik dan Baling di Negeri Kedah. Bertemakan “Al-Barakah: Kembara Zakat Kedah” merupakan program kali ke-5 yang telah dilaksanakan sejak tahun 2012 lagi. Program KKZ 2016 bertujuan untuk mempromosikan dan mengetengahkan program-program agihan zakat yang dilaksanakan oleh MAIN dan AMZ agar

masyarakat mendapat maklumat mengenai peranan yang telah dimainkan oleh institusi-institusi zakat di Malaysia. KKZ 2016 telah mendapat respons yang sangat positif daripada semua pihak yang terlibat sama ada secara langsung atau tidak langsung dan program yang amat bermakna ini wajar diteruskan lagi pada tahun-tahun yang akan datang demi memartabatkan syariat Islam dan memperkasakan sosioekonomi ummah di Malaysia.

**23 Oktober 2016**

**MAJLIS PECAH TANAH PEMBANGUNAN SURAU AL-BARAKAH KONVOI KEMBARA ZAKAT (KKZ) 2016**



YB Mejar Jeneral Dato' Seri Jamil Khir Bin Hj Baharom (B) Menerima Sumbangan Daripada Konvoi Kembara Zakat 2016 Bagi Pembinaan Surau Al-Barakah, Kampung Batu 8, Jalan Jeniang, Gurun, Kedah



YB Mejar Jeneral Dato' Seri Jamil Khir Bin Hj Baharom (B) Merasmikan Pecah Tanah Untuk Pembinaan Surau Al-Barakah Sempena Konvoi Kembara Zakat Kedah 2016 JAWHAR

**MAJLIS PECAH TANAH PEMBANGUNAN SURAU AL-BARAKAH KONVOI KEMBARA ZAKAT (KKZ) 2016**

Kedah 23 Oktober 2016 - Majlis Pecah Tanah Pembangunan Surau Al-Barakah Konvoi Kembara Zakat 2016 ini merupakan kesinambungan daripada Konvoi Kembara Zakat (KKZ) 2016 yang telah berlangsung pada 14 Oktober 2016 hingga 16 Oktober 2016. Konsep yang diketengahkan dalam KKZ 2016 ini adalah bertema "AL-BARAKAH: KEMBARA ZAKAT KEDAH" dengan bertujuan untuk menzahirkan kepada masyarakat bahawa kutipan zakat yang diterima oleh MAIN dan AMZ disalurkan secara menyeluruh kepada semua golongan asnaf yang berkelayakan dengan cara memberi bantuan bulanan, bantuan rumah, baik pulih rumah, pendidikan dan sebagainya mengikut ketetapan syara'.

Selain itu, KKZ 2016 bertujuan untuk mempromosikan JAWHAR selaku agensi penyelaras di peringkat persekutuan serta Majlis Agama Islam Negeri (MAIN), Agensi Mengurus Zakat (AMZ) selaku agensi yang menguruskan zakat di peringkat negeri kepada umat Islam di seluruh Malaysia. Jalinan kerjasama dan persefahaman antara JAWHAR, MAIN dan AMZ secara tidak langsung menyahut hasrat Kerajaan untuk melaksanakan program melalui Strategi Lautan Biru Kebangsaan (NBOS) dengan lain-lain agensi kerajaan yang berkaitan.



YB Mejar Jeneral Dato' Seri Jamil Khir Bin Hj Baharom (B) Bergambar Dan Beramah Mesra Dengan Penduduk Setempat

**1 November 2016**  
**HARI INOVASI DAN KECEMERLANGAN JABATAN PERDANA MENTERI TAHUN 2016**  
**DEWAN SERI SIANTAN, KOMPLEKS PERBADANAN PUTRAJAYA, PUTRAJAYA**



Portal E-Khairat Telah Mendapat Naib Johan (Kategori Produk Harapan) Sempena Hari Inovasi Dan Kecemerlangan JPM 2016 di Dewan Sri Siantan, Kompleks Perbadanan Putrajaya



JAWHAR Telah Mendapat Anugerah Peneraju E-Perolehan 2016 (Anugerah Pengurusan) Sempena Hari Inovasi Dan Kecemerlangan Jpm 2016 di Dewan Sri Siantan, Kompleks Perbadanan Putrajaya

**4 November 2016**  
**MAJLIS PERSARAAN KETUA PENGARAH JABATAN WAKAF, ZAKAT DAN HAJI (JAWHAR) PICC, PUTRAJAYA**



1-3 Disember 2016

**BULAN ZAKAT DAN KARNIVAL KEUSAHAWANAN ASNAF JOHOR BAHRU, JOHOR**

Duli Yang Amat Mulia Tunku Ismail ibni Sultan Ibrahim, Tunku Mahkota Johor telah Memperkenankan Untuk Merasmikan Sambutan Bulan Zakat dan Karnival Usahawan Asnaf 2016 di Johor Bahru



YBRS. Encik Ahmad Musadad, Timbalan Ketua Pengarah Jawhar Bergambar Bersama – sama Dengan Para Penerima Anugerah Zakat Kebangsaan 2016



#### BULAN ZAKAT DAN KARNIVAL KEUSAHAWANAN ASNAF 2016

Jabatan Wakaf, Zakat dan Haji (JAWHAR) bersama-sama Majlis Agama Islam Negeri Johor (MAINJ) dengan kerjasama semua Majlis Agama Islam Negeri (MAIN) dan Agensi Mengurus Zakat (AMZ) seluruh negara telah berjaya menganjurkan Sambutan Bulan Zakat dan Karnival Usahawan Asnaf 2016 pada 1 hingga 3 Disember 2016 bersamaan 1 hingga 3

Rabiulawal 1438H (Khamis hingga Sabtu) bertempat di Padang C, Plaza Angsana, Johor Bahru.

Sambutan Bulan Zakat Kebangsaan ini dengan tema “Zakat Nadi Transformasi Asnaf” merupakan program kali ke-8 yang telah dilaksanakan oleh JAWHAR sejak tahun 2008 lagi, manakala Karnival

Usahawan Asnaf 2016 pula merupakan program kali ke-2 diadakan di peringkat kebangsaan setelah kali pertama diadakan pada 8 hingga 10 Disember 2015 di Dataran Pusat Islam Melaka dengan kerjasama Majlis Agama Islam Melaka.

Majlis Perasmian Sambutan Bulan Zakat dan Karnival Usahawan Asnaf 2016 telah disempurnakan oleh Duli Yang Amat Mulia Tunku Ismail Ibni Sultan Ibrahim, Tunku Mahkota Johor pada 1 Disember 2016. Bagi menghargai jasa dan komitmen semua pihak yang terlibat dalam urusan zakat, Duli Yang Amat Mulia Tunku Ismail Ibni Sultan Ibrahim, Tunku Mahkota Johor berkenan mengurniakan Anugerah Zakat Kebangsaan 2016 kepada tujuh penerima yang telah dipilih oleh Jawatankuasa Anugerah Zakat Kebangsaan, iaitu:

1. Anugerah Zakat Kebangsaan 2016 (Kategori Asnaf Akademik) diberikan kepada Dr. Siti Nur Raha binti Tuhaijan, pencalonan daripada Lembaga Zakat Selangor;
2. Anugerah Zakat Kebangsaan 2016 (Kategori Asnaf Usahawan) diberikan kepada Encik Shahrul Fadlisham bin Che Abdullah, pencalonan daripada Lembaga Zakat Selangor;
3. Anugerah Zakat Kebangsaan 2016 (Kategori Asnaf Usahawan Khas) diberikan kepada Encik Abdul Razak bin Hamid, pencalonan daripada Majlis Agama Islam Wilayah Persekutuan;
4. Anugerah Zakat Kebangsaan 2016 (Kategori Syarikat GLC) diberikan kepada Pahang Skills Development Centre, pencalonan daripada Pusat Kutipan Zakat Pahang;
5. Anugerah Zakat Kebangsaan 2016 (Kategori Syarikat Sendirian Berhad) diberikan kepada Syarikat Faiza Sdn. Bhd., pencalonan daripada Majlis Agama Islam Negeri Johor;
6. Anugerah Zakat Kebangsaan 2016 (Kategori Syarikat Awam Berhad) diberikan kepada Bina Darulaman Berhad, pencalonan daripada Lembaga Zakat Negeri Kedah Darul Aman; dan
7. Anugerah Zakat Kebangsaan 2016 (Kategori Institusi Zakat Terbaik (Kutipan)) diberikan kepada Majlis Agama Islam dan Adat Melayu Perak.

Secara keseluruhannya, Sambutan Bulan Zakat dan Karnival Usahawan Asnaf 2016 telah berjalan dengan lancar dan jayanya serta telah mencapai objektif-objektif yang telah digariskan terutamanya dalam memperkukuhkan jalinan kerjasama antara semua pihak yang berkaitan dengan pengurusan zakat di Malaysia serta mempromosikan produk-produk usahawan asnaf dari seluruh negara. Ia merupakan satu platform penting dalam usaha membuka mata masyarakat tentang kepentingan ibadah zakat khususnya bagi membantu memperkasa sosio ekonomi umat Islam di Malaysia melalui dana zakat.

JABATAN PERDANA  
MENTERI MALAYSIA

LAPORAN  
TAHUNAN

# 2016



## SEKTOR KESELAMATAN

## AGENSI PENGUATKUASAAN MARITIM MALAYSIA (APMM)

Untuk tahun 2016 sasaran Agensi untuk aset laut berada di lapangan pada setiap masa ialah sebanyak 42 buah aset di seluruh perairan negara. Penetapan aset laut ini secara keseluruhan adalah tercapai dan dibantu dengan penugasan tambahan seperti Operasi Mencari dan Menyelamat (CARILAMAT) dan juga bantuan perkhidmatan ehsan dengan menggunakan aset laut mahupun udara kepada rakyat Malaysia amnya.

Agensi menggunakan tiga kaedah untuk melaksanakan operasi iaitu melalui aset laut, aset udara dan pemantauan radar SWASLA. Berakhir pada tahun 2016 Agensi mempunyai 277 buah aset laut, 8 buah aset udara dan 14 buah radar SWASLA.

### PENGOPERASIAN ASET LAUT


Bagi melaksanakan tugas dan tanggungjawab yang diberikan, Agensi telah mewujudkan lima operasi utama untuk menjaga kedaulatan dan keselamatan perairan negara. Operasi tersebut adalah seperti berikut:

1. **Operasi SATRIA.** Beroperasi di perairan Pantai Barat Semenanjung Malaysia yang melibatkan aset dari DM1 Langkawi, DM2 Pulau Pinang, DM3 Lumut, DM4 Klang, DM5 Linggi dan DM6 Johor Bahru.
2. **Operasi PERKASA.** Beroperasi di kawasan Pantai Timur Semenanjung Malaysia yang melibatkan aset dari DM7 Sedili, DM8 Kuantan, DM9 Kuala Terengganu dan DM10 Tok Bali.
3. **Operasi PERMAI.** Beroperasi di perairan Sarawak yang melibatkan aset dari DM11 Kuching, DM12 Bintulu dan DM13 Miri.
4. **Operasi SEJAHTERA.** Beroperasi di perairan Sabah Barat yang melibatkan aset dari DM14 Labuan dan DM15 Kota Kinabalu.
5. **Operasi PLUTO TIMUR.** Beroperasi di kawasan ESSZone yang melibatkan aset dari DM16 Kudat, DM17 Sandakan dan DM18 Tawau. Aset dari Daerah Maritim lain juga akan dikerahkan menyertai operasi ini jika keadaan memerlukan dan dimohon oleh pihak ESSCOM.

Secara keseluruhannya, Sambutan Bulan Zakat dan Karnival Usahawan Asnaf 2016 telah berjalan dengan lancar dan jayanya serta telah mencapai objektif-objektif yang telah digariskan terutamanya dalam memperkukuhkan jalinan kerjasama antara semua pihak yang berkaitan dengan pengurusan zakat di Malaysia serta mempromosikan produk-produk usahawan asnaf dari seluruh negara. Ia merupakan satu platform penting dalam usaha membuka mata masyarakat tentang kepentingan ibadah zakat khususnya bagi membantu memperkasa sosioekonomi umat Islam di Malaysia melalui dana zakat.

Berdasarkan keadaan ekonomi semasa dan peruntukkan kewangan yang diberikan oleh kerajaan, pada tahun 2016 aset laut Agensi telah berjaya melaksanakan operasi sebanyak 19,558 hari. Pecahan hari di laut adalah seperti di **GRAF 1**.

Graf 1 : Statistik Pecahan Aset Laut Beroperasi Di Laut Bagi Tahun 2016.



#### PENGOPERASIAN ASET UDARA

Bagi aset udara pula, pesawat akan ditugaskan melakukan pengawasan udara (rondaan maritim) yang meliputi seluruh perairan negara mengikut rondaan yang dirancang. Pada tahun 2016 sejumlah

1571.7 jam penerbangan telah dilakukan untuk pengawasan udara. Pecahan jumlah jam penerbangan yang telah dilakukan oleh aset udara mengikut bulan adalah seperti di **JADUAL 1**.

Jadual 1 : Statistik Jumlah Jam Penerbangan Bagi Aset Udara APMM Tahun 2016

| BULAN         | JENIS PESAWAT |              |              | JUMLAH (JAM)  |
|---------------|---------------|--------------|--------------|---------------|
|               | DAUPHIN       | AW 139       | CL 415       |               |
| JAN           | 38.3          | 37.5         | 50.8         | 126.6         |
| FEB           | 16.9          | 70.4         | 95.4         | 182.7         |
| MAC           | 12.8          | 62.8         | 84.0         | 159.6         |
| APR           | 14.4          | 86.7         | 47.6         | 148.7         |
| MEI           | 61.1          | 70.1         | 68.4         | 199.6         |
| JUN           | 31.4          | 37.1         | 47.0         | 115.5         |
| JUL           | 47.3          | 50.9         | 46.0         | 144.2         |
| OGOS          | 58.8          | 45.4         | 44.5         | 148.7         |
| SEP           | 22.4          | 65.5         | 27.1         | 115.0         |
| OKT           | 18.3          | 32.6         | 21.6         | 72.5          |
| NOV           | 20.3          | 27.8         | 31.1         | 79.2          |
| DIS           | 20.7          | 26.4         | 32.3         | 79.4          |
| <b>JUMLAH</b> | <b>326.7</b>  | <b>595.8</b> | <b>613.2</b> | <b>1573.7</b> |

## PENGOPERASIAN RADAR SWASLA

SWASLA merupakan Pusat Pengawasan Utama dalam aspek keselamatan dan penguatkuasaan undang-undang maritim negara di Selat Melaka dan Pantai Barat Sabah. Untuk perancangan akan datang, Kerajaan telah meluluskan peruntukan untuk membina dua buah lagi RSS dan sebuah ACC di Pantai Timur Sabah bagi memantapkan lagi sistem ini. Pusat ini melaksanakan pengawasan dengan mengesan, menganalisa dan menyalurkan maklumat aktiviti maritim yang mencurigakan. Ia merupakan satu rangkaian sistem yang terdiri dari Pusat Kawalan Induk (MCC) di Lumut, tiga buah Pusat Kawalan Daerah (ACC) masing-masing di Langkawi, Pelabuhan Klang dan Tanjung Piailai, Pontian, Johor serta merangkumi sembilan buah tapak radar (RSS).

Sistem SWASLA mempunyai dwi fungsi yang melibatkan perkongsian pintar di antara Jabatan Laut Malaysia dan Maritim Malaysia. Pembahagian peranan adalah seperti berikut:

1. Keselamatan (*safety*) pelayaran. Ini adalah tanggungjawab VTS (*Vessel Traffic Services*) yang dikendalikan oleh Jabatan Laut Semenanjung Malaysia.
2. Keselamatan (*security*) perairan. Ini adalah tanggungjawab Maritim Malaysia.

Sistem rangkaian radar beroperasi secara berterusan 24 jam sehari, 7 hari seminggu bagi tujuan pengawasan pengguna maritim agar perairan negara sentiasa terjamin dari risiko keselamatan pelayaran/navigasi dan kegiatan haram yang boleh menjerumuskan kepada faktor ancaman ketenteraman negara. Secara tidak langsung SWASLA merupakan *eye in the sky* bagi Maritim Malaysia khususnya dan negara amnya.

Pusat Operasi MCC berfungsi untuk mengkoordinasi dan menyelaras keperluan pengawasan kawasan liputan Radar di Perairan Maritim Malaysia. Selain itu, pusat ini juga turut bertanggungjawab terhadap tugas-tugas berikut:

1. Menganalisis aktiviti-aktiviti maritim di Perairan Selat Melaka.
2. Membantu penyelarasan operasi pengawasan di antara Agensi Penguatkuasaan Maritim yang berada di laut.
3. Bertindak sebagai pusat maklumat maritim bagi Pusat Kawalan Utama Lumut dan Pusat Kawalan Daerah.
4. Bersiap sedia sebagai Markas Operasi Bersepadu.

Sepanjang tahun 2016, aktiviti maritim di Selat Melaka meliputi penggunaan laluan oleh pelbagai kapal dan bot di *Traffic Separation Scheme* (TSS). Selain itu, terdapat juga aktiviti-aktiviti lain seperti penangkapan ikan oleh nelayan, *sport fishing*, *water tourism*, *barter trading* dan kegiatan bersahuh oleh kapal dagang di sekitar kawasan pelabuhan. Aktiviti pelancongan antarabangsa melalui pergerakan feri juga dipantau dari pantai barat Semenanjung ke Sumatera, dari Pulau Langkawi ke Thailand dan dari Selatan Johor ke Pulau Batam.

Secara keseluruhan sepanjang tahun 2016, sebanyak 82,617 kapal-kapal dan bot-bot telah menggunakan laluan Selat Melaka. Dari keseluruhan jumlah kapal yang memasuki perairan Selat Melaka, sebanyak 14,602 kapal telah memasuki Pelabuhan Klang dan 9,258 kapal memasuki Pelabuhan Tanjung Pelepas.

Hasil dari pemantauan yang dilakukan, sebanyak 690 sasaran mencurigakan berdasarkan kriteria sasaran curiga yang ditetapkan. Dari jumlah tersebut sebanyak 233 dapat dikenalpasti oleh kamera/VTS dan 145 melalui pemeriksaan oleh aset-aset Maritim Malaysia di kawasan perairan Selat Melaka. Seterusnya, 43 tangkapan berjaya dilakukan oleh aset Maritim Malaysia, hasil maklumat dari SWASLA. Statistik pengesanan dan pemeriksaan seperti di **Graf 2** dan tangkapan dari hasil pengesanan SWASLA adalah seperti di **Graf 3**.



Graf 2 : Statistik Pengesanan Dan Pemeriksaan



Graf 3 : Statistik Tangkapan Hasil Dari Pengesanan Swasta

## PEMERIKSAAN


Pada tahun 2016, aset laut Agensi telah berjaya melaksanakan sejumlah 34,186 pemeriksaan yang terdiri dari pelbagai jenis pengangkutan laut di seluruh perairan negara. Pecahan jumlah pemeriksaan mengikut Wilayah Maritim seperti di **Jadual 2**. Perbezaan jumlah pemeriksaan ini adalah disebabkan oleh beberapa faktor setempat antaranya jumlah

aset yang boleh beroperasi penuh pada kategori 1, aset yang dapat beroperasi secara terhad pada kategori 2 dan 3, keadaan cuaca, angin dan laut yang bergelora mengikut musim. Walaupun dipengaruhi oleh beberapa faktor ini, Agensi tidak akan berputus asa untuk melaksanakan tugas dan tanggungjawab dengan kekangan yang dihadapi semasa beroperasi.

**Jadual 2 : Statistik Jumlah Pemeriksaan Tahun 2016 Mengikut Wilayah Maritim**

| WILAYAH       | WILUTA       | WILSEL       | WILTIM       | WILSAR       | WILSAB        | JUMLAH        |
|---------------|--------------|--------------|--------------|--------------|---------------|---------------|
| JAN           | 700          | 785          | 409          | 323          | 619           | 2,836         |
| FEB           | 610          | 848          | 313          | 390          | 904           | 3,065         |
| MAC           | 634          | 927          | 481          | 193          | 1,167         | 3,402         |
| APR           | 596          | 872          | 451          | 358          | 1,029         | 3,306         |
| MEI           | 547          | 999          | 559          | 131          | 1,163         | 3,399         |
| JUN           | 640          | 872          | 569          | 393          | 1,173         | 3,647         |
| JUL           | 650          | 822          | 439          | 324          | 1,039         | 3,274         |
| OGOS          | 525          | 903          | 506          | 317          | 253           | 1,095         |
| SEP           | 376          | 506          | 317          | 253          | 1,095         | 2,547         |
| OKT           | 260          | 272          | 177          | 208          | 1,039         | 1,956         |
| NOV           | 276          | 372          | 95           | 203          | 995           | 1,941         |
| DIS           | 396          | 113          | 106          | 136          | 791           | 1,679         |
| <b>JUMLAH</b> | <b>6,210</b> | <b>8,291</b> | <b>4,250</b> | <b>3,088</b> | <b>12,347</b> | <b>34,186</b> |

Graf 4 : Statistik Jumlah Pemeriksaan APMM Secara Keseluruhan Dari Tahun 2006 Sehingga 2016.




### KEJAYAAN OPERASI

Berdasarkan pemeriksaan yang dilaksanakan kepada pengangkutan laut di seluruh negara, sejumlah 971 penahanan telah berjaya dilakukan oleh Agensi mengikut pelbagai jenis ketidakpatuhan mereka

kepada undang-undang maritim. Pada tahun 2016, sebanyak 22 jenis Akta dan Enakmen undang-undang Malaysia telah berjaya ditahan.

Graf 5 : Statistik Jumlah Penahanan Dari Tahun 2006 Sehingga 2016.



**Jadual 3 : Statistik Jumlah Penahanan Tahun 2016 Mengikut Wilayah Maritim**

| WILAYAH       | WILUTA     | WILSEL     | WILTIM     | WILSAR    | WILSAB     | JUMLAH     |
|---------------|------------|------------|------------|-----------|------------|------------|
| JAN           | 22         | 22         | 3          | 5         | 25         | 77         |
| FEB           | 11         | 18         | 4          | 12        | 17         | 62         |
| MAC           | 19         | 13         | 26         | 12        | 43         | 113        |
| APR           | 13         | 31         | 21         | 16        | 55         | 136        |
| MEI           | 17         | 26         | 23         | 4         | 17         | 87         |
| JUN           | 19         | 20         | 15         | 11        | 26         | 91         |
| JUL           | 10         | 16         | 24         | 8         | 29         | 87         |
| OGOS          | 19         | 20         | 8          | 9         | 18         | 74         |
| SEP           | 9          | 10         | 8          | 3         | 31         | 61         |
| OKT           | 2          | 11         | 5          | 0         | 25         | 43         |
| NOV           | 5          | 15         | 9          | 4         | 12         | 54         |
| DIS           | 3          | 5          | 1          | 7         | 12         | 28         |
| <b>JUMLAH</b> | <b>149</b> | <b>207</b> | <b>147</b> | <b>91</b> | <b>319</b> | <b>913</b> |

**Jadual 4 : Statistik Jumlah Penahanan Mengikut Akta Pada Tahun 2016.**

| BIL | NAMA AKTA  | JUMLAH KES |
|-----|--|------------|
| 1.  | Akta Perikanan 198                                     | 459        |
| 2.  | Akta Imigresen 1959/63 (pindaan 2002)                  | 174        |
| 3.  | Ordinan Perkapalan Saudagar 1952 (MSO)                 | 165        |
| 4.  | Akta Kastam 1967                                       | 77         |
| 5.  | Akta Kawalan Bekalan 1961                              | 24         |
| 6.  | Enakmen Pelabuhan dan Dermaga Sabah (JPDS) 2002        | 23         |
| 7.  | Akta Dadah Merbahaya 1952                              | 15         |
| 8.  | Akta Anti Pemerdangan Orang & Penyeludupan Migran 2007 | 7          |
| 9.  | Akta 593 - Kanun Keseksaan                             | 4          |
| 10. | Akta Passport 1966                                     | 4          |
| 11. | Akta Pelantar Benua 1966                               | 3          |
| 12. | Akta Racun 1952  | 2          |
| 13. | Akta 588 Komunikasi & Multimedia 1998                  | 2          |
| 14. | Akta Kawasan Larangan & Tempat Larangan 1959           | 2          |
| 15. | Akta ZEE 1984  | 1          |
| 16. | Peraturan-Peraturan Bot 1953                           | 1          |
| 17. | Ordinan Perhutanan Sarawak 1954                        | 1          |
| 18. | Ordinan Perhutanan Sarawak 2015                        | 1          |
| 19. | Akta Petroleum 1984                                    | 1          |
| 20. | Akta Kakisan, Letupan & Senjata Merbahaya 1958         | 1          |
| 21. | Peraturan-Peraturan Kawalan Bekalan 1974               | 1          |
| 22. | Enakmen Hutan 1968                                     | 1          |
|     | <b>JUMLAH</b>  | <b>971</b> |

Pada tahun 2016, APMM telah berjaya menahan sejumlah 108 buah bot nelayan asing bersama 883 orang awak-awak. Mereka telah melakukan aktiviti menangkap ikan tanpa permit yang sah di perairan negara.


Jadual 5 : Statistik Jumlah Penahanan Bot Nelayan Asing (BNA) Dan Kru Tahun 2016 Mengikut Negara

| NEGARA        | BOT        | KRU BOT    |
|---------------|------------|------------|
| VIETNAM       | 64         | 655        |
| INDONESIA     | 39         | 201        |
| THAILAND      | 1          | 5          |
| FILIPINA      | 3          | 18         |
| TAIWAN        | 1          | 4          |
| <b>JUMLAH</b> | <b>108</b> | <b>883</b> |

Pada tahun 2016, Agensi telah berjaya mengurangkan statistik rompak di Zon Maritim Malaysia dengan melaksanakan operasi harian dan juga operasi

khas. Penurunan kadar ini juga sebahagiannya dibantu oleh komuniti maritim setempat dan antarabangsa dengan cara penyaluran maklumat. Kerjasama sebegini harus diteruskan agar perairan negara terutamanya perairan Selat Melaka terjamin keselamatan dan sekali gus memberi keyakinan komuniti maritim kepada Malaysia dari segi keselamatan pelayaran. Statistik jumlah rompak seperti di **Graf 6**.


Graf 6 : Statistik Pecahan Jumlah Rompak Tahun 2016.



#### INDEKS JENAYAH MARITIM


Agensi sentiasa berusaha secara berterusan agar Indeks Jenayah Maritim ini berjaya dikurangkan pada setiap tahun. Pengurangan kepada indeks ini menunjukkan semua komuniti maritim sudah memahami dan sekaligus mematuhi undang-undang maritim negara. Penunjuk ke arah positif ini adalah sangat diperlukan agar dapat memjamin keselamatan dan kesejahteraan semasa menggunakan laluan laut negara. Walaupun agak mustahil menjadikan indeks ini ke paras sifar, dengan mengekalkan supaya ianya tidak meningkat merupakan satu kejayaan bagi Agensi. Pada tahun 2016 Indeks Jenayah Maritim telah meningkat 0.1% dari tahun sebelumnya akibat dari faktor-faktor yang tidak dapat dielakkan. Secara keseluruhannya pada tahun 2016 Agensi dapat mengawal Indeks ini dari meningkat lebih dari 3 peratus mengikut KPI yang telah ditetapkan (Rujuk GRAF 8). Indeks ini juga menunjukkan betapa relevannya Agensi dalam melaksanakan tugas penguatkuasaan dan CARILAMAT di laut sejajar

Graf 7 : Statistik Kes Rompak Di Selat Melaka



dengan status Agensi sebagai agensi tunggal yang mengawal keselamatan dan kesejahteraan perairan ZMM. Jika Agensi diberi penambahan dari segi aset dan infra, nescaya Agensi akan dapat beroperasi dengan lebih mantap dan efisien.

Graf 8 : Statistik Peratusan Indeks Jenayah Maritim



#### OPERASI PASUKAN TINDAKAN KHAS MARITIM MALAYSIA

Sepanjang tahun 2016, Pasukan Tindakan Khas (PTK) telah berjaya melaksanakan beberapa operasi seperti yang ditugaskan. Tugasan utama di kawasan operasi yang dipertanggungjawab adalah menggempur dan menyelamatkan serta menguatkuasakan undang-undang di laut.

Pasukan Tindakan Khas turut terlibat menjalani latihan bersama dengan pelbagai agensi sama ada dalam atau luar negara. PTK juga melakukan pelbagai latihan serta kursus tahunan yang telah disusun secara teratur kepada setiap anggota.

#### OPERASI ZUHAL

Operasi ini telah dirancang sejak awal bulan Januari 2016 dengan menempatkan pegawai dan anggota PTK dalam keadaan siapsiaga di perairan timur negeri Johor. Bertitik tolak dari kejadian rompakan kapal seperti rompakan kapal MT Sunbirdie dan MT

Orkim Reliance selain kekerapan kes pelanunan yang berlaku di kawasan yang strategik dengan aktiviti perkapalan antarabangsa tersebut, bot petir 83 telah ditempatkan untuk memudahkan keperluan operasi pasukan.

#### OPERASI BALAT

Operasi yang telah dirancang dengan menempatkan anggota PTK dalam keadaan siapsiaga. Kawasan tanggungjawab di bahagikan kepada dua kawasan iaitu Sandakan dan Semporna. Bagi sektor Semporna, tim operasi ditempatkan di Pulau Matakang. Kawasan operasi pula meliputi sektor *cut off* dari selatan Pulau Matakang sehingga ke Pulau Boheyan. Pusat kawalan dan pemerintahan untuk operasi PTK di Sandakan dan Semporna adalah dibawah pengarahannya ESSCOM. PTK menempatkan bot yang diterima dari ESSCOM sejak Februari 2016 iaitu bot Adal 14 di Sandakan manakala Bot Adal 13 di Semporna.

## OPERASI KHAS

### Operasi Rompak MT Sriracha Master

Maklumat berkemungkinan kapal MT Sriracha Master di rampas telah disalurkan kepada PTK Maritim lebih kurang jam 11 malam pada 5 Mac 2016. Anggota PTK Maritim telah bersedia di Cawangan Operasi Udara Subang dan diterbangkan lebih kurang jam 7.30 malam 6 Mac 2016. PTK melakukan *forced boarding* dan pemeriksaan terperinci keatas kapal tersebut sebelum kapal tersebut diserahkan kepada DM 4 Klang untuk tindakan lanjut.

### Operasi Khas di Kuantan

Operasi ini adalah kerjasama dengan Wilayah Maritim Timur bertujuan menangani kemasukan nelayan asing terutama nelayan Vietnam. Operasi selama dua hari bermula 5 Mac 2016 sehingga 6 Mac 2016. Operasi menggunakan kapal KM Langkawi berjaya menahan sebiji bot kargo Murkhan 10 dan hasil pemeriksaan mendapati 5 kru warga Vietnam bersama tekong.

Bot tersebut disyaki melakukan aktiviti penangkapan ikan tunda ganding berdasarkan kesan-kesan yang ada pada bot. Bot bersama kru diserahkan kepada Pangkalan Maritim Kemaman untuk tindakan lanjut.



### Mengiringi Keselamatan

Bermula 22 April 2016 PTK diberi kepercayaan untuk memikul tanggungjawab keselamatan mengiring kapal dari Syarikat Orkim iaitu MT Orkim Reliance dan MT Orkim Discovery dari perairan Sandakan ke Tawau melalui titik panas di perairan Tambisan dan Tanjung Labian serta Pulau Sipadan dan Ligitan. Anggota PTK di tempatkan di atas kapal tersebut sebagai anggota yang menjaga keselamatan sepanjang pelayaran kapal tersebut yang membawa muatan minyak jenis diesel dan MFO. Tugasan ini akan berterusan atas permintaan syarikat kapal tersebut. Anggota PTK juga telah diarah untuk membuat tugas mengiring 8 ODYS dalam kes Orkim Harmony daripada Hanoi ke Johor Bahru untuk dibicarakan di bawah undang-undang Malaysia setelah permohonan ekstradisi di luluskan oleh mahkamah Vietnam.

### Operasi Pancung

Operasi ini bertujuan untuk membanteras penyeludupan rokok di sekitar Pantai Morib. Bermula awal tahun 2016 PTK Maritim bersama anggota risik maritim mengumpul maklumat berkaitan penyeludupan rokok sekitar pantai Morib. Hasil dari maklumat, PTK berjaya menahan tiga kenderaan jenis Toyota Vellfire yang digunakan untuk membawa keluar rokok dari jeti. Kejayaan ini adalah hasil dari kejar buru sebuah bot yang memasuki perairan Malaysia.

## LATIHAN BERSAMA

### *Exersice International Chamang Water Rescue*

Latihan bersama ini bertujuan mengenal pasti, memperbaiki dan meningkatkan proses operasi semasa bekerja bersama dengan pelbagai agensi. Latihan pada kali ini melibatkan agensi dalam dan luar negara. Angkatan Pertahanan Awam (APM), Pasukan Mencari dan Menyelamat Khas Malaysia (SMART), APMM, DART (Singapura) dan pemerhati dari Filipina. Latihan yang dijalankan termasuk pandu arah darat, menyelamat di air terjun, menyelamat menggunakan sistem dan *Disaster Victim Investigate (DVI)*.

### *Lantern Mint*

Latihan bersama MSOT 8141 (US) dan PTK pada 8 Ogos 2016 sehingga 26 Ogos 2016 bertempat di Akademi Maritim Sultan Ahmad Shah. Latihan merangkumi *law of war and human right, tactical ombat casualty care, close quarters battle (CQB), pistol and rifle markmanship, visit board search and seizure, dan fast rope insertion technique*.



**LATIHAN BERSAMA****Ekseksais Bersama Kapal Tsugaru Japan Coast Guard**

Sempena kedatangan kapal Tsugaru dari Jepun, satu ekseksais telah dilaksanakan di perairan Kota Kinabalu, Sabah membabitkan aset-aset APMM dan JCG. Antara aset yang terlibat ialah KM Banggi, Pengawal 10 dan KM Memmon. Pasukan Tindakan Khas terlibat dalam *segmen force boarding* sebuah kapal yang telah ditawan lanun menggunakan teknik *fast roping*. Secara keseluruhan, ekseksais berjaya memberi pendedahan kepada kedua-dua agensi.

**Perasmian Penubuhan Pasukan NSOF**

Perasmian penubuhan NSOF Malaysia telah dilakukan pada 27 Oktober 2016 dan telah dirasmikan oleh Y.A.B Perdana Menteri Malaysia, Datuk Seri Mohd Najib bin Tun Abdul Razak. NSOF melibatkan semua pasukan khas di Malaysia termasuk Pasukan Tindakan Khas Maritim (STAR TEAM).

**KURSUS-KURSUS PTK**

Pasukan Tindakan Khas menghantar anggota ke setiap kursus yang berkaitan dengan tugas hakiki pasukan. Kebiasaan kursus anggota adalah dari dalam negara, kursus ke luar negara atau kerjasama dari pihak luar negara seperti Japan Coast Guard.

Kursus- kursus yang telah dijalani oleh anggota adalah sangat penting bagi memastikan peningkatan kemahiran sendiri dan juga membantu memenuhi keperluan pasukan.

| BIL | KURSUS          | TEMPAT                 | TARIKH                    |
|-----|-----------------|------------------------|---------------------------|
| 1.  | Rescue Diver    | AMSAS                  | 18.01.2016 dan 29.01.2016 |
| 2.  | Penyelam Kapal  | TLDM KD Duyong         | 21.03.2016 dan 08.05.2016 |
| 3.  | Asas Sniper     | TLDM KD Panglima Hitam |                           |
| 4.  | Penyelia Sniper | TLDM KD Panglima Hitam |                           |

**CAWANGAN SIASATAN DAN JENAYAH MARITIM**

Kes-kes profil tinggi yang disiasat oleh Tim Siasatan dan Pasukan Forensik APMM.

| BIL | KES BERPROFIL TINGGI                    | SUSPEK  | CATATAN   |
|-----|---|---|---|
| 1.  | MT Orkim Harmony                        | Lapan Perompak Indonesia                                    | Telah dibawa ke Malaysia melalui proses ekstradisi dan telah dijatuhkan hukuman di Malaysia |
| 2.  | Tug Boat Ever Prosper dan Ever dignity  | Perompak menggunakan parang untuk merompak                  | Masih dalam proses siasatan mengenalpasti perompak terlibat dengan bukti forensik yang ada  |
| 3.  | Tug boat Ever Ocean Silk dan Ever Giant | Enam Perompak Indonesia terlibat dan berjaya melarikan diri | Masih dalam proses siasatan mengenalpasti perompak terlibat dengan bukti forensik yang ada  |

Sebahagian siasatan tempat kejadian dan barang kes yang disiasat oleh Pasukan Forensik Maritim Malaysia.



Kes Siasatan Jenayah Maritim berprofil tinggi Ekstradisi MT Orkim Harmony

Kapal MT Orkim Harmony membawa kira-kira 6,000 tan petrol bernilai kira-kira AS\$5.6 juta semasa ia dirampas pada 11 Jun tahun 2015, dalam pelayaran dari pantai barat Malaysia ke pelabuhan Kuantan di pantai timur. Kesemua 8 orang suspek telah berjaya dibawa ke muka pengadilan melalui proses ekstradisi dan telah dijatuhkan hukuman.



| BIL | TARIKH      | MAKLUMAT   |
|-----|-------------|--|
| 1.  | 12 Jun 2015 | MRSC JB terima maklumat dari POMAR HQ memaklumkan, terima maklumat Syarikat Orkim Management Sdn Bhd bahawa kapal MT Orkim Harmony tidak dapat dihubungi. Lokasi terakhir kapal di posisi 02 08.9u 104 27.3T (23.5bn T/L Tg Sedili) pada jam 112054h. Kapal dalam pelayaran dari Melaka ke Kuantan.  |
| 2.  |             | Menghubungi agen kapal Orkim Ship Management Sdn Bhd mengenai MT Orkim Harmony. Dia memaklumkan kali terakhir dapat berhubung dengan kapal pada 112054H di posisi lebih kurang 23.5 bn timur laut Tanjung Sedeli. Kapal gagal dihubungi melalui telefon dan inmarsat C. MRSC JB terima email dari inmarsat HQ London maklumat MT Orkim Harmony. Latest position: Long 02 09 799N Lat 104 26.658E time 1332.28 UTC. |
| 3.  | 13 Jun 2015 | MRSC Johor memaklumkan MT Orkim Harmony<br>22 kru :<br>16 x warga Malaysia<br>5 x warga Indonesia<br>1 x warga Myanmar   |

| BIL | TARIKH      | MAKLUMAT  |
|-----|-------------|---|
| 3.  | 13 Jun 2015 | Operasi SAR hari kedua. Aset terlibat APMM – KM Mulia, Pengawal 32, TLDM – KD Ganyang<br>Aset ditugaskan membuat pencarian di sekitar 10 bn dari Lokasi terakhir MT Orkim Harmony dikesan. Semua aset ditugaskan melakukan pencarian disekitar 20 bn perairan Beting Ramunia dan Pulau Aur.   |
| 4.  |             | Menghubungi dan menghantar e-mel kepada pihak BASARNAS Indonesia berkaitan kehilangan kapal MT Orkim Harmony. Mohon pihak BASARNAS membuat pencarian di kawasan perairan Indonesia dan memaklumkan kepada MRCC Putrajaya jika memperoleh maklumat berkaitan kejadian tersebut.  |
| 5.  | 14 Jun 2015 | Terima kawat dari MRSC Johor Bahru memohon pihak MRCC mengarahkan MRCC Kuantan untuk melaksanakan pencarian kapal tersebut di kawasan tanggungjawab WILTIM sehingga sempadan perairan Malaysia. Hubungi MRCC Vietnam memaklumkan kehilangan kapal MT Orkim Harmony dan menghantar maklumat kehilangan kapal melalui email.  |
| 6.  | 15 Jun 2015 | WILTIM maklum aset untuk SAR KM Segantang (Perairan Pulau Redang ke sempadan Thai) KM Redang – Pu.Tioman  |
| 7.  | 16 Jun 2015 | Pesawat Bombardier CL 415 ( Maritim 564) selesai OP SAR di kawasan perairan DM7.  |
| 8.  | 17 Jun 2015 | Pesawat Charlie (C130) berlepas dari stesen Udara Subang ke kawasan operasi.  |
| 9.  |             | <i>P3 Orion Royal Australian Air Force</i> berlepas dari TUDM Butterworth ke kawasan operasi perairan Vietnam.<br>KM Segantang memaklumkan telah masuk sektor C pada jam 1620H. Tiada kelihatan sebarang kapal dijumpai. KM Segantang membuat perhubungan melalui radio dengan RESCUE 001 (Charlie 130).<br>Terima maklumat dari P3 Orion Royal Australian Air Force Butterworth. Memaklumkan bahawa sebuah kapal dipercayai MT Orkim Harmony telah dijumpai diposisi Lat 09.21.00N Long 102.44.0E Thailand Gulf. Nama kapal telah ditukar kepada Kim Harmon.<br>Menghubungi MRCC Vietnam memaklumkan lokasi MT Orkim Harmony yang telah ditukar nama diposisi Lat 09.21.00N Long 102.44.0E. Permohonan ke pihak Vietnam juga dibuat untuk menjejaki kapal tersebut. Pesawat Bombardier berlepas ke lokasi. |
| 10. | 18 Jun 2016 | Mendapat maklumat daripada pihak Australia bahawa pesawat Fennex dapat mengesan MT Orkim Harmony di posisi 08 38N 103 00E. Mengarahkan KM Amanah ke lokasi.   |
| 11. | 19 Jun 2016 | Terima maklumat dari TLDM mengatakan perompak telah lari keluar dari kapal MT Orkim Harmony pada jam 182000H. 1x kru MT Orkim Harmony cedera.<br>Seorang krew kapal MT Orkim Harmony yang cedera di peha telah selamat di daratkan di hospital Kubang Kerian menggunakan pesawat EC 725 Agusta TUDM. Ops SAR ditamatkan 191115H Jun 2015. kapal MT Orkim Harmony selamat merapat jeti pelabuhan Kuantan pada jam 0700H. Tim forensik maritim dan pegawai penyiasat APMM bersedia untuk menjalankan siasatan.<br><br>MT Orkim Harmony ditahan di pelabuhan Kuantan mulai 19 hingga 23 Julai untuk siasatan.  |

**TINDAKAN SIASATAN MT ORKIM HARMONY PADA 5 JULAI HINGGA 14 JULAI 2015**

| BIL | MAKLUMAT  |
|-----|---|
| 1.  | Tim siasatan khas APMM telah hadir ke Hanoi untuk menjalankan tugas siasatan terhadap 8 orang perompak yang telah ditahan oleh pihak VCG.   |
| 2.  | Tim siasatan khas telah hadir untuk kunjungan hormat kepada Duta Besar Malaysia di Hanoi, Vietnam di samping menjalankan perbincangan halatuju kerjasama siasatan dengan pihak <i>Ministry of Public Security</i> . |

**KRONOLOGI PROSES SIASATAN DAN PERMOHONAN EKSTRADISI**

| BIL | TARIKH       | MAKLUMAT   |
|-----|--------------|--|
| 1.  | 19 Nov 2015  | Permohonan ekstradisi dari APMM telah dirujuk kepada Bahagian Pendakwaan Jabatan Peguam Negara.  |
| 2.  | 25 Nov 2016  | Mahkamah Tinggi Johor Bahru telah mengeluarkan waran tangkap terhadap 8 orang perompak bagi melengkapkan permohonan ekstradisi yang akan dihantar kepada pihak berkuasa Vietnam.   |
| 3.  | 1 Jun 2016   | Permohonan lengkap ekstradisi telah diserahkan oleh Unit Jenayah Transnasional Bahagian Pendakwaan Jabatan Peguam Negara kepada Kementerian Luar Negara untuk diserahkan kepada <i>Deputy Head Of International Law And Treaties Division, Department Of Legal Affairs, Ministry Of Public Security, Socialist Republic Of Vietnam</i> sebelum 10 Januari 2016 sebagai pihak berkuasa pusat Vietnam yang menguruskan ekstradisi. |
| 4.  | 30 Ogos 2016 | Pihak Malawakil di Hanoi memaklumkan bahawa permohonan ekstradisi Malaysia terhadap 8 orang perompak akan mula dibaca di <i>The Supreme People's Court Of Hanoi</i> pada 12 September 2016.  |
| 5.  | 12 Sep 2016  | <i>The Supreme People's Court Of Hanoi</i> telah memutuskan semua 8 orang perompak dan barang kes diserahkan kepada Malaysia.  |
| 6.  | 8 Nov 2016   | Penasihat Kedutaan Malaysia di Hanoi telah memaklumkan bahawa <i>Ministry of Public Security (MPS)</i> telah mengesahkan tempoh 15 hari proses ekstradisi OYDS merupakan 15 hari bekerja bermula dari tarikh keputusan rasmi penghakiman oleh <i>People's Court Of Hanoi (PC)</i> . Dalam hal ini, pihak PC dijangka akan mengeluarkan dokumen berkenaan pada 11 November 2016.  |
| 7.  | 22 Nov 2016  | Advance Team bersama wakil Kedutaan Malaysia di Hanoi Vietnam telah bermesyuarat bersama pihak MPS dan keputusannya adalah semua 8 orang perompak telah diputuskan untuk diserahkan kepada Malaysia. Semua 8 orang perompak akan di bawa balik dari Hanoi, Vietnam pada 270100G (waktu tempatan) dan di jangka tiba pada 270600H di Lapangan Terbang Senai.  |

## 1. PEMEBBASAN EMPAT NELAYAN MALAYSIA YANG DITANGKAP OLEH PIHAK INDONESIA



## 2. KRONOLOGI PEMEBBASAN EMPAT NELAYAN INDONESIA

| BIL | TARIKH         | MAKLUMAT   |
|-----|----------------|--|
| 1.  | 28 April 2016  | PMM Pangkalan Maritim Batu Pahat telah berjaya menahan sebuah vesel bersama 4 OYDS warga Indonesia yang disyaki terlibat dalam kejadian-kejadian peras ugut nelayan-nelayan Malaysia di persekitaran perairan Batu Pahat dan Pontian Johor. Salah seorang dari OYDS tersebut adalah anggota Direktorat Kepolisian Air Daerah Riau Republik Indonesia. Turut dirampas dalam kes ini adalah selaras senjata api berserta peluru dan wang tunai RM10 ribu. Kes disiasat di bawah Akta Imigresen dan Akta Senjata api.   |
| 2.  | 4 Mei 2016     | Pihak berkuasa Indonesia POLAIR pada 4 Mei 2016 telah menahan sebuah BNT bersama 5 orang nelayan dari Pontian Johor. Tindakan ini dipercayai sebagai tindak balas POLAIR susulan penahanan seorang anggotanya oleh APMM. Reaksi POLAIR dibimbangi akan menjadi lebih agresif untuk melakukan gangguan terhadap BNT.<br><br>Majlis Keselamatan Negara (MKN) berpandangan adalah wajar <i>engagement strategy</i> diambil bagi mengekang kejadian terus berlaku. Penahanan 1 anggota POLAIR boleh digunakan untuk membebaskan 5 nelayan Pontian Johor yang telah ditahan menggunakan prinsip pertukaran ( <i>trade in</i> ) sebagai asas untuk memulakan <i>engagement strategy</i> .                      |
| 3.  | 10 Mei 2016    | Satu perbincangan telah diadakan di MKN bagi membincangkan isu berkaitan kes Batu Pahat dan penahanan nelayan Pontian oleh pihak berkuasa Indonesia. Perbincangan ini telah dipengerusikan oleh Setiausaha Bahagian MKN manakala APMM diketuai oleh Timbalan Ketua Pengarah Operasi bersama 2 pegawai dari Cawangan Siasatan Jenayah Maritim. Perbincangan terdapat pandangan mencadangkan penahanan empat (4) warga Indonesia termasuk seorang anggota POLAIR di perairan Batu Pahat dijadikan sebagai pertimbangan bagi pelepasan lima (5) nelayan Pontian dan ianya perlu melibatkan peringkat tertinggi Indonesia khususnya SATGAS 115 yang di ketuai oleh Menteri Kelautan dan Perikanan Indonesia. |
| 4.  | 14 Jun 2016    | POC Kedutaan Indonesia telah memaklumkan kepada APMM bahawa kedua nelayan Sekinchan telah mendapat pengampunan dan menunggu dokumen Grasi ditandatangani oleh Presiden Indonesia.  |
| 5.  | 15-16 Jun 2016 | APMM telah mengadakan perbincangan bersama POC Kedutaan Indonesia bagi merangka pelan tindakan untuk penyerahan OYDS dan penerimaan nelayan yang dibebaskan seperti berikut:<br>Proses serah menyerah telah buat di atas KP LORY pada 161155H dengan menandatangani dokumen penyerahan dan penerimaan bermula dengan penerimaan dua (2) nelayan Pontian serta bot JHF 7195 B serta penyerahan 4 OYDS serta senjata bagi kes Batu Pahat. Seterusnya diikuti dengan penyerahan dan penerimaan dua (2) nelayan Sekinchan.   |

**KRONOLOGI PENAHANAN DUA ORANG PENYELAM WARGANEGARA ASING**

| BIL | TARIKH         | MAKLUMAT   |
|-----|----------------|--|
| 1.  | 29 Okt<br>2016 | <p>Terdengar suara jeritan dari bawah bangunan pos, mendapati 2 Orang bersama peralatan menyelam terdampar di bawah bangunan PABT.</p> <p>Menyelamatkan 2 Orang Penyelam Tersebut Dan Dibawa Naik Ke Atas Bangunan. Seorang Mengalami Luka Kecil Pada Tapak Tangan Dan Rawatan Diberikan Oleh Staf PABT.</p> <p>2 buah bot dari syarikat Nirwana Garden (Pulau Bintang, Indonesia) merapat di jeti PABT. Telah memaklumkan kepada PUSOP DM7 kejadian tersebut dan sedang menunggu arahan lanjut.</p> <p>Sebuah bot kecil merapat di jeti PABT dengan 2 kru dan membawa bahan api (minyak) untuk diberi kepada 2 buah bot yang merapat pada awalnya. Kesemua bot telah diarahkan beredar. 2 orang penyelam tersebut bersama peralatan menyelam ditahan untuk siasatan lanjut.</p> |



# EASTERN SABAH SECURITY COMMAND (ESSCOM)

## 1. PENGENALAN

Kawasan Keselamatan Khas Pantai Timur Sabah (ESSCOM) sedang berusaha untuk mengembalikan tahap keyakinan masyarakat negeri ini khususnya di Pantai Timur Sabah. Pelbagai program dan operasi keselamatan telah dilaksanakan bagi memastikan Pantai Timur Sabah berada dalam keadaan terkawal. ESSCOM diwujudkan pada 1 April 2013 selepas berlakunya insiden pencerobohan di Tandu, Lahad Datu awal tahun yang sama. ESSZONE meliputi 10 daerah yang meliputi 1,733.7 kilometer dari Kudat hingga ke Tawau. Daerah-daerah terbabit ialah Kudat, Kota Marudu, Pitas, Beluran, Sandakan, Kinabatangan, Lahad Datu, Kunak, Semporna dan Tawau.

## 2. PENCAPAIAN UTAMA

2.1 Laporan Pencapaian *Outcome* Program/Projek Pembangunan Jawatankuasa Kerja Penilaian Outcome (JKPO) 2016 di ICU JPM.

- a) ESSCOM adalah antara lima agensi JPM yang mencapai *Significantly Exceed Target (ST)*

## 3. PROGRAM/ AKTIVITI YANG MEMBERI IMPAK BESAR KEPADA RAKYAT

a) ESSCOM telah mengadakan Majlis Pertemuan ESSCOM bersama Pemimpin masyarakat Kg. Inderasabah pada 20 Februari 2016 bertujuan untuk menerangkan situasi semasa dan meneruskan agenda dan usaha bagi membanteras jenayah rentas sempadan selaras dengan tanggungjawab ESSCOM iaitu untuk menyelaras kawalan keselamatan di ESSZONE termasuk aktiviti penyeludupan, penculikan dan Pendatang Asing Tanpa Izin (PATI) melalui pelbagai mekanisme.

b) ESSCOM telah melancarkan kajian Populasi Profiling Masyarakat Bajau Laut atau Pala'U fasa ke-3 selama 6 hari di lima buah perkampungan air daerah Semporna bermula pada 10-16 Mac 2016. Kajian tertumpu di lima buah penempatan iaitu di daerah Semporna meliputi Kampung Bangau-bangau, Kampung Halo dan Pulau Tiga yang meliputi Kampung Manampilik, Kampung Sepanggau dan Kampung Nusa Tengah. Kajian ini bertujuan untuk mengemaskini dan melengkapkan data dan maklumat berkaitan taburan dan pergerakan masyarakat Pala'u termasuk jumlah penduduk dan ketua isi rumah di seluruh Zon Selamat Timur Sabah (ESSZONE) khususnya di daerah Semporna yang menjadi penempatan utama masyarakat ini bagi memudahkan pihak kerajaan negeri membuat perancangan dan resolusi mengenai masa depan.

c) ESSCOM telah mengadakan Majlis Berbuka Puasa Bersama Masyarakat pada 16 Jun 2016 di Masjid Nur Hidayah, Kampung Bangau-Bangau, Semporna. Bersempena itu, bantuan dan sumbangan telah diberikan kepada 50 golongan asnaf yang terdiri daripada warga emas dan golongan fakir di kawasan tersebut.

d) Dato' Seri Shahidan Kassim, Menteri Di Jabatan Perdana Menteri telah mengadakan lawatan ke Kawasan Zon Selamat Timur Sabah (ESSZONE) pada 22 September 2016 yang bertujuan untuk meninjau tahap kesiapsiagaan pasukan keselamatan dan aset-aset yang dimiliki oleh ESSCOM bagi memastikan ESSCOM berada ditahap yang terbaik untuk mengawal keselamatan perairan Pantai Timur Sabah.



Program engagement ESSCOM bersama masyarakat Kampung Inderasabah, Tawau pada 20 Februari 2016



Bancian Pala'u di Sekitar Pulau Semporna Pada 10 hingga 16 Mac 2016



Program Ihya Ramadan & Majlis Berbuka Puasa ESSCOM Bersama Masyarakat Masjid Kampung Bangau-Bangau Semporna Pada 16 Jun 2016



Lawatan Dato' Seri Shahidan Kassim Ke ESSZONE Pada 22 September 2016

## MAJLIS KESELAMATAN NEGARA

### 1. ARF WORKSHOP ON OPERATIONALISING CONFIDENCE BUILDING MEASURES FOR COOPERATION DURING CYBER-INCIDENT RESPONSE, KUALA LUMPUR, MALAYSIA, 2-3 MAC 2016

Bengkel *ASEAN Regional Forum Workshop on Operationalising Confidence Building Measures for Cooperation During Cyber-Incident Response* telah dipengerusikan secara bersama oleh Malaysia dan Kesatuan Eropah di Kuala Lumpur pada 2 hingga 3 Mac 2016. Bengkel ini membincangkan mengenai kepentingan kerjasama dan pembinaan keyakinan di kalangan Negara Peserta ARF semasa pengendalian insiden siber termasuk kerjasama sektor awam-swasta, perkongsian amalan pengurusan terbaik (*best management practice*) serta pengwujudkan *Points of Contact* bagi setiap Negara Peserta ARF. Satu *table top exercise* turut dilaksanakan semasa bengkel ini dimana senario serangan siber di peringkat rantau ARF telah disimulasikan

melibatkan tindak balas dari aspek polisi, teknikal, penguatkuasaan dan diplomasi. Seramai 130 orang peserta dari 19 buah Negara Peserta ARF telah menyertai bengkel ini. Selain menjadi pengerusi bersama, terdapat 3 orang wakil Malaysia turut menjadi *speaker* manakala 5 orang lagi telah menjadi *moderator* dalam sesi bengkel.



Bengkel dirasmikan oleh YBhg. Dato' Zahari Alias, Timbalan Ketua Pengarah I

### 2. NATIONAL CYBER COORDINATION AND COMMAND CENTRE (NC4) 25 OGOS 2016

Penyerahan Projek *National Cyber Coordination and Command Centre (NC4)* atau Pusat Kawalan dan Penyelarasan Siber Negara telah berlangsung pada 25 Ogos 2016. NC4 merupakan satu inisiatif Kerajaan di bawah Polisi Teras 7: *Cyber Security Emergency Readiness*, Dasar Keselamatan Siber Negara yang telah diluluskan pembangunannya dibawah Rancangan Malaysia ke-10. Ia bertujuan untuk memastikan tindak balas, komunikasi dan penyelarasan krisis siber yang bersepadu di peringkat nasional di antara agensi-agensi infrastruktur maklumat kritikal negara (CNII) sebelum, semasa dan selepas berlakunya krisis. Dengan tertubuhnya pusat ini, pelaporan, penyaluran maklumat serta tindak balas agensi-agensi CNII ke atas ancaman siber dapat dilaksanakan dengan lebih efisien dan pantas berdasarkan satu prosedur dan mekanisme nasional yang teratur dan seragam.



Ketua Pengarah Keselamatan Negara dan Timbalan Presiden Eksekutif TM melancarkan gimik penyerahan rasmi projek NC4

### 3. SIDANG MAJLIS KESELAMATAN NEGARA

Susulan berkuatkuasanya Akta Majlis Keselamatan Negara (MKN) pada 1 Ogos 2016, Sidang MKN telah dilaksanakan pada 20 September 2016. Berbeza daripada Sidang MKN yang telah diadakan sebelum ini, Sidang MKN ini berlangsung mengikut keahlian yang diwartakan seperti mana dalam Akta MKN 2016. Keahlian sidang MKN adalah terdiri daripada YAB Perdana Menteri (Pengerusi), YAB Timbalan Perdana Menteri, Menteri Dalam Negeri, Menteri Pertahanan, Menteri Komunikasi dan Multimedia,

Ketua Setiausaha Negara, Panglima Angkatan Tentera, Ketua Polis Negara dan Ketua Pengarah Keselamatan Negara sebagai setiausaha sidang. Manakala, Ketua Pengarah Penyelidikan, JPM dan Ketua Pengarah Bahagian Staf Perisikan Pertahanan, ATM turut dijemput sebagai ahli turut hadir dalam sidang berkenaan.

Sidang MKN kali ini telah membincangkan dasar dan isu-isu keselamatan semasa negara yang memerlukan perbincangan dan perkongsian pandangan daripada penggubal dasar dan agensi-agensi keselamatan yang berkaitan.



Sidang Majlis Keselamatan Negara pada 20 September 2016

### 4. KEHADIRAN KE INTERNATIONAL CONFERENCE ON NUCLEAR SECURITY: COMMITMENTS AND ACTIONS

MKN telah dijemput untuk mengadakan pembentangan pada *High Level Session* atau *Main Session di Nuclear Security Conference* pada 5 hingga 9 Disember 2016. Jemputan kepada MKN Malaysia adalah berdasarkan pengiktirafan *best practice* Malaysia melalui MKN, dalam mengkoordinasikan isu sekuriti Negara termasuk sekuriti nuklear. Penglibatan MKN adalah bertujuan memberi tauladan berkenaan kepentingan koordinasi oleh pihak berkenaan bagi pelaksanaan sekuriti nuklear dikalangan Negara Ahli oleh agensi pusat yang bertanggungjawab bagi perkara keselamatan dan



Pembentangan oleh MKN pada *Key Note Address* di *High Level Session*

keamanan Negara. Persidangan ini telah dihadiri oleh 1500 peserta dari seluruh Negara Ahli dan organisasi antarabangsa yang berkepentingan.

Malaysia adalah satu-satunya Negara di Asia Tenggara yang telah diberi penghormatan untuk melaksanakan pembentangan pada sesi *High Level Session* iaitu *High Level Session 5: Nuclear and Other Radioactive Material Out Of Regulatory Control: Existing Approaches, Emerging Trends And Areas To Be Addressed* dengan tajuk pembentangan *Institutionalizing Nuclear Security Detection Capabilities Within National Security Matters – Experience in Malaysia*.

#### **5. MALAYSIA - THAILAND CROSS BORDER EXERCISE ON NUCLEAR SECURITY EVENT**

MKN bersama-sama Lembaga Perlesenan Tenaga Atom (LPTA) dengan kerjasama Agensi Tenaga Atom Antarabangsa (IAEA) telah menganjurkan dan menjadi tuan rumah bersama kepada Malaysia - *Thailand Cross Border Exercise on Nuclear Security Event* di Alor Setar, Kedah Darul Aman, Sadao dan Songkhla, Thailand pada 31 Oktober hingga 4 November 2016.

MKN telah dilantik selaku Pengarah latih amal ini sesuai dengan peranan MKN selaku agensi peneraju utama dalam koordinasi jabatan-jabatan yang ditugaskan di sempadan Negara. MKN berperanan dalam mengkoordinasi dan melihat secara keseluruhan latih amal *table talk* peringkat Nasional (31 Oktober hingga 1 November 2016) dan latih amal *table talk* Malaysia Thailand (2 November 2016).

Acara ini telah dihadiri oleh 100 orang peserta daripada agensi kawalan / keselamatan sempadan Malaysia dan Thailand serta pemerhati



MKN turut mewakili Malaysia pada sesi *Panel Discussion: Systems and Measures for the detection of Materials out of Regulatory Control: Design and Implementation*

yang terdiri dari wakil agensi kerajaan negara ASEAN serta pakar dari IAEA untuk berkongsi pengalaman dalam membincangkan langkah-langkah bersesuaian bagi meningkatkan kecekapan dan keberkesanan operasi kawalan sempadan untuk menangani penyeludupan bahan nuklear dan radioaktif. Penganjuran acara ini adalah merupakan salah satu aktiviti Malaysia sebagai ahli di dalam ASEANTOM menerusi perancangan bagi tahun 2016.



Malaysia - Thailand Field Exercise di Sadao Custom House, Thailand pada 3 November 2016

JABATAN PERDANA MENTERI MALAYSIA LAPORAN TAHUNAN

# 2016



## PELBAGAI SEKTOR SOSIAL

## BAHAGIAN PENGURUSAN HARTANAH (BPH)

### 1. SEPINTAS LALU / PENGENALAN

Bahagian Pengurusan Hartanah (BPH) merupakan sebuah agensi Kerajaan Persekutuan di bawah Jabatan Perdana Menteri (JPM) yang bertanggungjawab terhadap pengurusan Kuarters Gunasama, Bangunan Gunasama Persekutuan dan Rumah Peranginan Persekutuan.

Sehingga 31 Disember 2016, BPH mengawal selia:

- i. 26,656 unit kuarters yang merangkumi lokasi Putrajaya, Kuala Lumpur, Petaling Jaya, Kuala Lumpur International Airport (KLIA), Tanjung Kupang dan Labuan;
- ii. 44 buah Bangunan Gunasama Persekutuan dan Terminal di seluruh Semenanjung Malaysia; dan
- iii. 12 buah Rumah Peranginan Persekutuan di dalam Negara serta 2 buah Rumah Peranginan Persekutuan di luar Negara.

### 2. PENCAPAIAN UTAMA

#### Kuarters

Sepanjang tahun 2016, BPH telah berjaya menawarkan kuarters kepada 3,219 orang penjawat awam sebagai sebahagian dari usaha Kerajaan dalam membantu meringankan beban kos sara hidup penjawat awam.

Selain itu, BPH pada tahun 2016 telah berjaya menyelenggara 1,220 unit kuarters kosong dan menggantikan 36 unit lif di Tanjung Kupang serta 6 unit lif di Presint 9, Putrajaya yang melibatkan perbelanjaan sebanyak RM16 juta. Secara keseluruhan, sebanyak RM120 juta telah dibelanjakan oleh Kerajaan melalui 3 agensi penyelenggaraan, iaitu Perbadanan Putrajaya, Jabatan Kerja Raya dan BPH bagi memastikan penjawat awam yang mendiami kuarters mendapat kemudahan yang selamat dan selesa.

BPH juga telah berjaya mengadakan sebanyak 54 program bersama komuniti penghuni kuarters seperti sesi dialog bersama penghuni, sesi *townhall* dan gotong-royong sepanjang tahun 2016. Program-program tersebut merupakan pembudayaan terhadap salah satu prinsip 'Merakyatkan Perkhidmatan Awam', iaitu prinsip turun padang. Program-program komuniti berkenaan berjaya memberi peluang kepada penghuni kuarters menyampaikan pendapat kepada BPH serta menjadi platform kepada

BPH untuk mewujudkan kesedaran mengenai tanggungjawab penghuni kuarters seperti menjaga kebersihan kawasan kuarters secara bersama.

#### Rumah Peranginan Persekutuan

Rumah Peranginan Persekutuan (RPP) telah berjaya memenuhi 10,189 tempahan sepanjang tahun 2016. Penginap-penginap RPP adalah terdiri daripada golongan penjawat awam dan juga pesara Kerajaan. Kadar penginapan (*occupancy rate*) keseluruhan RPP adalah sebanyak 36.4% dengan sumbangan hasil kepada Kerajaan sebanyak RM1,479,435.00.

#### Projek Pembangunan

Projek pembangunan Bangunan Gunasama Kerajaan Parcel F, Putrajaya telah bermula pada 24 Mei 2016 dan dijangka siap pada bulan November 2019. Projek tersebut terdiri daripada 10 buah blok yang mana apabila siap kelak akan menempatkan 12 buah agensi Kerajaan Persekutuan.

Selain itu, terdapat 2 projek pembangunan yang berada di peringkat awal pembinaan pada tahun 2016. Projek pembangunan Bangunan Gunasama Persekutuan Tunjong di Kota Bharu, Kelantan telah dimulakan dengan kerja-kerja tanah pada 1 September 2016 dan dijangka selesai pada 1 November 2017, manakala kerja-kerja awalan seperti pembersihan tapak untuk projek pembangunan Terminal Bersepadu Timur di Gombak pula telah berjalan sejak penghujung November 2016 dan projek ini dijangka akan bermula pada bulan Julai 2017.

#### Anugerah / Penarafan Diterima BPH

- Bangunan Sultan Iskandar (BSI) dan Johor Bahru Sentral (JB Sentral) di Johor telah menerima penarafan 1 *Star Energy Management Gold Standard* (EMGS) pada 6 Oktober 2016 di atas pelaksanaan sepenuhnya sistem pengurusan tenaga di kedua-dua bangunan tersebut.
- *The Lodge*, iaitu Rumah Peranginan Persekutuan Premier di Bukit Fraser telah berjaya menjadi Johan Pertandingan Landskap (Halaman Cantik) Peringkat Daerah Raub 2016.
- Menara Persekutuan Melaka telah menjadi johan Pertandingan Kurangkan Karbon 2016 Kategori Tenaga Elektrik (Februari - Jun 2016) yang telah dianjurkan oleh Majlis Perbandaran Hang Tuah dan *Malaysian Technology Corporation*.

## BAHAGIAN HAL EHWAL UNDANG- UNDANG (BHEUU)

### 1. PEMBANGUNAN PELAN TINDAKAN HAK ASASI MANUSIA KEBANGSAAN (*NATIONAL HUMAN RIGHTS ACTION PLAN*)

#### (a) Kunjungan Hormat BHEUU kepada Pengerusi Jawatankuasa Pembangunan NHRAP

BHEUU selaku *focal agency* pembangunan NHRAP telah melakukan kunjungan hormat kepada Kementerian/Agensi yang mengetuai 5 teras Jawatankuasa Teknikal NHRAP (JKT NHRAP). Usaha ini telah bermula pada tahun 2015 dan diteruskan pada tahun 2016. YBhg. Datuk Mohd Zuki Ali, Ketua Pengarah BHEUU pada 14 Julai 2016 (Khamis) telah mengadakan kunjungan hormat kepada YBhg. Dato' Azizan Mohamad Sidin, Timbalan Ketua Setiausaha (Perancangan) Kementerian Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah (KKLW). KKLW merupakan Pengerusi JKT NHRAP Teras 4 Hak Orang Asal / Asli. Kunjungan hormat tersebut telah membincangkan langkah dan skop yang bersesuaian untuk dimasukkan ke dalam NHRAP khususnya Teras 4.



YBhg. Datuk Mohd Zuki bin Ali, Ketua Pengarah BHEUU, JPM (pada ketika itu) dan YBhg. Dato' Azizan Mohamad Sidin, Timbalan Ketua Setiausaha (Perancangan) dalam sesi perbincangan di KKLW.

#### (b) Promosi pembangunan NHRAP

Beberapa aktiviti promosi pembangunan NHRAP telah dilaksanakan pada tahun 2016, antaranya sesi-sesi temu bual di rancangan televisyen dan radio. Antara sesi temu bual yang telah diadakan ialah:

- (i) YB Puan Hajah Nancy Shukri, Menteri di Jabatan Perdana Menteri (pada ketika itu) dalam rancangan Selamat Pagi Malaysia di RTM TV2 pada 16 Mac 2016 dan di Bernama Radio (Dalam Radar) pada 21 Mac 2016;



YB Puan Hajah Nancy Shukri, Menteri di Jabatan Perdana Menteri (pada ketika itu) bergambar bersama pengacara rancangan setelah menerima temu bual dalam rancangan Selamat Pagi Malaysia.



YB Puan Hajah Nancy Shukri, Menteri di Jabatan Perdana Menteri (pada ketika itu) berkongsi maklumat mengenai pembangunan NHRAP dalam Bernama Radio.

**(c) Legal Forum 4U & ME Siri 1 BERSAMA UNIVERSITI HELP**

Tarikh : 23 November 2016 (Rabu)  
 Tempat : *Lecture Theatre*, Universiti HELP di Kampus Subang 2  
 Tema : *Social Media and the Community*  
 Perasmian : YB Dato' Razali bin Ibrahim,  
 Oleh : Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri *Social Media Talk*



Ucapan Perasmian oleh YB Dato' Razali bin Ibrahim, Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri.

**2. GARIS PANDUAN PEMBANGUNAN FIZIKAL MAHKAMAH**

Seksyen Pembangunan, BHEUU telah menerbitkan sebuah Garis Panduan Pembangunan Fizikal Mahkamah (GP Mahkamah) yang akan bertindak sebagai dokumen rujukan kepada pegawai agensi Kerajaan, jurutera serta arkitek yang terlibat secara langsung dalam projek pembangunan Mahkamah.

Pada 16 Januari 2016, YB Hajah Nancy Shukri, Menteri di JPM telah melancarkan GP Mahkamah tersebut dan diedarkan kepada semua pihak-pihak yang berkepentingan.



Sesi bergambar bersama para jemputan dan peserta



Garis Panduan yang diterbitkan oleh BHEUU ini diharapkan dapat memudahkan dan mempercepatkan proses perancangan projek pembinaan mahkamah baharu atau naik taraf bangunan mahkamah



Majlis Pelancaran Garis Panduan Pembangunan Fizikal Mahkamah pada 16 Januari 2016

## BIRO TATANEGARA (BTN)

- VISI** : Peneraju Patriotisme Negara  
**MISI** : Penyampaian program kecemerlangan patriotisme melalui pendidikan, latihan, kesedaran dan perkongsian strategik.  
**Objektif** : Peningkatan pengetahuan dan kefahaman terhadap :
- i) Patriotisme dan Kenegaraan
  - ii) Dasar Kerajaan
  - iii) Isu-Isu Semasa
  - iv) Penghayatan Nilai-Nilai Murni

### 1. PERSIDANGAN ANTARABANGSA PEMBANGUNAN SOSIAL 2016 - SIRI 2 (INTERNATIONAL SOCIAL DEVELOPMENT CONFERENCE 2016)

Biro Tatanegara (BTN), JPM telah bekerjasama dengan Universiti Utara Malaysia bagi penganjuran Persidangan Antarabangsa Pembangunan Sosial 2016 pada 17 & 18 Ogos 2016 di Bayview Hotel, Langkawi, Kedah. Program itu telah menarik minat lebih 200 penyelidik dari dalam dan luar Negara dan membentangkan hasil kajian masing-masing. BTN tidak ketinggalan memberikan buah idea dengan menghantar 8 orang pegawai dari seluruh Malaysia termasuk Ketua Pengarah BTN YBhg. Datuk Hj. Ibrahim Saad sebagai pembentang. Isu yang diketengahkan dari pihak BTN adalah berkaitan patriotisme dan kenegaraan, perlembagaan persekutuan, politik semasa, ekonomi Malaysia, sistem sosial dan pendidikan negara. Persidangan ini dirasmikan oleh Timbalan Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat, Yang Berhormat Senator Datin Paduka Chew Mei Fun yang mewakili Menteri, Yang Berhormat Dato' Sri Rohani Abdul Karim.

### 2. PERTANDINGAN SELFIE #mypatriot2016 SEMARAK BULAN KEMERDEKAAN

Sebagai sebuah agensi yang menerapkan nilai patriotik, BTN telah bekerjasama dengan Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM) menganjurkan



Deligasi BTN diketuai oleh YBhg. Datuk Hj. Ibrahim Saad, Ketua Pengarah BTN bergambar bersama pegawai BTN yang lain dimana mereka juga membentangkan hasil kajian dan dapatan mereka.



YBhg. Datuk Hj. Ibrahim Saad membentangkan dapatan beliau dan dikongsi bersama para ilmuwan yang lain.

Pertandingan Selfie #mypatriot2016. Program ini bermula pada bulan Jun sehingga September 2016 dan membuka penyertaan kepada seluruh rakyat Malaysia berumur dari 16 hingga 25 tahun. Majlis penyampaian hadiah kepada pemenang telah diadakan pada 10 Oktober 2016 dan disempurnakan oleh Menteri di JPM iaitu Dato' Seri Azalina Othman Said di perkarangan Ibu Pejabat BTN, Kompleks Jabatan Perdana Menteri. Seramai 10 orang peserta pertandingan yang menang diraikan bersama pengarah-

LAPORAN TAHUNAN **2016**

pengarah bahagian dan negeri serta seluruh warga BTN di Ibu Pejabat. Pada majlis berkenaan juga berlangsung penyampaian hadiah bagi pertandingan keceriaan pejabat sempena Bulan

Kemerdekaan serta penyampaian surat tawaran perjawatan tetap kepada pekerja kontrak yang telah berkhidmat lebih 15 tahun.



YB. Dato' Seri Azalina, Menteri Di Jabatan Perdana Menteri menyampaikan Piala Pusingan Pertandingan Keceriaan Pejabat sempena Bulan Kemerdekaan tahun 2016.



Antara Pengarah Bahagian dan Pengarah Negeri yang hadir pada Majlis Penyampaian Hadiah kepada pemenang Pertandingan Selfie MyPatriot2016.



YB. Dato' Seri Azalina Othman Said bergambar bersama pemenang Pertandingan Selfie MyPatriot2016 di perkarangan pejabat BTN. Hadir sama Pengarah Bahagian dan Pengarah Negeri dari seluruh Malaysia.

### 3. MERDEKA FUN RIDE 2016

BTN telah melaksanakan program bagi menyemarakkan Bulan Kemerdekaan dengan penganjuran Program Kayuhan Patriotik Merdeka Fun Ride 2016. Program ini berlangsung secara berperingkat dari bulan Julai 2016 sehingga September 2016 melibatkan semua 13 negeri dan Wilayah Persekutuan Putrajaya dan menerima penyertaan lebih 30,000 orang. Penyertaan teramai adalah ketika berlangsungnya program

*Merdeka Fun Ride* di Putrajaya apabila hampir 4,000 orang pengayuh menyertainya. Dalam setiap program yang dilaksanakan, pelbagai pengisian lain bagi menarik penyertaan juga dari segenap umur dalam kalangan masyarakat Malaysia seperti pertandingan mewarna bagi kanak-kanak, cabutan bertuah, sukan rakyat dan kuiz kenegaraan.



Lautan manusia membanjiri perkarangan Istana Kehakiman menyertai Program Kayuhan Merdeka Fun Ride 2016 Peringkat Putrajaya pada 28 Ogos 2016



Program Kayuhan *Merdeka Fun Ride 2016* di Hentian Rehat dan Rawat Sungai Rambai, Melaka. Hadir sama pada program berkenaan Naib Canselor Universiti Teknikal Malaysia Melaka (UTEM)



Pemenang cabutan bertuah dan sebahagian daripada peserta dan urus setia bergambar kenangan di Perkarangan Istana Kehakiman, Putrajaya selesai sahaja program berkenaan.

#### 4. KAYUHAN DIRAJA PERLIS 2016

Kayuhan Diraja Perlis 2016 dianjurkan lagi buat kali kedua selepas kejayaan penganjurannya pada siri pertama tahun 2015. Pada kali ini, BTN telah bekerjasama dengan Majlis Agama Islam Perlis (MAIPs) dalam program kembara bersama YTM Raja Muda Perlis, Tuanku Syed Faizuddin Putra Ibnu Tuanku Syed Sirajuddin Jamalullail. Program telah berlangsung pada 28 Februari 2016 dengan jelajah secara berbasikal sekitar Daerah Arau, Perlis. Program kali ini berjaya menghimpunkan seramai

lebih 1,500 pengayuh yang dipecahkan kepada dua kelompok besar. Bagi kelompok VVIP, mereka menjelajah ke kampung-kampung bersama YTM Raja Muda Perlis, Ketua Pengarah BTN dan Pengarah MAIP menyampaikan bantuan kepada mereka yang dalam kesusahan. Dalam masa yang sama YTM Raja Muda Perlis dapat beramah mesra dengan rakyat jelata dan mendekati institusi istana dengan masyarakat sekitar.



YTM Raja Muda Perlis bersama Ketua pengarah BTN dan peserta kayuhan yang lain melalui taman perumahan, kampung dan bendang dalam Program Kayuhan Diraja Perlis 2016.



YTM Raja Muda Perlis bersama Ketua Pengarah BTN dan peserta kayuhan yang lain melalui taman perumahan, kampung dan bendang dalam Program Kayuhan Diraja Perlis 2016.



YTM Raja Muda Perlis menyampaikan sumbangan kepada golongan asnaf yang layak selepas saringan oleh Majlis Agama Islam Perlis (MAIPs).



YTM Raja Muda Perlis beramah mesra dengan rakyat jelata bagi mendekati institusi istana dengan rakyat.

# BIRO PENGADUAN AWAM (BPA)

## PENCAPAIAN BPA TAHUN 2016

### 1. Seminar Pengurusan Aduan Awam 2016

Biro Pengaduan Awam (BPA) telah berjaya menganjurkan seminar tahun 2016 di Pusat Konvensyen Antarabangsa Putrajaya (PICC) pada 17 Mei 2016. Seminar ini telah disempurnakan perasmianya oleh YB Senator Datuk Paul Low Seng Kuan, Menteri di Jabatan Perdana Menteri. Seminar ini adalah acara tahunan BPA yang menghimpunkan semua Pegawai Perhubungan Awam dan Penyelaras Aduan seluruh Malaysia untuk bersama-sama berkongsi maklumat serta pengurusan aduan yang terbaik. Tema Seminar Pengurusan Aduan kali ini adalah **"Aduan Menjana Inovasi, Rakyat Sejahtera"**.

BPA turut melancarkan saluran aduan yang baharu dikenali sebagai 'Rakyat Responz'. 'Rakyat Responz' ini merupakan aplikasi mobil yang terbaharu diperkenalkan kepada umum. Aplikasi ini merupakan platform terbaharu yang diperkenalkan bagi membolehkan rakyat menyalurkan aduan, cadangan, pertanyaan serta penghargaan terhadap perkhidmatan awam. 'Rakyat Responz' juga akan menjadi saluran tunggal yang komprehensif dalam penyaluran aduan kepada agensi kerajaan.

Selain itu, BPA turut memberikan sijil penghargaan kepada Kementerian dan Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri sebagai menghargai peranan dan usaha mereka dalam menyelesaikan aduan dengan cemerlang sepanjang tahun 2016. Sebanyak 9 Kementerian dan 6 Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri telah menerima Sijil Penghargaan Pengurusan Aduan Cemerlang Tahun 2015.

### 2. AKTIVITI TURUN PADANG

Pada tahun 2016, BPA mula membuat aktiviti turun padang ke atas beberapa agensi yang memberikan perkhidmatan terus kepada rakyat. Agensi-agensinya tersebut adalah Jabatan Imigresen, Jabatan Pengangkutan Jalan dan Hospital Putrajaya. Selain itu, BPA turut turun padang melihat sendiri masalah yang dihadapi oleh penghuni rumah Projek Perumahan Rakyat

(PPR) di Kota Damansara serta di Flat Bukit Angkasa, Kuala Lumpur.

Tinjauan ini diadakan adalah untuk mendapatkan gambaran sebenar isu yang dibangkitkan oleh orang awam. Antara isu yang dibangkitkan adalah orang ramai beratur terlalu awal di beberapa premis Jabatan Imigresen dan Jabatan Pengangkutan Jalan, isu kekurangan parkir di Hospital Putrajaya, isu kerosakan lif di PPR serta isu Pesuruhjaya Bangunan (COB) di Flat Bukit Angkasa. Justeru, beberapa siri perbincangan telah diadakan antara BPA dengan agensi berkenaan bagi mendapatkan penjelasan serta jalan penyelesaian bagi mengatasi masalah ini.

Bagi memaklumkan kerajaan mengenai perkara ini, kertas-kertas pertimbangan yang mengandungi hasil tinjauan serta cadangan penyelesaian telah diangkat ke Mesyuarat Jawatankuasa Tetap Pengurusan Aduan yang dipengerusikan oleh Yang Berbahagia Tan Sri Ketua Setiausaha Negara pada 10 Oktober 2016.

### 3. PENGLIBATAN BPA DI ASIAN OMBUDSMAN ASSOCIATION

BPA telah menghadiri dua (2) Mesyuarat Lembaga Pengarah Asian Ombudsman Association pada 7 Mac 2016 di Tokyo, Jepun dan pada 10 Ogos 2016 di Kazan, Tatarstan.

Semasa mesyuarat di Tokyo, Jepun sebanyak 19 perkara telah dibincangkan dan 11 daripadanya telah diluluskan sementara 3 perkara lagi akan dibawa ke perhimpunan agung akan datang termasuk kertas cadangan 'Deklarasi Islamad'. Selain itu, turut diadakan *International Forum* yang membincangkan mengenai *good governance* dalam pentadbiran kerajaan harus mencakupi perkara-perkara berkaitan dengan *transparency, accountability, responsibility* dan *fairness*.

Mesyuarat di Kazan, Tatarstan pula membincangkan mengenai pertambahan ahli dalam AOA serta penganjuran seminar yang akan diadakan di Korea Selatan pada Mei 2017.

LAPORAN TAHUNAN **2016**



*Mystery Shopping* di JPJ KL - Orang ramai mula beratur walaupun kaunter masih belum beroperasi



*Mystery Shopping* di Jabatan Imigresen - Orang awam telah membanjiri Jabatan Imigresen untuk mendapatkan nombor giliran



*Mystery Shopping* di JPJ - hanya beberapa kaunter sahaja yang beroperasi



*Mystery Shopping* di Pejabat Imigresen - seawal jam 7.00 pagi, orang ramai mula beratur untuk mendapatkan nombor giliran



YB Senator Datuk Paul Low Seng Kuan telah melancarkan maskot BPA yang dikenali sebagai BeePA dan juga aplikasi mobil BPA, 'Rakyat Responz'



Tetamu kehormat bergambar bersama penerima Sijil Penghargaan Pengurusan Aduan Cemerlang Tahun 2015 (Kategori Tinggi)



Tetamu kehormat bergambar bersama penerima Sijil Penghargaan Pengurusan Aduan Cemerlang Tahun 2015 (Kategori Sederhana)



Tetamu kehormat bergambar bersama penerima Sijil Penghargaan Pengurusan Aduan Cemerlang Tahun 2015 (Kategori Rendah)



Tetamu kehormat bergambar bersama penerima Sijil Penghargaan Pengurusan Aduan Cemerlang Tahun 2015 Peringkat Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri



Dato' Nadzim Johan, Presiden Persatuan Pengguna Islam Malaysia (PPIM) sedang memberi penjelasan kepada peserta seminar



Moderator sedang memperkenalkan ahli panel sesi kedua, Encik Khairul Fahmi Che Mat kepada peserta seminar

# INSTITUT LATIHAN KEHAKIMAN DAN PERUNDANGAN (ILKAP)

## SEPINTAS LALU / PENGENALAN

ILKAP di bawah naungan JPM berperanan bagi menyediakan latihan yang relevan, sistematik dan terancang dalam meningkatkan pengetahuan, kepakaran dan kualiti perkhidmatan pegawai kehakiman dan perundangan serta pegawai penguatkuasa. Beroperasi secara rasmi sejak 23 Disember 1996, ILKAP telah memberikan impak positif dalam mewujudkan perkhidmatan yang adil, cekap dan berkesan dalam bidang kehakiman, perundangan dan penguatkuasaan undang-undang.

## PENCAPAIAN UTAMA

Sepanjang tahun 2016, ILKAP telah mencatatkan beberapa pencapaian yang membanggakan seperti berikut:

### (a) PEMBANGUNAN MODAL INSAN

Pada tahun 2016, sebanyak 101 kursus telah dilaksanakan yang melibatkan 2,991 orang peserta terdiri daripada pegawai kehakiman dan perundangan serta pegawai penguatkuasa. Antara kursus yang menerima sambutan hangat adalah *Course On Crime Scene Evidence And Investigation*, Seminar Mengenai Isu Murtag, Seminar Media Sosial : Cabaran Dan Penggunaan Dalam Organisasi Kerajaan dan Kursus Khas Jenayah Siber. ILKAP juga telah menganjurkan kursus di bawah program Institut Latihan Awam (ILA) bagi meningkatkan kemahiran dan pengetahuan warganya seperti Bengkel Andragogi.

### (b) ILKAP SPEAKER SERIES (ISS)

Tanggal 17 Oktober 2016 dengan tajuk *"AG's Perspectives On Article 5 Of The Federal Constitution In This Challenging Borderless World"*, ILKAP telah berjaya menganjurkan ISS 2016 yang disampaikan oleh Tan Sri Dato' Sri Haji Mohamed Apandi bin Ali, Peguam Negara. ISS kali ini telah dihadiri oleh lebih 250 orang peserta. ISS 2016 juga turut dihadiri oleh YBhg. Tan Sri Dato' Sri Khalid Abu Bakar, Ketua Polis Negara dan YAA Tan Sri Dato' Seri Zulkefli bin Ahmad Makinudin, Hakim Besar Malaya.



SS Datuk Dr. Zulkifli bin Mohamad Al-Bakri, Mufti Wilayah Persekutuan membentangkan kertas kerja semasa Seminar Mengenai Isu Murtag.



Polis Diraja Malaysia (PDRM) turut dijemput berkongsi pengalaman dalam Kursus Khas Jenayah Siber.

### (c) MERAKYATKAN PERKHIDMATAN

Menyahut seruan YBhg. Tan Sri Ketua Setiausaha Negara yang juga Pengerusi Lembaga Pengurusan ILKAP, sebanyak 3 program turun padang atau *outreach* telah dilaksanakan di seluruh Malaysia iaitu di Sandakan, Alor Setar dan Pengerang. Seminar Mengenai Hak dan Isu-Isu Wanita dan Kanak-Kanak menjadi fokus program dan ia telah menarik minat lebih 1,200 orang peserta daripada pelbagai latar belakang seperti kakitangan kerajaan, badan bukan kerajaan (NGO), ibu tunggal dan banyak lagi. Pelaksanaan program *outreach* ini telah diletakkan sebagai salah satu Penunjuk Prestasi Utama (KPI) Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan ILKAP telah mencapai 100% KPI yang telah ditetapkan.



Tan Sri Dato' Sri Haji Mohamed Apandi bin Ali, Peguam Negara diiringi oleh Dato' Anita Harun, Ketua Pengarah ILKAP ke auditorium ILKAP semasa ISS 2016.



YB Dato' Sri Hajah Nancy Shukri melawat gerai jualan semasa Seminar Mengenai Hak dan Isu-Isu Wanita dan Kanak-Kanak di Alor Setar.



YBhg. Tan Sri Peguam Negara bersama tetamu jemputan dan para peserta seusai memberi syarahan dalam ISS 2016.



YB Dato' Sri Azalina Othman Said menyampaikan sumbangan kepada ibu tunggal dalam Seminar Mengenai Hak dan Isu-Isu Wanita dan Kanak-Kanak di Pengang.

#### (d) PENGANTARABANGSAAN ILKAP

Dalam meningkatkan kualiti latihan, ILKAP turut menjemput penceramah terkemuka dari luar negara. Perkongsian ilmu dan amalan undang-undang yang efektif dari pihak luar banyak memberi manfaat kepada para peserta kursus seperti di dalam *Workshop on Aviation Law: Domestic and Regional Air Passenger Rights Regime* dan *Workshop on Evaluating Truth and Credibility*. ILKAP juga menerima lawatan delegasi dari negara asing seperti Maldives yang diketuai oleh Ketua Hakim Maldives .

#### (e) STRATEGI LAUTAN BIRU KEBANGSAAN (NBOS)

ILKAP menjadi salah satu ILA yang sentiasa menjadi pilihan agensi Kerajaan dan swasta untuk menganjurkan latihan dan aktiviti sukan kerana memiliki fasiliti lengkap untuk pelbagai acara. *Inisiatif 1Malaysia Training Centre (1MTC)* di bawah NBOS telah menaikkan imej ILKAP. Sepanjang tahun 2016, seramai lebih 4,000 peserta telah menggunakan kemudahan di ILKAP. Antara agensi Kerajaan yang telah menggunakan fasiliti di ILKAP adalah Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM), Suruhanjaya Pengangkutan Awam Darat (SPAD) dan banyak lagi.

**(f) TANGGUNGJAWAB SOSIAL KORPORAT (CSR)**

ILKAP turut tidak lupa melaksanakan CSR bagi berkongsi kebahagiaan dengan masyarakat sekitar. Lawatan ke Pusat Jagaan dan Rawatan Orang Tua Al-Ikhlas, Puchong dan Wad Pediatrik

Hospital Shah Alam telah berjaya merapatkan hubungan kakitangan ILKAP dengan insan-insan yang kurang bernasib baik.



Perkongsian kepakaran bersama penceramah luar negara dalam *Workshop on Evaluating Truth and Credibility*.



Delegasi dari Maldives bersama Pengurusan Tertinggi ILKAP.



Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) telah menggunakan kemudahan ILKAP sempena Simposium Perintah Khidmat Masyarakat.



Lawatan ke Wad Pediatrik, Hospital Shah Alam merupakan salah satu aktiviti CSR warga ILKAP kepada masyarakat.

## JABATAN INSOLVENSIA MALAYSIA (Mdi)

### SEPINTAS LALU

Jabatan Insolvensi Malaysia (Mdi) merupakan sebuah agensi kerajaan yang berperanan untuk mentadbir hal ehwal kes-kes kebangkrutan dan hal ehwal seseorang bankrap. Di samping itu, Mdi juga mentadbir hal ehwal syarikat yang telah digulungkan, dan pertubuhan serta kesatuan sekerja yang telah dibatalkan pendaftarannya. Aktiviti teras Mdi melibatkan penzahiran dan penghasilan harta sibankrap, menentusahkan tuntutan yang difailkan oleh pemiutang dan seterusnya mengagihkan hasil yang diperoleh kepada pemiutang.

### PENCAPAIAN UTAMA

Selaras dengan Pelan Transformasi Kerajaan, Mdi telah melaksanakan Transformasi Jabatan bagi mencapai visi iaitu menjadi sebuah agensi terunggul dan bertaraf dunia dalam pengurusan insolvensi menjelang 2020. Pada tahun ini, Mdi masih mengekalkan tema strategik iaitu KEGEMILANGAN PERKHIDMATAN dengan slogan '*Insolvency Made Easy*'.

Aktiviti utama Mdi pada tahun 2016 telah dimulakan dengan pelancaran portal perkhidmatan E-Insolvensi. Ianya telah secara rasminya dilancarkan dan dirasmikan oleh YB Dato' Sri Hajah Nancy Hj Shukri pada 25 Februari 2016. E-Insolvensi merupakan suatu modul perkhidmatan yang terkandung di dalam Sistem Insolvensi Bersepadu (INSIST) dan sistem pentadbiran kes Jabatan Insolvensi Malaysia. Portal E-Insolvensi ini dibangunkan bertujuan untuk memudahkan urusan perkhidmatan para pelanggan dengan Mdi. Portal ini menyediakan perkhidmatan Carian Status Kebankrapan dan Penggulangan Syarikat.

Selain daripada itu, pada tahun 2016 juga, Mdi telah melancarkan Pelan Strategik 2016 - 2020 yang telah dirasmikan oleh Ketua Pengarah Insolvensi pada 29 April 2016. Pelan Strategik ini dirangka bagi menentukan halatuju Mdi dalam era globalisasi dan informasi. Penetapan teras-teras strategik dirangka berdasarkan visi, misi dan matlamat Jabatan yang bertujuan untuk membolehkan ia terus relevan dengan keperluan semasa, kehendak pihak yang berkepentingan dan pelanggan yang kian meningkat serta senantiasa berubah.

Mdi senantiasa berusaha untuk memberikan perkhidmatan yang terbaik kepada pelanggan, khususnya dalam pentadbiran dan pengurusan kebangkrutan. Sehubungan dengan itu, berlandaskan

konsep mesra pelanggan, Mdi buat julung-julung kalinya telah menganjurkan program Hari Bersama Mdi secara serentak seluruh Negara pada 17 November 2016. Program ini telah berjaya meningkatkan hubungan baik diantara Mdi dan pelanggan. Di samping itu ianya juga telah menambah baik hubungan dan kerjasama di antara Mdi dan stakeholder.

Sebagai penutup bagi tahun 2016, RUU Kebankrapan (Pindaan) 2016 telah dibentangkan untuk bacaan kali pertama di Parlimen pada 21 November 2016 dan bagi tujuan pindaan tersebut Mdi juga telah mengadakan satu sesi Pre Council bersama Ahli Parlimen Barisan Nasional (BNBBC) telah di Bangunan Sementara, Parlimen Malaysia pada 22 November 2016.

### Pelancaran e-Insolvensi oleh Dato' Sri Hajah Nancy Shukri pada 26 Februari 2016



**Pelancaran Pelan Strategik 29 April 2016 oleh Y.Bhg Datuk Abdul Rahman Putra bin Dato' Hj Taha**



**Pelancaran Hari Bersama Mdl pada 17 November 2016 di Terminal Bersepadu Selatan (TBS)**



**Sesi Pre-Council Bersama Yang Berhormat Ahli Parlimen *Barisan Nasional* BackBenchers Council (BNBBC) pada 22 November 2016**



## JABATAN PERANGKAAN

### MALAYSIA SEBAGAI TUAN RUMAH PENGANJURAN WORLD STATISTICS CONGRESS KE-62 DI KUALA LUMPUR PADA 2019

Malaysia telah dipilih sebagai tuan rumah untuk menganjurkan *International Statistical Institute - World Statistics Congress (ISI-WSC)* yang ke-62 pada tahun 2019. Satu Majlis Menandatangani Perjanjian bagi penganjuran kongres ISI-WSC 2019 di antara kerajaan yang diwakili oleh Jabatan Perangkaan Malaysia dan *International Statistical Institute* telah disempurnakan pada 14 November 2016 oleh YBhg. Datuk Dr. Hj. Abdul Rahman Hasan, Ketua Perangkawan Malaysia dan Mr Pedro De Silve, Presiden of *International Statistical Institute* serta disaksi oleh YBhg. Datuk Muhammad Ibrahim, Gabenor Bank Negara. ISI-WSC ini bakal dianjurkan oleh Jabatan Perangkaan Malaysia dengan kerjasama Bank Negara Malaysia dan Institut Statistik Malaysia serta sokongan *Malaysia Convention & Exhibition Bureau (MyCEB)*.

Penganjuran kongres berprestij dunia ini merupakan julung kalinya diadakan di Malaysia. Kejayaan Malaysia menjadi tuan rumah untuk persidangan ISI-WSC 2019 secara langsung dapat mempertingkatkan literasi statistik di dalam negara. Persidangan WSC 2019 disasarkan akan menarik lebih 3,000 peserta dari dalam dan luar negara.

Majlis menandatangani Perjanjian ISI-WSC 2019 ini turut dihadiri oleh *Presiden Elect, International Statistical Institute (ISI)*, Professor Helen MacGillivray; YBhg. Tan Sri Abdul Wahid Omar,

Pengerusi Kumpulan Permodalan Nasional Berhad yang merupakan mantan Menteri di Jabatan Perdana Menteri; Prof Datuk Dr Raduan Che Rose, Ketua Pegawai Eksekutif Majlis Profesor Negara serta wakil rakan strategik, penganalisis terpilih industri dan agensi kerajaan berkaitan.

### STATISTICS DATA WAREHOUSE (STATSDW)

Pada 30 Jun 2016, Jabatan Perangkaan Malaysia (DOSM) telah berjaya melancarkan *Statistics Data Warehouse (StatsDW)*. StatsDW merupakan *Enterprise Data Warehouse* yang menyimpan data siri masa seawal 1974 yang disusun oleh DOSM. Prasarana ini menyediakan platform interaktif melalui *eDataBank*. *Data Visualisation* dan *Location Intelligence* di mana pengguna umum boleh meneroka dan menggunakannya secara bebas mengikut keperluan mereka. Fasiliti StatsDW ini boleh diakses secara percuma melalui portal DOSM.

*eDataBank* merupakan bank data elektronik Jabatan Perangkaan Malaysia (DOSM). Pengguna boleh menyusun jadual dan graf mereka sendiri serta mengeksport jadual ini dalam format fail yang berbeza. Maklumat yang diakses, boleh dimuat turun dan dicetak. Visualisasi seperti ini memberi gambaran yang lebih jelas mengenai bagaimana data penting dalam bidang tertentu berinteraksi.

*Location Intelligence* digunakan bagi memaparkan statistik berkaitan lokasi melalui peta interaktif, carta dan graf.



YBhg. Datuk Dr. Abdul Rahman dan Pedro Silva berjabat tangan pada Majlis Menandatangani Perjanjian Kongres ISI World Statistics ke-62. Turut hadir adalah (dari kiri) Presiden Institut Statistik Malaysia, Prof. Dr. Kamarulzaman Ibrahim; Datuk Muhammad Ibrahim, Gabenor Bank Negara dan bakal Presiden International Statistical Institute, Prof Helan Mac Gillivray.



YBhg. Datuk Dr. Abdul Rahman melancarkan *Statistics Data Warehouse (StatsDW)*.

# PERMATA

## SEPINTAS LALU / PENGENALAN

*"Children are the nation's foundation, and the needs of civilisation's sustainability. They are valuable assets to nation building, helping to realise our vision and to shape the nations future growth and progress."*

YABhg. Datin Paduka Seri Hjh. Rosmah Mansor  
Wife of the Honourable Prime Minister  
Patron of the PERMATA Programmes

### Mengenai PERMATA

PERMATA Negara mula dilaksanakan pada tahun 2007, hasil dari pemerhatian yang dibuat pada program asuhan dan didikan awal kanak-kanak di negara-negara maju seperti Perancis, Amerika Syarikat, Australia dan New Zealand. Daripada pemerhatian, didapati negara-negara maju telah lebih awal memberikan penekanan kepada kaedah 'pembelajaran yang menyeronokkan' dan didikan mengikut kecenderungan kanak-kanak terbabit.

Sehubungan itu, kurikulum PERMATA telah pun digubal dengan diadaptasi dari model *Pen Green Centre* sebagai contoh amalan terbaik dan kemudiannya disesuaikan dengan budaya masyarakat setempat dan Falsafah Pendidikan Negara bagi memantapkan lagi kandungannya. Tema 'Setiap Anak PERMATA Negara' juga telah dipilih untuk menggambarkan kesungguhan kerajaan dan agensi-agensinya pelaksana untuk menggubal satu dasar pendidikan awal kanak-kanak yang bersepadu dan menyeluruh. Hasil dari kesungguhan

ini, Dasar Asuhan dan Didikan Awal Kanak-kanak Kebangsaan juga telah diluluskan oleh kerajaan ke arah menyediakan pendidikan yang sempurna dan berkualiti dan menyeluruh kepada kanak-kanak.

### Bagaimanakah Kami Bermula

Penggerak utama yang mendorong kepada tercetusnya idea untuk menjalankan **Projek Perintis PERMATA Negara** ini datangnya daripada **YABhg. Datin Paduka Seri Rosmah Mansor** bersama kumpulan beberapa orang profesional, pendidik, ahli akademik, pakar perubatan, pegawai polis, peguam, pegawai-pegawai kerajaan bagi membincangkan cadangan penyelesaian kepada masalah dan gejala sosial yang kian melanda para remaja yang sungguh membimbangkan.

Perbincangan profesional dalam pelbagai bidang, kepakaran dan latar belakang ini telah senada bahawa proses pembentukan insan yang cemerlang seharusnya dimulakan sejak awal bagi dan ianya akan lebih berkesan sekiranya dimulakan sejak lahir. Inilah yang telah membawa kepada lahirnya sebuah konsep yang begitu murni iaitu dengan menganggap bahawa setiap anak yang dilahirkan di bumi Malaysia yang bertuah ini adalah sebutir permata untuk negara yang akan bersinar menerangi kegemilangan negara di masa akan datang. Dari ini lahirlah "Setiap Anak PERMATA Negara" bagi menzahirkan suatu hasrat untuk memastikan setiap anak sejak dari awal lagi mendapat peluang permulaan hidup yang terbaik.

| BIL | TARIKH         | PENCAPAIAN<br>(Program/Aktiviti/ Anugerah Dsb.)   | TEMPAT  |
|-----|----------------|---|---|
| 1   | 09/03/2016     | Lawatan Ibu Ari Haryati, Isteri kepada Menteri Desa, Pembangunan Wilayah Tertinggal dan Transmigrasi Republik Indonesia   | PAPN Putrajaya                                |
| 2   | 25 - 27/3/2016 | Pro Youth Perkasa Remaja  | Kem Bina Negara Meru Klang                    |
| 3   | 31/03/2016     | Majlis Perasmian Pusat PERMATA Kurnia oleh YAB Dato' Sri Mohd Najib Tun Abdul Razak, Perdana Menteri Malaysia bersama YABhg. Datin Sri Rosmah Mansor, Penaung Program PERMATA | Pusat PERMATA Kurnia, Sentul, WP Kuala Lumpur |

| BIL | TARIKH             | PENCAPAIAN<br>(Program/Aktiviti/ Anugerah Dsb.)   | TEMPAT   |
|-----|--------------------|---|--|
| 4   |                    | Lawatan Madam Fathimath Ibrahim, Wife of President of Republic Maldives   | PAPN Putrajaya   |
| 5   |                    | Perasmian Kompleks PERMATA Insan oleh YAB Dato' Sri Mohd Najib Tun Abdul Razak, Perdana Menteri Malaysia bersama YABhg. Datin Sri Rosmah Mansor, Penaung Program PERMATA  | USIM   |
| 6   | 31/05 - 02/06/2016 | PERMATA International Conference  | PWTC   |
| 7   | 28/11 - 17/12/2016 | Kem PERKASA Remaja Siri 9/2016  | Pusat Latihan Kor Kadet Polis Tentera DiRaja (PULAPOT), Kuala Lumpur |
| 8   | 09/12/2016         | Lawatan Delegasi Bangladesh ke Bahagian PERMATA   | Bahagian PERMATA, Menara Usahawan                                    |
| 9   | 27/11 - 10/12/2017 | Kem PERMATA Insan 2/2016  | Kolej PERMATA Insan, USIN  |
| 10  | 17/08/2016         | Lawatan Peserta International Association For Talent Development Conference 2016  | Kolej PERMATA Insan, USIM  |
| 11  | 29/05 - 04/06/2016 | Kem PERMATA Insan 1/2016  | Kolej PERMATA Insan, USIM  |
| 12  | 20/05/2016         | Pelajar Kolej PERMATA Insan, Ahmad Al-Atif b. Ahmad Subki (Ting. 2) menyanggah juara pertandingan syarahan dalam Bahasa Arab mengalahkan 9 calon dari 7 buah Universiti (pelajar Sarjana Muda) dan 2 buah sekolah agama (pelajar menengah).<br><br>Pelajar Kolej PERMATA Insan, Mohamad Imran Ihtisyam Mohd. Najib (Ting. 1) menyanggah tempat ketiga pertandingan penyampaian khutbah dalam Bahasa Arab mengalahkan 5 calon dari 5 buah Universiti (Pelajar Sarjana Muda). | Universiti Malaya  |
| 13  | 09/11/2016         | Pelajar Kolej PERMATA Pintar, Siti Norhafiza Jahaya yang sedang mengikuti pengajian di Arizona State University, US telah terpilih mendapat biasiswa Perdana Scholar Award.   | US   |
| 14  | 12/10/2016         | Lawatan dari Shibata Senior High School, Japan dan Koshi High Scholl Japan ke Pusat PERMATA Pintar.<br><br>PERMATA Pintar memenangi pelbagai pingat di 27th International Invention and Innovation Exhibition 2016 (ITEX 2016)  | Pusat PERMATA Pintar, UKM<br><br>KLCC                                |

## PUSPANITA KEBANGSAAN

### Sepintas lalu / Pengenalan

Persatuan Suri dan Anggota Wanita Perkhidmatan Awam atau singkatannya PUSPANITA di bawah kepimpinan YBhg. Puan Sri Datuk Rohani Abdullah, Yang DiPertua PUSPANITA semakin rancak mengatur langkah bagi memastikan PUSPANITA dapat terus kekal relevan sebagai sebuah Persatuan Bukan Kerajaan (NGO) yang melaksanakan aktiviti-aktiviti kebajikan bukan sahaja kepada ahli-ahlinya malah kepada komuniti dan masyarakat setempat. PUSPANITA turut berperanan sebagai Rakan Perkhidmatan Awam yang bertanggungjawab menyalurkan maklumat dan intipati yang tepat mengenai dasar-dasar yang diperkenalkan oleh pihak Kerajaan. Seiring dengan visi dan misi PUSPANITA, persatuan ini akan terus menganjurkan program-program berbentuk keilmuan, keusahawanan, kesihatan, dan kepimpinan bagi melahirkan wanita unggul yang mampu menyumbang kepada pembangunan diri, keluarga dan masyarakat.

### Pencapaian Utama

Sepanjang tahun 2016 **sebanyak 527 program dan aktiviti** telah dilaksanakan oleh PUSPANITA yang meliputi program-program berbentuk Kebajikan, kemasyarakatan dan kesukarelawan, pendidikan, kesihatan, keusahawanan, keagamaan, sukan dan sebagainya. Sebagai Rakan Perkhidmatan Awam, PUSPANITA sentiasa membantu Kerajaan dalam menjayakan penganjuran program di peringkat antarabangsa.

Selari dengan hasrat Kerajaan untuk meningkatkan semangat **kesukarelawan** di kalangan remaja dan masyarakat PUSPANITA Kebangsaan dengan kerjasama beberapa Cawangan telah mengadakan Program Sukarelawan iM4U PUSPANITA: "Belia Kreatif Masyarakat Progresif" di Kampung Mangkuk, Setiu, Terengganu pada 17 hingga 19 Mac 2016, Program *KUFIC Calligraphy On Canvas Workshop* di Muzium Kesenian Islam Malaysia pada 8 Oktober 2016 dan Program APAC4U A Day with KSN di Taska PERMATA PUSPANITA Jabatan Perdana Menteri, Putrajaya pada 16 November 2016.



Program Kesukarelawan iM4U "Belia Kreatif Masyarakat Progresif"



Program iM4U & Ziarah Kebajikan "Belia Kreatif Masyarakat Progresif"





Program APAC4U A Day with KSN di Taska PERMATA PUSPANITA



Program KUFIC Calligraphy On Canvas Workshop

Menyedari aspek pendidikan merupakan antara elemen utama yang digariskan dalam Rancangan Malaysia Ke-11 di bawah Teras Strategik 3 iaitu Meningkatkan Pembangunan Modal Insan Untuk Negara Maju, PUSPANITA telah melaksanakan beberapa aktiviti melalui **Tabung Latihan PUSPANITA** termasuklah Kursus Seminar Transformasi Kepimpinan Wanita pada 25 April 2016, sebanyak 4 siri Seminar Pendidikan Generasi Muda “Teknik-

Teknik Menjawab Soalan Peperiksaan” pada 22 Mei 2016 siri pertama, 17 Julai 2016 siri kedua, 21 Ogos 2016 siri ketiga dan 9 Oktober 2016 siri keempat manakala Bengkel Pendidikan *Fun With English for Teenagers* pada 2 Disember 2016.

PUSPANITA turut bertindak sebagai **Rakan Perkhidmatan Awam** dengan menyampaikan dasar-dasar yang diperkenalkan Kerajaan melalui



Seminar Transformasi Kepimpinan Wanita



Seminar Pendidikan Generasi Muda "Teknik - Teknik Menjawab Soalan Peperiksaan"



Bengkel Pendidikan Fun With English For Teenagers



penganjuran Lawatan Sambil Belajar ke Institut Piawaian dan Penyelidikan Perindustrian Malaysia Berhad (SIRIM) di Shah Alam, Selangor pada 17 Februari 2016,

#### **Seminar Pendidikan Generasi Muda "Teknik - Teknik Menjawab Soalan Peperiksaan"**

Lawatan Berpandu Berkumpulan Warga Kerja PUSPANITA Kebangsaan sempena Hari Kraf

Kebangsaan 2016 pada 4 Mac 2016 di Kompleks Kraf Kuala Lumpur, Lawatan sambil Belajar PUSPANITA ke DiGi Telecommunications Sdn Bhd pada 26 Oktober 2016, Lawatan Sambil Belajar PUSPANITA ke Edu Park Universiti Putera Malaysia Lawatan Berpandu Berkumpulan Warga Kerja PUSPANITA Ke Pameran Pertanian, Hortikultur dan Agro Pelancongan Malaysia (MAHA) pada 3 Disember 2016 .



Lawatan Sambil Belajar PUSPANITA ke Institut Piawaian dan Penyelidikan Perindustrian Malaysia Berhad (SIRIM)





Lawatan Berpandu Berkumpulan Warga Kerja PUSPANITA Kebangsaan sempena Hari Kraf Kebangsaan 2016



Lawatan sambil Belajar PUSPANITA ke DiGi Telecommunications Sdn Bhd



Lawatan Sambil Belajar PUSPANITA Ke Edu Park Universiti Putra Malaysia



Lawatan Berpandu Berkumpulan Warga Kerja PUSPANITA Ke Pameran Pertanian, Hortikultur dan Agro Pelancongan Malaysia (MAHA) Tahun 2016

PUSPANITA sentiasa memberi dorongan dan galakan kepada ahli - ahli dan masyarakat untuk menceburkan diri dalam bidang **keusahawanan** bagi menjana pendapatan sampingan untuk kesejahteraan ekonomi keluarga dan ahli khususnya di samping pengurusan kewangan yang baik. Antara

usaha-usaha yang dilaksanakan adalah melalui penganjuran Seminar Keusahawanan Pertanian Adalah Perniagaan pada 7 Disember 2016, Bengkel Keusahawanan PUSPANITA “Kemahiran dan Kreativiti Pemangkin Kejayaan” pada 30 September hingga 19 November 2016.



Bengkel Keusahawanan PUSPANITA “Kemahiran dan Kreativiti Pemangkin Kejayaan”



Seminar Keusahawanan “Pertanian itu Perniagaan”



Bengkel Keusahawanan PUSPANITA “Kemahiran dan Kreativiti Pemangkin Kejayaan”

Aspek penjagaan **kesihatan** turut menjadi fokus utama PUSPANITA bagi melahirkan ahli dan masyarakat yang sihat, aktif dan produktif. Selain Program Pemeriksaan Kesihatan Wanita PUSPANITA dan kelas senamtari Pelbagai juga program kesihatan lain yang telah dilaksanakan termasuk Seminar Tahunan Kesihatan “Lelaki : Hargai Kesihatan Anda” pada 26 Mei 2016 ,Seminar Tahunan Kesihatan PUSPANITA : “*What You Need To Know About Cancer: Understanding Risk, Prevention And Treatment Alternatives*” pada 20 Oktober 2016, Forum Kesihatan Siri 1 : *Love Your Kidney* pada 13 Jun 2016. Malah PUSPANITA Kebangsaan

juga telah mengadakan Pertandingan Boling Piala Ketua Setiausaha Negara, Pertandingan Badminton Piala Yang DiPertua PUSPANITA Kebangsaan dan juga Karnival Tahunan Sukan PUSPANITA pada 23 April dan 24 April 2016. Selain itu, PUSPANITA juga menyediakan Klinik Golf PUSPANITA kepada ahli-ahli dan masyarakat sekitar yang berminat dengan sukan golf bermula 26 Mac sehingga 15 Mei 2016 setiap hari Sabtu dan Ahad. Manakala Kelas Senam Tari kepada para ahli pada setiap hari Isnin dan Rabu jam 5.30 hingga 6.30 petang. Malah PUSPANITA juga menyokong Kempen Hari Sukan Negara yang disambut pada 10 Oktober 2016.



Seminar Tahunan Kesihatan “Lelaki : Hargai Kesihatan Anda”



Seminar Tahunan Kesihatan PUSPANITA : “*What You Need To Know About Cancer: Understanding Risk, Prevention And Treatment Alternatives*”



Forum Kesihatan Siri 1 : *Love Your Kidney*



LAPORAN TAHUNAN **2016**



Forum Kesihatan Siri 1 : Love Your Kidney



Pertandingan Badminton Piala Yang DiPertua PUSPANITA



Pertandingan Boling Piala Ketua Setiausaha Negara



Klinik Golf PUSPANITA 2016




PUSPANITA Menyokong Hari Sukan Negara 2016

PUSPANITA turut menekankan aspek penjiwaan dan penghayatan kerohanian melalui penganjuran program-program berbentuk **keagamaan** agar ianya dapat memperkukuhkan pegangan dan jati diri individu supaya tidak terpesong ke jalan yang tidak diredhai Allah SWT. Antaranya seperti penganjuran Majlis Bacaan Yasin dan Doa Selamat

pada 29 Januari 2016, Persidangan Tahunan Agama “Menyemai Kasih di Dunia, Menuai Cinta di Syurga” pada 11 Oktober 2016, Majlis Ihya’ Ramadhan pada 3 Jun 2016, Majlis Tadarus dan Khatam Al-Quran PUSPANITA pada 15 Jun 2016 dan Kelas Mengaji Al-Quran yang diadakan setiap hari Khamis dan Jumaat.



Persidangan Tahunan Agama “Menyemai Kasih di Dunia, Menuai Cinta di Syurga”



Majlis Tadarus dan Khatam Al-Quran PUSPANITA



Majlis Ihya' Ramadhan



Majlis Bacaan Yasin dan Doa Selamat

Pelbagai **program latihan dan pembangunan modal insan** bagi meningkatkan kompetensi dan penguatan kerja berpasukan dikalangan warga kerja PUSPANITA telah dilaksanakan termasuk, Program Pemantapan Jati Diri Warga Kerja dan Ahli Jawatankuasa Kerja Tertinggi PUSPANITA

Kebangsaan Tahun 2016 pada 19 hingga 21 Mac 2016, Kursus Dalaman (*In-House Training*) Warga Kerja PUSPANITA pada 28 hingga 29 Mac 2016 dan Program Pemantapan Jati Diri dan Penguatan Jalinan Keluarga PUSPANITA 2016 pada 16 hingga 18 Disember 2016.



Program Pemantapan Jati Diri Warga Kerja dan Ahli Jawatankuasa Kerja Tertinggi PUSPANITA Kebangsaan Tahun 2016



Kursus Dalam (In-House Training) Warga Kerja PUSPANITA Tertinggi PUSPANITA Kebangsaan Tahun 2016

Seterusnya, penganjuran Persidangan Tahunan PUSPANITA Ke-4, Tahun 2016 yang bertemakan Peranan PUSPANITA Dalam Memperkasa Kepimpinan, dan Mendepani Cabaran Global telah dilaksanakan pada 17 November 2016. Persidangan

ini berjaya menarik kehadiran lebih 1,000 ahli PUSPANITA dari seluruh Negara dengan penyertaan sebanyak 24 booth jualan dan pameran daripada Kementerian/ Jabatan/ agensi Kerajaan dan Syarikat Berkaitan Kerajaan (GLC).



PUSPANITA juga turut memeriahkan **Sambutan Hari Kemerdekaan Ke-59** yang bertemakan pada 31 Ogos 2016 dengan penyertaan Kontinjen PUSPANITA dalam perarakan yang bertemakan "Wanita Sepakat, Negara Meningkatkan".

Melalui **Strategi Lautan Biru**, PUSPANITA banyak bekerjasama dengan beberapa Kementerian/ Jabatan/ Agensi sebagai satu kaedah yang kreatif dan sistematik dalam mewujudkan program berimpak tinggi dengan kos yang minimum untuk melaksanakan program-program seperti Majlis

Berbuka Puasa Ketua Setiausaha Negara dan PUSPANITA yang diadakan pada 20 Jun 2016. Manakala, Majlis Sambutan Hari Raya Jabatan Perdana Menteri dan PUSPANITA diadakan pada 20 Julai 2016.



Majlis Sambutan Hari Raya JPM dan PUSPANITA

PUSPANITA turut diberi kepercayaan oleh Kerajaan untuk membantu dalam penganjuran program di peringkat **Antarabangsa** seperti “*Program 39th Public Service Games*” And “*8th Joint Seminar*

*Programme For Malaysia And Singapore Public Sector Leaders 2016*” di Singapura pada 13 hingga 16 Oktober 2016.



*Program 39th Public Service Games And 8th Joint Seminar Programme For Malaysia And Singapore Public Sector Leaders 2016*

Bagi meningkatkan pengetahuan ahli PUSPANITA tentang fungsi dan peranan Kementerian/Jabatan/Agensi Kerajaan dengan lebih jelas, beberapa siri **Lawatan Turun Padang (LTP) PUSPANITA Kebangsaan** telah dilaksanakan. Sepanjang tahun 2016, PUSPANITA telah mengadakan LTP ke tiga buah Cawangan iaitu Kementerian Tenaga, Teknologi Hijau & Air (KeTTHA) pada 30 Mac

2016, Kementerian Perdagangan, Antarabangsa dan Industri (MITI) bersempena majlis perkongsian maklumat dan peranan Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri (MITI) pada 25 Mei 2016 dan Kementerian Dalam Negeri (KDN) bersempena program Perkongsian Budaya Melalui Tayangan Filem "*Mothers*" pada 19 Ogos 2016.



LTP ke Kementerian Tenaga, Hijau & Air (KeTTHA)



LTP ke Kementerian Perdagangan, Antarabangsa dan Industri (MITI)



LTP ke Kementerian Dalam Negeri

Komitmen dan sokongan penuh pelbagai pihak dalam menjayakan setiap program yang dirancang telah membantu PUSPANITA untuk

mengembangkan potensi para ahli, sekali gus dapat menyumbang secara konstruktif dalam agenda pembangunan Negara.

## TalentCorp

Talent Corporation Malaysia Berhad (TalentCorp) telah ditubuhkan pada 1 Januari 2011 di bawah kawal selia Jabatan Perdana Menteri berperanan untuk menarik, memupuk dan mengekalkan modal insan bagi memacu ekonomi Malaysia secara keseluruhannya. Melalui pelaksanaan *Critical Occupations List* (COL) dan berdasarkan analisis pasaran semasa, data dan maklumat berhubung jurang kemahiran kritikal pasaran pekerjaan negara dapat diperolehi bagi meneruskan usaha pembangunan modal insan yang lebih mampan dan strategik. Maklumat ini dapat membantu TalentCorp membentuk polisi serta merangka inisiatif yang bersesuaian untuk terus memperkasakan pembangunan modal insan negara selaras dengan keperluan pasaran pekerjaan khususnya kepada sektor swasta utama negara.

### Meningkatkan Kebolehpasaran Graduan

TalentCorp menolong mahasiswa untuk merealisasikan potensi mereka dalam menjamin pekerjaan yang bersesuaian dengan pelbagai majikan. Dengan meningkatkan ketersediaan modal insan, ia dapat menyediakan tenaga kerja yang berterusan bagi kemajuan ekonomi Malaysia.

Untuk memberikan bakal graduan pendedahan kepada latihan praktikal, TalentCorp turut membantu **16,452 bakal graduan** untuk dilatih melalui **Program Latihan Kerja Berstruktur (SIP)** pada tahun 2016, melebihi sasaran ditetapkan iaitu 15,000 bakal graduan. Melalui inisiatif **Graduate Employability Management Scheme (GEMS)** dan program **Upskilling**, seramai **5,885 graduan** telah dilatih pada tahun 2016 dan 80% graduan daripadanya telah mendapat perkerjaan.

TalentCorp juga telah membuka akses kepada industri untuk modal insan muda terbaik Malaysia melalui inisiatif **Scholarship Talent Attraction**

**& Retention (STAR)** dimana pada 2016, **1,217 pemegang biasiswa** Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA) diluluskan untuk berkhidmat dalam sektor swasta dengan majikan ternama di Malaysia. TalentCorp juga telah mengadakan sebuah dialog antara Perdana Menteri bersama 14 pemegang biasiswa JPA yang kini bekerja dengan majikan terkemuka di Malaysia. Dialog tersebut menerokai bagaimana Kerajaan, melalui JPA dan TalentCorp, boleh memastikan pulangan yang optimum atas pelaburan negara dalam modal insan muda.

Malaysia adalah salah satu daripada sepuluh negara yang membentuk organisasi ASEAN yang berkembang maju. Pertumbuhan ekonomi yang mantap, kemajuan sosial dan evolusi sosiobudaya telah mendorong Malaysia untuk menjadi salah satu destinasi modal insan yang cemerlang dalam dunia. Sehubungan dengan itu, **program MyASEAN internship** telah dilancarkan pada tahun 2015 dengan kerjasama Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri (MITI) untuk meningkatkan kesedaran belia mengenai peluang yang sedia ada melalui integrasi ASEAN. Pada tahun 2016, seramai 68 orang pelajar ASEAN telah menjalani latihan industri dalam organisasi Malaysia di rantau ASEAN.

Membina dari kejayaan MyASEAN Internship, program **MyAPEC YouthConnect** telah dilancarkan oleh YB Dato'Sri Mustapa Mohammed, Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri pada 18 Oktober 2016. Program mobiliti ini bertujuan untuk mewujudkan satu rangkaian modal insan terbaik untuk ekonomi Malaysia dan *Asia-Pacific Economic Cooperation* (APEC). Program ini menyediakan penempatan kerja jangka pendek antara 4 hingga 12 bulan di Malaysia dan negara APEC untuk menggalakkan kemahiran dan pemindahan teknologi serta hubungan antara belia APEC.

Untuk memastikan majikan Malaysia dipadankan dengan modal insan yang diperlukan, TalentCorp

bekerja keras untuk memastikan *Critical Occupations List* (COL) kami sentiasa dikemas kini untuk mengenal pasti pekerjaan yang permintaan paling tinggi, dan industri yang mana boleh menghadapi masalah kekurangan atau kesukaran dalam pengambilan pekerja. Selain membantu modal insan Malaysia untuk memilih laluan kerjaya mereka berdasarkan permintaan, COL berfungsi untuk menggalakkan penyesuaian yang lebih berkesan kearah modal insan justeru menggalakkan majikan untuk terus melabur dalam membangunkan kemahiran yang dicari. COL ini telah berkembang dari enam sektor pada tahun 2015 kepada sepuluh sektor pada tahun 2016, termasuk sektor pertumbuhan baru seperti aeroangkasa dan pendidikan.

#### Mengoptimumkan Para Profesional Malaysia

Bagi menarik dan mengekalkan modal insan, terutamanya penglibatan golongan wanita dalam pasaran tenaga kerja, TalentCorp telah menyokong implementasi dan menambahbaik **Flexible Work Arrangements (FWA)** yang dilaksanakan oleh 32 majikan terkemuka pada tahun 2016. Amalan terbaik disediakan melalui portal **flexWorkLife.my** dan disokong oleh khidmat nasihat dan bengkel yang dikendalikan oleh pemimpin sumber manusia yang berpengalaman dalam melaksanakan FWA di organisasi mereka.

TalentCorp juga telah melancarkan program **Career Comeback** pada Mac 2015 yang menawarkan insentif kepada majikan untuk mengambil dan seterusnya mengekalkan wanita yang telah kembali bekerja. Pada tahun 2016, **seramai 168 wanita profesional telah kembali bekerja** melalui program ini. TalentCorp juga telah menganjurkan sebuah dialog bersama Perdana Menteri dengan sekumpulan wanita yang mewakili mereka yang telah kembali bekerjaya di bawah Program *Career Comeback*.

#### Mengadakan Pembabitan Dengan Warga Malaysia di Luar Negara

**Program Kepulangan Pakar (REP)** berkesan dalam menarik modal insan dengan kemahiran yang diperlukan oleh Malaysia. Bank Dunia juga telah menganalisis bahawa dari segi kos, REP mempunyai faedah bersih walaupun setelah mengambil kira insentif cukai. Pada 2016, seramai **398 warga profesional Malaysia yang berpengalaman bekerja di luar negara diluluskan dibawah program REP**.

#### Memudahcarakan Tenaga Kerja Asing

Walaupun kami meletakkan keutamaan yang besar dalam memupuk modal insan tempatan, TalentCorp juga melihat keperluan untuk menarik dan mengekalkan bakat asing di Malaysia untuk membantu menangani jurang kemahiran kritikal dan menyediakan kepelbagaian yang lebih besar kepada kumpulan modal insan negara. Justeru, bagi membantu mengekalkan tenaga kerja ekspatriat dengan kemahiran yang kekurangan, **Residence Pass - Talent (RP-T)** membolehkan pemegang terus tinggal dan bekerja di Malaysia selama 10 tahun. Pada 2016, seramai **1,234 ekspatriat telah menerima kelulusan RP-T**. Manakala, **Malaysia Expatriate Talent Service Centre (MYXpats Centre)** adalah sebuah pusat sehati bagi para ekspatriat yang menyediakan perkhidmatan permohonan secara dalam talian bagi pas pekerja. Pada tahun 2016, **82% peratus permohonan pas pekerja diproses oleh MYXpats dalam piagam pelanggan 5 hari**.



JABATAN PERDANA  
MENTERI MALAYSIA

LAPORAN  
TAHUNAN

# 2016



## SEKTOR PEMBANGUNAN MODAL INSAN

## JABATAN PERKHIDMATAN AWAM (JPA)

### SEPINTAS LALU / PENGENALAN

Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA) telah diamanahkan sebagai peneraju pengurusan sumber manusia sektor awam dan telah diberi kuasa untuk menggubal dan melaksana dasar-dasar Pengurusan Sumber Manusia Sektor Awam dengan dua peranan utama iaitu membangunkan keupayaan institusi dan memastikan sektor awam ditadbir urus dengan baik. Selaras dengan tugas baharu yang dipimpin sejak tahun 2013 untuk menerajui Transformasi Perkhidmatan Awam, peranan JPA lebih penting dalam memastikan seluruh perkhidmatan awam kini akan bergerak kearah perkhidmatan awam yang berprestasi tinggi, berintegriti dan berjiwa rakyat.

Pada tahun 2016, sejumlah 58 inisiatif transformasi telah dilaksanakan oleh JPA mengikut Teras Kerangka Transformasi Perkhidmatan Awam (KTPA) dan 11 daripadanya merupakan inisiatif berimpak tinggi. Pelaksanaan inisiatif transformasi bagi tahun 2016 lebih memberi fokus kepada mendaya upaya bakat selaras dengan fungsi utama JPA sebagai peneraju pengurusan sumber manusia sektor awam.

### PENCAPAIAN UTAMA

1. *Award of Excellence* – JPA for HRMIS Deployment telah dianugerahkan kepada JPA bersempena dengan *Malaysia OpenGov Leadership Forum 2016*. Ini merupakan pengiktirafan terhadap kejayaan JPA dalam melaksanakan HRMIS yang merupakan salah satu dari projek rintis di bawah aplikasi Kerajaan Elektronik. Pencapaian ini adalah selaras dengan penambahbaikan berterusan yang dilaksanakan terhadap HRMIS bagi memastikan ia sentiasa bersifat anjal dan responsif kepada cabaran semasa.
2. JPA telah berjaya memperoleh penarafan 5 Bintang dalam penilaian prestasi melalui Indeks SSR Sektor Awam 2015-2016. Objektif penilaian Indeks SSR tahun 2015 adalah untuk menilai dan mengukur prestasi agensi sektor awam, dengan fokus diberi kepada keberhasilan, berorientasikan pelanggan dan berlandaskan aspirasi *stakeholders*. Dalam penilaian Indeks SSR tahun 2015, JPA merupakan salah satu dari 42 agensi yang telah berjaya memperoleh penarafan 5 Bintang,



*Award of Excellence – JPA for HRMIS Deployment sempena Malaysia OpenGov Leadership Forum 2016*



Penarafan 5 Bintang sempena Pengiktirafan Bintang Indeks SSR Agensi Sektor Awam Tahun 2015 -2016

- Sebanyak 55 Kementerian, Jabatan dan Agensi di peringkat Kerajaan Persekutuan telah menjadi penerima Anugerah Kecemerlangan Pengurusan Kewangan bagi Tahun Kewangan 2015 dan JPA merupakan salah satu dari 16 Kementerian, 22 Jabatan dan 1 Badan Berkanun Persekutuan yang berjaya mendapat penarafan 5 bintang pada majlis Anugerah tersebut. Mulai Tahun Kewangan 2015, penarafan Bintang cemerlang telah dinaikkan dari 4 kepada 5 bintang bertujuan untuk memenuhi keperluan semasa di samping memberi penilaian yang setara dengan penarafan oleh Agensi-Agensi lain.



Penarafan 5 Bintang sempena Anugerah Kecemerlangan Pengurusan Kewangan Berdasarkan Indeks Akauntabiliti Tahun Kewangan 2015 Bagi Kementerian, Jabatan Dan Badan Berkanun Persekutuan

- Jabatan Perkhidmatan Awam telah memenangi tempat pertama Anugerah Inovasi Teknologi Maklumat dan Komunikasi (AIICT) sempena Anugerah Inovasi Perdana Menteri dan Sektor Awam 2016. Anugerah ini mengiktiraf penghasilan inovasi dalam empat (4) bidang pengurusan khusus iaitu Pengurusan Kewangan, Pengurusan Teknologi Maklumat dan Komunikasi (ICT), Pengurusan Pihak Berkuasa Tempatan dan Pengurusan Pentadbiran Daerah dan Tanah.
- 6 inisiatif Transformasi Berimpak Tinggi yang telah dilaksanakan pada Tahun 2016 oleh JPA di bawah Teras Strategik 1 iaitu Mendaya Upaya Bakat adalah Penambahbaikan Skim Perkhidmatan, *Digital Government Competency & Capability Readiness* (DGCCR), Program Intervensi Bersepadu Dan Pembangunan Pegawai, Pelan Penggantian : *Fast Track dan Subject Matter Expert*, *Blue Ocean Strategy* (BOS) @ INTAN, dan Modul Baharu Penajaan. Di bawah Teras Strategik 2 iaitu Merekayasa Organisasi, Inisiatif Transformasi Berimpak Tinggi yang telah dilaksanakan adalah Kajian Rasionalisasi Agensi Sektor Awam manakala di bawah Teras Strategik 3 iaitu Merakyatkan Perkhidmatan, Inisiatif Transformasi Berimpak Tinggi yang telah dilaksanakan adalah *1Malaysia Customer Service of Civil Servants*



Tempat Pertama Anugerah Inovasi Teknologi Maklumat dan Komunikasi (AIICT) sempena Anugerah Inovasi Sektor Awam 2016

(*ISERVE*) yang bertujuan untuk merakyatkan penyampaian perkhidmatan awam di bawah satu bumbung dengan pewujudan kaunter bersepadu yang menawarkan pelbagai perkhidmatan. Melalui Teras Strategik 4 iaitu merangkum dan sepunya, inisiatif *Flagship* JPA4U telah dilaksanakan dengan menyediakan platform pembudayaan kerja berpasukan dan rasa sepunya melalui aktiviti yang menerapkan

penglibatan menyeluruh warga JPA. Teras 5 yang memberikan fokus kepada aspek-aspek membudayakan patriotisme, nilai-nilai murni, etos dan integriti telah dilaksanakan dengan jayanya melalui inisiatif JPA4U Ceria. Program Transformasi Berimpak Tinggi ini yang dilaksanakan secara santai dengan penglibatan Pengurusan Tertinggi JPA telah mewujudkan keseronokan bekerja di kalangan warga JPA.



Majlis Taklimat Pelaksanaan Pekeliling Perkhidmatan Bil. 1 Tahun 2016



Tepukan penghargaan kepada Profesor W. Chan Kim sempena *Special Lecture on BOS & Leadership* oleh Profesor W. Chan Kim



Calon-calon menduduki sesi penilaian *Cambridge Online Test (COT)* bagi yang memohon Program Penajaan Nasional (PPN)



Program Ceria JPA4U '*Zumbalicious*'



Program NBOS 1Pesara Zon Selatan telah diadakan di INTAN Wilayah Selatan (IKWAS), Kluang pada 8 November 2016 dihadiri oleh lebih 1,000 bakal pesara dan pesara Kerajaan.




Program Jelajah HRMIS telah membentuk kolaborasi strategik antara JPA dengan Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri



JABATAN PERDANA  
MENTERI MALAYSIA

LAPORAN  
TAHUNAN

# 2016



## SEKTOR PEMBANGUNAN SOSIAL EKONOMI

## UNIT PERANCANG EKONOMI (UPE)

### SEPINTAS LALU

Unit Perancang Ekonomi (UPE) merupakan agensi pusat yang menerajui kluster pembangunan ekonomi di bawah Jabatan Perdana Menteri. Dalam menelusuri fasa terakhir Wawasan 2020, Rancangan Malaysia Kesebelas (RMK11), 2016 - 2020 yang bertemakan "Pertumbuhan Berpaksikan Rakyat" telah dirangka melalui pendekatan lautan biru secara kolaborasi antara Kementerian/Agensi untuk mencapai sesuatu *outcome* dengan prinsip *low cost, high impact* dan *fast execution*. Pendekatan ini adalah selaras dengan kedudukan sumber yang terhad dan *outcome* yang pelbagai dan berasaskan ekonomi berteraskan rakyat (*people economy*) dan ekonomi berasaskan modal (*capital economy*).

### PENCAPAIAN UTAMA

Antara pencapaian UPE pada tahun 2016 adalah pelaksanaan inovasi beberapa program berimpak tinggi seperti berikut:

#### 1. Pelaksanaan Rancangan Malaysia Ke-11 (RMK11)

Merupakan salah satu program transformasi UPE dalam memastikan perancangan dan pemantauan bersepadu Outcome Nasional RMK11 mencapai sasaran. Struktur tadbir urus pemantauan RMK11 telah dipersetujui dalam mesyuarat Jawatankuasa Perancangan dan Pembangunan Negara (JPPN) Bil 1/2016 pada 23 Mac 2016 dan dipengerusikan oleh YBhg. Tan Sri Ketua Setiausaha Negara. Tiga peringkat pelaporan diperkenalkan iaitu Jawatankuasa Peneraju, Jawatankuasa Pemandu dan Jawatankuasa Berkala Peringkat Tertinggi.

Secara keseluruhan, terdapat enam Teras Strategik dan 1 Bab Mentransformasi Perkhidmatan Awam, 36 Bidang Fokus, 141 Strategi, 37 *Outcome* Nasional dan 120 Petunjuk Prestasi (KPI) bagi memastikan pencapaian objektif negara maju dan inklusif dalam tempoh RMK11 dapat direalisasikan. Di samping itu, sebanyak 21 kertas strategi telah dirangka bagi menyokong dan memperincikan strategi pelaksanaan RMK11 yang merangkumi aspek sosioekonomi, alam sekitar, infrastruktur serta transformasi perkhidmatan awam.

Beberapa siri *engagement* bersama pegawai Kementerian/Jabatan sepanjang tahun 2016 termasuk dua siri makmal bagi setiap Teras Strategik dan Bab 9 yang bertujuan untuk menggalakkan penglibatan aktif kementerian/agensi dalam perancangan dan pelaksanaan program/projek/inisiatif RMK11 secara kolaboratif.



Sesi soal jawab oleh wakil Kementerian dan Agensi yang hadir semasa Makmal Teras RMK11

#### 2. JAWATANKUASA KHAS EKONOMI (JKE)

JKE merupakan badan penasihat kepada Kerajaan yang melapur terus kepada YAB Perdana Menteri dan bertanggungjawab untuk meneliti isu-isu semasa dan merangka langkah serta strategi jangka pendek dan sederhana bagi menangani ketidaktentuan ekonomi serta mengurangkan impak negatifnya ke atas kedudukan ekonomi dan kewangan negara. Keahlian JKE terdiri daripada ahli korporat dan pegawai tinggi Kerajaan dan dipengerusikan oleh Mantan Menteri di Jabatan Perdana Menteri YBhg. Tan Sri Abdul Wahid bin Omar.


Fungsi JKE sebagai penasihat kepada YAB Perdana Menteri telah berakhir secara rasmi pada 22 Mac 2016. Sehubungan dengan itu, isu-isu berbangkit dan pemantauan pasaran kewangan serta ekonomi akan diteruskan oleh Majlis Ekonomi yang dipengerusikan oleh YAB Perdana Menteri.

Rentetan itu, Laporan JKE yang diterbitkan pada bulan Ogos 2016, telah mencadangkan tujuh strategi utama yang bertujuan untuk menstabilkan pasaran kewangan; memperkukuhkan integriti institusi dan sentimen; menangani pasaran hartanah; menangani buruh asing; memperkasa Pendidikan dan Latihan Teknikal dan Vokasional (TVET) serta menangani pengangguran siswazah; merancang pelaburan swasta; dan memastikan kesejahteraan rakyat.

Sejak JKE ditubuhkan, ia telah pun menyumbang kepada pembentukan langkah-langkah pro-aktif yang telah diumumkan pada 14 September 2015, penyesuaian Bajet pada 28 Januari 2016 serta dijadikan input kepada Bajet 2017 yang diumumkan pada 21 Oktober 2016. Dengan langkah proaktif yang dicadangkan oleh JKE berserta dengan langkah yang diumumkan oleh Kerajaan dari masa ke masa, kini pasaran kewangan seperti nilai ringgit dan pasaran saham adalah lebih stabil serta rizab antarabangsa Bank Negara Malaysia (BNM) kembali mengukuh. Ekonomi negara juga telah kembali mengekalkan momentum pertumbuhan dengan mencatat pertumbuhan Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK) yang lebih tinggi pada suku keempat 2016 iaitu sebanyak 4.5% (Suku 3: 2016: 4.3%). Bagi keseluruhan tahun 2016, KDNK negara telah berkembang pada kadar 4.2% dan mencapai sasaran yang ditetapkan iaitu antara 4% hingga 4.5% di sebalik ketidakpastian ekonomi global.



Sesi Taklimat JKE kepada YAB Perdana Menteri pada 22 Mac 2016.



Laporan JKE (Edaran Terhad) diterbitkan pada Ogos 2016

### 3. Blueprint Produktiviti Malaysia (MPB)

Peningkatan produktiviti telah dikenal pasti sebagai salah satu daripada pemacu perubahan dalam Rancangan Malaysia Kesebelas, 2016-2020 (RMK11) untuk memastikan pertumbuhan yang lebih mampan dan bersifat inklusif dalam jangka panjang. Antara strategi untuk meningkatkan produktiviti yang telah digariskan dalam RMK11 ialah dengan melaksanakan *Malaysia Productivity Blueprint* (MPB) bagi memacu pelaksanaan pelbagai inisiatif produktiviti. Sehubungan itu, UPE, JPM telah melaksanakan satu kajian bagi penyediaan MPB selama 9 bulan bermula Mac 2016.

MPB telah dibangunkan melalui empat kaedah utama, iaitu analisis data, input daripada pihak berkepentingan, analisis *trend* dunia dan penanda aras serta penyesuaian dengan agenda pembangunan negara sedia ada, terutamanya RMK11. Beberapa siri libat urus telah diadakan dengan lebih daripada 500 pihak yang berkepentingan daripada sektor awam dan swasta, termasuk kementerian dan agensi kerajaan, pakar industri, persatuan dan lembaga profesional, universiti serta perusahaan bagi merangka dan membangunkan MPB. Di samping itu, satu penyiasatan di peringkat nasional turut dilaksanakan bagi memahami

dengan lebih mendalam cabaran dan perspektif mengenai produktiviti di peringkat perusahaan.

Hasil kajian mendapati bahawa penyederhanaan produktiviti Malaysia dipengaruhi oleh lima cabaran utama seperti bakat, teknologi, struktur industri, persekitaran perniagaan dan minda berteraskan produktiviti. Bagi menangani isu produktiviti ini, kaedah yang berbeza dan menyeluruh akan diperkenalkan merangkumi strategi dan inisiatif di peringkat nasional, sektor dan perusahaan. Tadbir urus yang kukuh merupakan kunci utama bagi memastikan pelaksanaan yang berkesan. Di samping itu, produktiviti perlu dijadikan sebagai gerakan minda utama dan diserapkan sebagai amalan budaya kerja harian.

*Nota : MPB akan dilancarkan pada 8 Mei 2017 oleh YAB Perdana Menteri.*

#### 4. Program Skim Latihan 1Malaysia (SL1M)

Program Skim Latihan 1Malaysia (SL1M) telah diperkenalkan sebagai satu langkah inisiatif Kerajaan dalam menangani isu graduan menganggur. Ia telah dilancarkan oleh YAB Perdana Menteri pada 1 Jun 2011 setelah melihat kejayaan pihak Bank Negara Malaysia (BNM) dalam melaksanakan program intensif yang berkesan bagi membantu graduan mendapatkan pekerjaan. Program SL1M dilaksanakan untuk membantu graduan meningkatkan kemahiran mengikut keperluan industri dan mengurangkan kadar pengangguran melalui proses 'employability' dan 'marketability' yang membolehkan pelatih mendapat pekerjaan.

Program ini mengambil masa sehingga 12 bulan yang meliputi latihan kemahiran insaniah (*soft-skills*) selama 2 bulan (maksimum) dan penempatan pekerjaan (*on-job training*) selama 10 bulan (maksimum). Bagi latihan *soft-skills*, elemen-elemen seperti '*Communications*', '*Creative & Analytical Thinking*', '*Organizational Adaptability*', '*Value Driven Professional*' dan '*Grooming & Etiquette*' diterapkan kepada para pelatih SL1M bagi mempersiapkan mereka dalam menempuh alam pekerjaan sebenar. Graduan yang menyertai program ini akan menerima latihan dan penempatan pekerjaan di pelbagai sektor industri yang berdaftar dan mengambil bahagian di bawah program SL1M.

#### FOKUS 2016

Merujuk kepada Ucapan Bajet 2016 yang telah dibacakan oleh YAB Perdana Menteri pada 23 Oktober 2015 yang lalu, SL1M telah dimandatkan untuk melatih seramai 15,000 peserta yang rata-ratanya adalah daripada kalangan *marginalised graduates* yang belum mendapat pekerjaan setelah tamat pengajian.

Pencapaian Program SL1M 2016 adalah:-

- SL1M berjaya membantu seramai 99,504 graduan melalui penyertaan secara langsung dalam Program SL1M dan secara tidak langsung semasa Program Temu Duga Terbuka SL1M atau Sesi SL1M di Universiti. (Rujuk Lampiran 1: Statistik SL1M)
- Temu Duga Terbuka SL1M 2016 yang merangkumi capaian di seluruh Negara melalui Program Mega di Zon Utara, Zon Pantai Timur, Zon Selatan, Sabah dan Sarawak.

| TAHUN | JUMLAH GRADUAN YANG DIBANTU SECARA LANGSUNG | JUMLAH GRADUAN YANG DIBANTU SECARA TIDAK LANGSUNG |
|-------|---|---|
| 2011  | 4,197                                       | (dibantu secara terus di bawah syarikat SL1M)     |
| 2012  | 4,622                                       | 14,072  |
| 2013  | 4,450                                       | 13,322  |
| 2014  | 4,185                                       | 6,741   |
| 2015  | 10,000                                      | 9,500   |
| 2016  | 12,500                                      | 15,915  |
|       | <b>39,954</b>                               | <b>59,550</b>                                     |
|       | <b>Jumlah Keseluruhan</b>                   | <b>99,504</b>                                     |

Jumlah Graduan yang Dibantu Tahun 2011 - 2016 (Secara Langsung dan Secara Tidak Langsung)





Para graduan dan pencari kerja bergambar bersama YBhg. Datuk Seri Rahamat Bivi Yusoff, Ketua Pengarah Unit Perancang Ekonomi, Jabatan Perdana Menteri (UPE, JPM) dan YAB Datuk Seri Panglima Musa Haji Aman di Program Temu Duga Terbuka SLIM Peringkat Zon Sabah 2016



Ketua Pengarah UPE, JPM turut meluangkan masa melawat *booth* syarikat yang menyertai Program Temu Duga Terbuka SLIM Peringkat Zon Selatan 2016 di *Persada Johor International Convention Centre*

## 5. Pencapaian Penggunaan Dan Pengeluaran Secara Mampan (*Sustainable Consumption And Production*) Di Malaysia

Malaysia komited dalam melaksanakan penggunaan dan pengeluaran secara mampan (*sustainable consumption and production - SCP*) selaras dengan saranan Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu semasa persidangan kemuncak pada tahun 1992, 2002 dan 2012. Dalam hal ini, Malaysia telah menjalinkan kerjasama dengan *European Union (EU)* dalam Projek "*SCP Policy Support Malaysia*", yang melibatkan pasukan pakar dari dalam dan luar negara.

Pelbagai aktiviti dan program telah dijalankan di bawah projek ini seperti pelaksanaan Perolehan Hijau Kerajaan (*Government Green Procurement-GGP*), pelancaran SCP portal ([www.scpmalaysia.gov.my](http://www.scpmalaysia.gov.my)), mengintegrasikan SCP dalam kurikulum sekolah, meningkatkan penggunaan tenaga yang boleh diperbaharui (*renewable energy*), meningkatkan *demand side management* bagi tenaga, menggalakkan *low carbon mobility* dengan penggunaan pengangkutan awam dan kenderaan cekap tenaga serta pengurusan sisa buangan secara holistik. Pelaksanaan konsep SCP juga telah digariskan dalam Rancangan Malaysia Kesebelas.

Selain itu, melalui pelaksanaan *Advanced SCP* yang dijalankan bersama pihak EU, satu *baseline study* bagi GGP telah dihasilkan. Pada masa ini juga, program peningkatan kapasiti bagi pegawai kerajaan mengenai pelaksanaan GGP dan penghasilan 20 *product criteria development* bagi pelbagai produk dan perkhidmatan sedang dilaksanakan. Diperingkat Jabatan, UPE, JPM telah mengambil langkah untuk melaksanakan inisiatif SCP untuk menggalakkan gaya hidup mampan dalam kalangan pegawai dan kakitangan.

## 6. Kajian-Kajian

### 6.1 *Knowledge Content in Key Economic Sectors in Malaysia Phase III (MyKE III)*

Kajian *Knowledge Content in Key Economic Sectors in Malaysia Phase III (MyKE III)* telah dilaksanakan oleh Unit Perancang Ekonomi, pada tahun 2016 untuk menilai kandungan pengetahuan di peringkat firma dan mengenalpasti industri yang berpotensi untuk meningkat dalam rantaian nilai inovasi (*innovation value chain*) melalui penggunaan pengetahuan dan teknologi. Kajian ini meliputi 21 sektor mengikut *Standards Industrial Classification*

*Malaysia* (MSIC). Antara sektor yang dikaji adalah pertanian; pemprosesan makanan; elektrik dan elektronik; getah dan plastik; perkhidmatan kewangan; dan pembinaan.

Tiga sektor tertinggi yang menjana kekayaan melalui kandungan pengetahuan dan inovasi adalah industri automotif; bahan kimia, petroleum dan farmaseutikal; serta perkhidmatan teknologi maklumat. Sektor yang paling kurang menggunakan inovasi dalam penjana kekayaan pula adalah industri tekstil; pembinaan; dan produk berasaskan kayu. Kajian mengesyorkan lima strategi utama untuk memastikan industri mampu meningkat dalam rantaian nilai inovasi. Strategi pertama ialah pembangunan bakat yang holistik dan berterusan bagi memenuhi keperluan industri masa hadapan. Strategi kedua, pelaburan dalam penyelidikan dan pembangunan (R&D) yang menjurus kepada penubuhan pusat kecemerlangan (CoE) bagi meningkatkan kandungan pengetahuan dan keupayaan inovatif industri. Strategi ketiga pula menekankan pembentukan pemimpin generasi baru yang berupaya membuat keputusan strategik, berani mengambil risiko dan sentiasa mendorong pekerja untuk menjadi lebih inovatif dan kreatif. Strategi keempat menjurus kepada pengukuhan kolaborasi *quadruple helix* antara kerajaan; akademia; industri dan persatuan perdagangan dalam mewujudkan kesan pengganda (*multiplier effect*). Strategi terakhir memfokuskan kepada pemupukan ekosistem pengetahuan mesra perniagaan (*business friendly knowledge ecosystem*). Input kajian ini telah digunakan sebagai asas dalam penyediaan strategi dokumen Rancangan Malaysia Kesebelas.

## 6.2 Kajian Strategik Pelabuhan Negara

Kajian Strategik Pelabuhan Negara dirangka untuk membantu Kerajaan dalam membuat keputusan mengenai pembangunan pelabuhan agar lebih sistematik dan berdaya saing. Sehubungan

itu, EPU, JPM selaku urusetia induk kajian bersama *World Bank* selaku juruperunding telah bekerjasama melaksanakan Kajian Strategik Pelabuhan Negara untuk tempoh 15 bulan bermula pada bulan Ogos 2015 dan berakhir pada bulan November 2016.

Hasil daripada kajian ini kelak akan dijadikan asas kepada Kerajaan untuk menyediakan pelan tindakan strategik ke arah halatuju penggubalan Dasar Pelabuhan Negara. Dasar ini kelak akan menyediakan rangka kerja kawal selia bagi pembangunan kapasiti pelabuhan di samping menyelaras fungsi semua pelabuhan dan jeti ke arah meningkatkan tahap produktiviti, kecekapan dan perkhidmatan termasuk penambahbaikan perkhidmatan logistik.

## 6.3 Kajian Mengenai Potensi Industri Pertanian Terpilih Bagi Meningkatkan Tahap Pendapatan Isi Rumah 40% Terendah (B40)

Objektif kajian adalah untuk menyediakan profil isi rumah B40 dalam sub-sektor akuakultur, buah-buahan dan sayur-sayuran dan mencadangkan model pertanian dan perniagaan yang mampan dan berpotensi bagi meningkatkan purata pendapatan isi rumah B40 kepada sekurang-kurangnya RM5,270 sebulan pada tahun 2020. Tempoh pelaksanaan kajian adalah selama 6 bulan (15 Julai 2016 – 15 Januari 2017) dengan kos RM 1.7 juta.

Penemuan kajian mendapati profil utama B40 merangkumi 81% terdiri daripada generasi kedua dan ke atas manakala 32% daripada mereka berumur 45 tahun hingga 54 tahun; 34% petani mempunyai pendidikan rendah atau tidak mempunyai pendidikan formal dan jurang perbezaan purata pendapatan antara petani dengan pemilikan sendiri dan pekerja pertanian adalah kecil (RM1,813.40 sebulan berbanding RM 1,555 sebulan).

Kajian ini mencadangkan beberapa elemen baharu dalam membentuk model pertanian yang lebih mampan bagi agro makanan yang

telah dikenalpasti bernilai tambah tinggi dalam menjamin peningkatan pendapatan petani B40. Penerapan teknologi terkini seperti penggunaan peralatan dan sistem komunikasi secara lebih meluas dalam penyebaran maklumat mengenai khidmat nasihat/*mentoring/peer support*, perancangan penanaman, pasaran dan penentuan harga; penyediaan permintaan yang konsisten dan mampan melalui kontrak pembekalan; dan pengukuhan kerjasama antara petani B40 melalui gerakan persatuan dan koperasi; serta mempelbagaikan pendapatan melalui aktiviti bernilai tinggi secara terselaras. Kajian ini turut memperkenalkan penabungan persaraan bagi petani B40 sebagai langkah jaringan keselamatan sosial.

UPE, JPM dengan kerjasama agensi pertanian akan melaksanakan projek rintis untuk menyediakan garis panduan dan *Standard Operating Procedure (SOP)* sebelum model pertanian yang sesuai dibangunkan dan sebarluaskan.

## 7. MAJLIS EKONOMI (EC)

Majlis Ekonomi dipengerusikan oleh YAB Perdana Menteri dan mempunyai seramai 13 ahli yang terdiri daripada menteri-menteri ekonomi serta wakil-wakil dari pihak Kerajaan dan sektor swasta. Pada tahun 2016, mesyuarat telah diadakan sebanyak 29 kali dan sebanyak 210 isu *cross-cutting* yang melibatkan pelbagai pihak telah diselesaikan. Jumlah isu *cross-cutting* yang diselesaikan telah meningkat sebanyak 12 isu berbanding tahun 2015. Antara perkara yang dibincangkan dan diputuskan oleh Majlis Ekonomi adalah projek *High Speed Rail* di antara Kuala Lumpur dan Singapura, Transit Aliran Massa, pelaksanaan Skim Insurans Pekerja dan penambahbaikan sistem pengangkutan awam.

# LEMBAGA KEMAJUAN TANAH PERSEKUTUAN (FELDA)

## Pengenalan

FELDA yang ditubuhkan sejak 60 tahun lepas telah banyak mencipta kejayaan yang tidak mampu disangkal lagi. FELDA terus pesat membangun daripada aspek pembangunan ekonomi yang lebih mencabar. Segala usaha telah menampakkan kejayaan di pentas global apabila FELDA telah menjadi satu-satunya organisasi pembangunan tanah dan penempatan peneroka yang berjaya meningkatkan kualiti hidup komunitinya ke satu tahap yang lebih baik. Seiring dengan tema Bajet Tahun 2016 'Mensejahtera Kehidupan Rakyat', di mana kesejahteraan rakyat menjadi satu elemen yang dititikberatkan oleh kerajaan, FELDA mempunyai tanggungjawab yang sama dalam memastikan kesejahteraan keseluruhan lebih 2 juta warganya terjaga. Visi FELDA untuk memastikan warga peneroka berpendapatan tinggi sentiasa menjadi agenda utama FELDA. Pendapatan tinggi akan sekali gus memastikan warga peneroka menikmati taraf kehidupan yang lebih baik. Pelbagai inisiatif telah dirangka bagi membolehkan visi ini tercapai antaranya dengan memastikan penglibatan lebih tinggi warga peneroka serta generasi baru dalam aktiviti perniagaan.

Persekitaran ekonomi yang mencabar waktu ini juga memerlukan FELDA untuk mengamalkan perbelanjaan berhemah. Amalan perbelanjaan berhemah ini bukan bermakna FELDA akan mengurangkan tanggungjawab terhadap warga peneroka malah semua aktiviti pembangunan infrastruktur dan komuniti di kawasan rancangan FELDA akan tetap diteruskan.

## Anugerah-anugerah KIK

Tahun 2016 menyaksikan beberapa kejayaan dan anugerah diraih oleh FELDA seperti kecemerlangan dalam Konvensyen Kumpulan Inovatif dan Kreatif. FELDA telah menerima Anugerah Emas melalui penyertaan Konvensyen *Team Excellent* Peringkat Wilayah MPC 2016 yang diwakili oleh Wilayah Segamat, Wilayah Jengka dan Wilayah Trolak. Kumpulan Wurawari dari FELDA Wilayah Segamat juga telah merangkul Naib Johan Anugerah Inovasi Jabatan Perdana Menteri 2016 menerusi Projek Penghasilan Mesin Pengasingan Buah Relai Dengan Bendasing. Projek yang telah diusahakan dan ditambahbaik oleh petugas FELDA Wilayah Segamat ini juga telah memenangi Johan Teknikal,

Konvensyen Kumpulan Inovatif Kreatif FELDA 2016 sempena FELDA *Innovex* 2016. Penghasilan mesin yang dinamakan SSM-95 ini dapat meningkatkan kualiti kebersihan biji sawit relai dan sekaligus akan menambahkan pendapatan peneroka.

## Anugerah ESQR

FELDA juga telah berjaya mengekalkan gelaran Pemenang Platinum Anugerah *ESQR's Quality Choice Prize 2016 Convention* yang telah diadakan pada 12 Disember 2016 di Hotel Grand Hyatt Berlin, Jerman. Ini merupakan pengiktirafan bagi tahun kedua berturut-turut oleh *European Society for Quality Research (ESQR)* kepada FELDA setelah menerimanya pada tahun 2015. Anugerah ini diberikan sebagai tanda penghargaan di atas komitmen organisasi ini mengekalkan budaya kecemerlangan dalam pengurusan kualiti dan penyampaian perkhidmatan berasaskan kualiti bertaraf antarabangsa.

ESQR merupakan sebuah badan bebas berpangkalan di Lausanne, Switzerland yang memberikan penumpuan kepada penambahbaikan dan pembangunan aspek kualiti serta amalan terbaik (*best practices*) di dalam tadbir urus sesebuah syarikat, organisasi mahupun agensi sektor awam. Peranan dan sumbangan utama ESQR adalah meningkatkan kesedaran budaya kualiti melalui konvensyen, kempen dan anugerah pengiktirafan yang diadakan di bandar-bandar utama dunia.



# SURUHANJAYA PENGANGKUTAN AWAM DARAT (SPAD)

## PENGENALAN

Suruhanjaya Pengangkutan Awam Darat (SPAD) adalah badan berkanun yang ditubuhkan bertujuan untuk menambah baik pengangkutan awam supaya menjadi lebih efisien dan lebih cekap dengan mewujudkan sistem pengangkutan awam yang terancang, berintegrasi, mudah diakses dan berdaya maju. SPAD terus menerajui transformasi landskap pengangkutan awam darat dengan pemantapan sistem rel sebagai tunjang transit massa negara dan menjadikan perkhidmatan 'batuan awal dan terakhir' seperti bas dan teksi lebih mampan, selamat, selesa and efisien.

## PENCAPAIAN UTAMA

### a. Program/Aktiviti Utama yang Memberi Impak Besar kepada Rakyat

- Penyerahan bas sekolah oleh Pengerusi SPAD kepada SMK Dato Sri Amar Di Raja, Muar sempena misi bantuan banjir, (Mei 2016).
- Lawatan kerja SPAD Ke Jambatan Kemubu - Pembukaan semula Laluan KTMB ke Pantai Timur, (Jun 2016).
- Perjumpaan Program Transformasi Industri Teksi (TITP) bersama pihak berkepentingan industri Teksi oleh SPAD, (Ogos, 2016)

### b. Program-Program Transformasi

- Pembukaan pejabat wilayah SPAD di Johor Bahru (Januari 2016), Seremban (April 2016), UTC Kelantan (Disember 2016).
- Pemeteraian Perjanjian Persefahaman (MOU) antara SPAD dan Combined Bus Services Sdn Bhd bagi perkhidmatan myBAS Ipoh, (Februari 2016).
- SPAD dan Wilayah Ekonomi Pantai Timur (ECERDC) menjalankan kajian selidik

pasaran dan memohon pandangan melalui *Request for Information* (RFI) bagi Projek Laluan Kereta Api Pantai Timur (ECRL), (Mac, 2016).

- Lawatan kerja Pengerusi SPAD ke Projek Menaiktaraf Infrastruktur Landasan Berkembar Lembah Klang (KVDT) di stesen KTM Sg. Buloh, (Mac 2016).
- Kelulusan Skim Keretapi untuk Projek Landasan Berkembar Elektrik (EDTP) Gemas ke Johor Bahru oleh YAB Perdana Menteri, (Mac 2016).
- Pemeriksaan tapak Projek Sambungan LRT Laluan Kelana Jaya oleh Pengurusan SPAD, (Mei 2016).
- Lawatan kerja Pengerusi SPAD ke perkhidmatan myBAS di Ipoh, (Jun, 2016).
- Majlis Perasmian Sambungan LRT Laluan Kelana Jaya dan Ampang oleh Perdana Menteri, YAB Dato' Sri Haji Mohd Najib Bin Tun Haji Abdul Razak, (Jun, 2016).
- Majlis Memeterai Perjanjian Persefahaman (MOU) antara Malaysia dan Singapura untuk Projek Kereta Api Berkelajuan Tinggi Kuala Lumpur - Singapura, (Julai, 2016).
- Majlis Penyerahan Cek Dana Sokongan Sementara Bas Berhenti-Henti (ISBSF), (Ogos 2016).
- Sesi perjumpaan bersama industri teksi dan sidang media mengenai Program Transformasi Industri Teksi (TITP), (Ogos 2016).
- Majlis Pelancaran LRT3 oleh Perdana Menteri, YAB Dato' Sri Haji Mohd Najib Bin Tun Haji Abdul Razak, (Ogos 2016).
- Majlis Upacara Pecah Tanah MRT2 Laluan Sungai Buloh-Serdang-Putrajaya (SSP), (September 2016).

- SPAD menyegerakan audit bebas dan mengarahkan Prasarana untuk menaik taraf Laluan Kelana Jaya bagi menjamin tahap kebolehpercayaan perkhidmatan, (Ogos 2016).
- YAB Perdana Menteri mengumumkan Projek Laluan Kereta Api Pantai Timur (ECRL) semasa Pembentangan Bajet 2017, (Oktober 2016).
- Pemukiman Pemimpin Bagi Pemeteraian Perjanjian Dua Hala Kereta Api Berkelajuan Tinggi Kuala Lumpur - Singapura dan Sidang Media Bersama, (Disember 2016).
- Majlis Pelancaran MRT Fasa 1 oleh Perdana Menteri, YAB Dato' Sri Mohd Najib Tun Abd Razak, (Disember, 2016).
- Taklimat media mengenai kemalangan dan keselamatan bas ekspres, (Disember, 2016).

**c. Pencapaian Kejayaan Peringkat Kebangsaan/ Antarabangsa**

**i. Majlis Perasmian Sambungan LRT Laluan Kelana Jaya dan Ampang oleh Perdana Menteri, YAB Dato' Sri Haji Mohd Najib Bin Tun Haji Abdul Razak. (Jun, 2016)**

Projek sambungan jajaran LRT bagi laluan Ampang dan Kelana Jaya telah mula beroperasi dan dijangka sambungan laluan ini akan dapat meningkatkan bilangan penumpang yang menggunakan LRT kepada sebanyak 300,000 penumpang sehari.

